

Jilid II
Bil. 45



Hari Rabu
18hb November, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9253]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1993 [Ruangan 9324]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1993 [Ruangan 9324]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 9394]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
ALOR SETAR
1995

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).**

„ **Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ **Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun- Langkawi).**

„ **Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).**

„ **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).**

„ **Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).**

„ **Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

- .. **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).**
- .. **Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).**
- .. **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).**
- .. **Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).**
- .. **Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).**
- .. **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).**
- .. **Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).**
- .. **Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).**
- .. **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).**
- .. **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).**
- .. **Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong)

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHALI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb November, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh.

(Soalan No. 1 - Y.B.Lt.Kol.(B) Ibrahim bin Sareh tidak hadir)

PEMBINAAN SURAU/MASJID
DI KAWASAN PERUMAHAN—
KEPERLUAN UNDANG-
UNDANG

2. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah ada jaminan undang-undang untuk mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan membina surau atau masjid di kawasan-kawasan perumahan untuk kemudahan orang-orang Islam. Jika ada, apakah bentuk tindakan yang boleh diambil jika pemaju perumahan gagal berbuat demikian. Jika tiada, apakah cadangan Kerajaan selanjutnya atas keperluan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang Persekutuan, tidak ada peruntukan khusus mensyaratkan pemaju

perumahan membina surau atau masjid. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, ada peruntukan yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan menentukan keperluan dan perletakan tapak-tapak kemudahan ibadat. Maka Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meminta pemaju menyediakan tapak bagi masjid atau surau.

Untuk maksud ini, Jabatan Perancang Bandar dan Desa ada menyediakan garis-panduan berapa banyak rumah dan berapa luas kawasan perumahan memerlukan sebuah masjid atau sebuah surau. Pembinaan sebenar bangunan masjid atau surau itu terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan boleh menimbang cadangan supaya bukan sahaja surau atau masjid dibina di kawasan perumahan tetapi kuil dan tokong juga dibenarkan kerana pada masa ini terlalu sukar untuk mendirikan tokong dan kuil di sesebuah kawasan perumahan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Perancang Bandar dan Desa, kita ada peruntukan bukan sahaja untuk masjid dan surau tetapi juga untuk rumah-rumah ibadat yang lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sebutkan tadi Akta ini diperkenalkan dalam tahun 1976, if I am not mistaken. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, terdapat projek-projek yang siap

dalam tahun 1986 atau 1987 ke atas yang mana tiap-tiap projek ini disediakan kawasan lapang. Oleh kerana pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa mungkin tidak mengenakan undang-undang yang ketat, menyebabkan sekarang ini kebanyakan surau dibina di atas kawasan lapang yang sepatutnya digunakan untuk kemudahan-kemudahan lain. Jadi, adakah kedudukan Akta ini sebenarnya—Yang Berhormat sebutkan tadi terpulang kepada Pihak Berkuasa Negeri—dan saya ingin bertanya adakah Akta ini diikuti sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kalau tidak, adakah Yang Berhormat masih hendak membenarkan kawasan lapang ini untuk dibina surau-sarau oleh kerana ini akan menimbulkan masalah dengan mereka yang beragama lain, ataupun adakah dikenakan syarat supaya pemaju membenarkan sebuah unit daripada rumah itu diconvert untuk jadi surau dan sebagainya?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya di sesebuah kawasan rancangan perumahan yang besar diperlukan ada kawasan lapang untuk kegunaan recreational, dengan izin. Saya tidak tahu sama ada kawasan lapang ini digunakan atau surau telah dibina di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, memang semenjak Akta ini telah dikuatkuasakan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang menjadi Penasihat di dalam mana-mana Majlis Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah mengenakan syarat-syarat, asalkan kawasan yang dibina itu mempunyai unit-unit rumah atau penduduk yang melebihi syarat-syarat yang dikenakan seperti untuk pembinaan surau tidak kurang daripada 800 orang umat Islam, dan tapak pula lebih kurang tidak melebihi satu ekar, dan untuk masjid 1.25 ekar bagi penduduk melebihi 2,600 orang.

Kita akan sentiasa menentukan supaya syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis akan dipenuhi oleh pemaju-pemaju per-

mahan dan terpulanglah kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membina bangunan masjid ataupun surau di mana difikirkan perlu.

UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING DAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH— JUMLAH PERUNTUKAN

3. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat hari ini jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Unit Bimbingan Kaunseling dan Pendidikan Pencegahan Dadah Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan dari berbagai pihak. Sila nyatakan dengan terperinci pihak-pihak yang menyumbang bantuan kewangan ke unit ini serta jumlahnya;
- (b) apakah program pencegahan dadah yang telah dan sedang diaturkan oleh Unit ini untuk membanteras wabak dadah di kalangan pelajar. Sila beritahu secara terperinci; dan
- (c) jumlah pelajar di setiap negeri yang telah digantung kerana penglibatan dalam dadah di sekolah termasuk lima tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Pendidikan Pencegahan Dadah ialah sebanyak RM1,477,500.00. Pihak-pihak yang menyumbang bantuan kewangan ini ialah seperti berikut:

- (i) Kerajaan — RM1,000,000.00
(Peruntukan kepada Kementerian Pendidikan)
- (ii) Kerajaan — RM 166,000.00
(Melalui Pasukan Petugas Anti Dadah, MKN, JPM)

(iii) Swasta
(Melalui Pasukan Petugas Anti Dadah, MKN, JPM)

PEPSI — RM 150,000.00
OLIVETTI — RM 49,500.00
HEVEAFIL — RM 12,000.00

(iv) PEMADAM — RM 100,000.00

RM1,477,500.00

(b) Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Pendidikan Pencegahan Dadah telah dan sedang mengaturkan pelbagai program melalui Rancangan Lima Tahun yang Ke 2 iaitu tahun 1992 ke tahun 1996 yang melibatkan pelajar-pelajar di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Sekolah.

Antara program yang dimaksudkan ialah:

- (1) Expo Pendidikan Pencegahan Dadah.
- (2) Pertandingan Esei Anti Dadah.
- (3) Kursus Kepimpinan Rakan Sebaya.
- (4) Kursus Kepimpinan dan Motivasi Ke Arah Kecemerlangan.
- (5) Pertandingan Poster Anti Dadah.
- (6) Kem Jaya Diri.
- (7) Kolokium Membina Ketahanan Diri.
- (8) Ujian Air Kencing.
- (9) Ceramah Anti Dadah.
- (10) Program 5 Minit Anti Dadah.

(c) Tiada pelajar yang digantung persekolahannya kerana terlibat dengan dadah semenjak lima tahun kebelakangan ini. Pelajar-pelajar yang terlibat diletakkan di bawah seliaan guru Bimbingan dan Kaunseling.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria sekolah-sekolah yang dapat

mewujudkan Unit-unit Kaunseling yang serba lengkap dengan bilik-bilik untuk proses kaunseling ini dan adakah sekolah-sekolah ini mempunyai guru-guru kaunseling yang khusus terlatih dalam bidang ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua sekolah adalah digalakkan mengadakan Unit Bimbingan dan Kaunseling ini dan pada masa kini kerana kita masih memerlukan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling yang terlatih yang kebanyakan mereka ini terlatih di Maktab Perguruan dan ada juga lepasan ijazah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling ini.

Dalam jangka panjang, kita mengharap semua sekolah akan dapat menubuhkan Unit Bimbingan dan Kaunseling ini kerana ia menjadi satu usaha untuk meningkatkan lagi disiplin dan juga mencegah masalah-masalah seperti masalah dadah dan gejala-gejala yang lain yang mempengaruhi pemuda-pemudi atau pelajar-pelajar kita dan usaha Kementerian pada masa kini, selain dari mengadakan latihan untuk guru-guru di Maktab Perguruan dan lepasan ijazah, kita mengadakan Unit Bimbingan dan Kaunseling di peringkat Kementerian dengan pegawai-pegawai tertentu yang pakar dalam Bimbingan dan Kaunseling ini untuk menubuhkan pusat-pusat ini di sekolah mulainya di sekolah di mana risikonya dianggapkan tinggi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah pelajar yang terlibat dengan dadah yang diletakkan di bawah kaunseling menurut bilangan jantina dan kaum?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara bertulis kerana saya tidak ada angka yang tepat tetapi pernah saya sebut dalam Dewan ini angka-angka yang melibatkan anggarannya tidak kurang dari 2% tetapi ini saya akan pastikan lagi bahawa Bimbingan dan Kaunseling ini adalah satu usaha bukan sahaja mencegah

dadah tetapi juga kegiatan-kegiatan yang tidak sihat di kalangan pelajar-pelajar kita selain dari mengatasi masalah yang wujud. Yang sebenarnya teras kita adalah dengan izin, prevention rather than cure.

**PENANGKAPAN IKAN LAUT
DALAM—JUMLAH PERMIT/
PELABURAN**

4. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah permit tangkapan ikan Laut Dalam yang telah dikeluarkan hingga sekarang;
- (b) dari jumlah tersebut berapakah yang telah beroperasi dan jumlah tangkapan ikan yang dihasilkan;
- (c) jumlah permit yang dirampas, digantung dan ditarik balik. Apakah sebab-sebabnya;
- (d) jumlah pelaburan yang telah dikeluarkan oleh pihak yang terlibat sejak projek tangkapan ikan Laut Dalam dilancarkan oleh Kerajaan; dan
- (e) apakah incentive yang disediakan oleh Kementerian bagi menggalakkan tangkapan ikan Laut Dalam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah permit bot laut dalam yang diluluskan setakat ini ialah sebanyak 915 unit.
- (b) Jumlah bot yang beroperasi adalah sebanyak 435 unit dan jumlah tangkapan ikan yang dihasilkan adalah dianggarkan berjumlah 111,000 tan metrik setahun.
- (c) Bilangan permit yang ditarik balik adalah berjumlah 381 unit. Permit tersebut ditarik balik oleh kerana

pemohon tidak dapat menyediakan atau membina bot walaupun lanjutan tempoh kelulusan permit yang sesuai telah diberikan.

- (d) Jumlah pelaburan yang dikeluarkan oleh pihak yang terlibat sejak projek tangkapan ikan laut dalam dilancarkan adalah dianggarkan RM180 juta.
- (e) Di antara insentif yang disediakan oleh Kementerian Pertanian bagi menggalakkan penangkapan ikan di laut dalam adalah seperti berikut:
 - (i) *Kemudahan pinjaman:* Kementerian ini melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan Skim Kemudahan Kredit untuk memberi pinjaman dengan mengenakan syarat-syarat pinjaman yang ringan.
 - (ii) *Insentif kewangan:* Insentif kewangan yang diberikan kepada pelabur-pelabur adalah mengecualikan cukai di bawah Elaun Cukai Pelaburan ataupun Galakan Taraf Perintis.
 - (iii) *Pengecualian cukai import:* Peralatan-peralatan yang diperlukan dalam bot-bot laut dalam yang dikecualikan dari cukai import adalah, dengan izin, winches, power block, net drum, line hauler, trawl door, enjin laut (diesel) lebih daripada 40kw, (kuasa kuda), sonar situation display dan alat-alat ganti, echo sounder dan radar. Peralatan radio pula dikenakan cukai import sebanyak 2% sahaja.
 - (iv) *Latihan:* Latihan-latihan tertentu di dalam bidang pelayaran, penyelenggaraan enjin, penggunaan alat-alat menangkap ikan dan pengendalian ikan telah disediakan oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan.

- (v) *Penyediaan infrastruktur:* Pelabuhan perikanan untuk kegunaan bot-bot laut dalam seperti di Chendering, Terengganu telah dibina. Pelabuhan ini mengandungi jeti pendaratan, dewan pemasaran, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan ais, air dan elektrik. Di samping itu, Kompleks Pendaratan Ikan seperti di Kuantan, Geting, Besut, Kuala Sedili telah disediakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, di antara 200 lebih permit yang telah diberikan oleh Kementerian, saya ingin tahu berapa banyakkah permit-permit ini yang telah diguna oleh anak negeri sendiri dan berapa banyak yang diusahasama dengan orang luar? Di antara 200 permit-permit ini, adakah digunakan untuk hanya kapal menangkap ikan di laut dalam ataupun di antaranya adakah wujud kapal-kapal yang merupakan dengan izin, factory-ship ataupun kapal pubrik dan jikalau tidak, apakah rancangan Kementerian untuk menuju ke arah itu di dalam pengwujudan factory-ship sepertimana yang dibuat oleh negara-negara maju di dalam hal penelanaan laut dalam seperti Jepun dan Taiwan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan permit-permit yang dikeluarkan ini adalah untuk rakyat Malaysia. Berhubung dengan factoryship ini, pihak Kementerian belum ada lagi mengeluarkan permit untuk factoryship. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perikanan sedang mengkaji kemungkinan untuk meluluskan permohonan yang seumpama ini di masa-masa akan datang.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan permit-permit yang dikeluarkan kepada pelesen-pelesen untuk menangkap ikan laut dalam ini menggunakan awak-awak luar daripada Malaysia terutamanya di Selatan Thailand.

Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa ada usaha-usaha latihan untuk melatih pekerja-pekerja tempatan. Sejauh mana usaha-usaha latihan ini dapat mengadakan persiapan bagi penggunaan buruh tempatan dalam penangkapan ikan seluruhnya dalam jangka masa yang akan datang.

Yang keduanya, dalam soal pemberian lesen, apakah Kementerian mempunyai satu dasar untuk mensyaratkan bahawa satu lesen untuk penggunaan laut dalam hanya diberi kepada nelayan itu sendiri ataupun koperasi-koperasi nelayan, tetapi tidak kepada mereka yang tidak berkaitan dengan usaha menangkap ikan secara langsung?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan awak-awak yang bekerja di atas kapal-kapal nelayan laut dalam ini, memang benar sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas, kebanyakan awak-awak ini adalah terdiri daripada warganegara asing, terutama sekali daripada negara Thai. Pada masa sekarang, terdapat lebih kurang 7,000 awak-awak rakyat keturunan Thai yang sedang berkhidmat di atas kapal-kapal perikanan laut dalam. Kita sedang berusaha supaya lebih ramai nelayan-nelayan daripada negara kita boleh terus kekal bekerja di atas kapal-kapal ikan laut dalam ini. Nampaknya, kebanyakan daripada rakyat kita mungkin oleh kerana mempunyai pilihan pekerjaan, mereka lebih suka tinggal di darat daripada bekerja di dalam laut. Dan untuk mendapat tangkapan yang banyak, kita perlu berada di laut kira-kira 20 hari. Jadi, nampaknya orang kita tak boleh tahan sampai 20 hari dan hari Khamis dia hendak balik. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelesenan, cara kita menimbangkan atau membuat pertimbangan untuk meluluskan

lesen, keutamaan akan diberi kepada syarikat-syarikat ataupun koperasi. Kita mengambilkira tentang keupayaan kewangan dan pengurusan. Jadi, ada kadangkala kelulusan yang diberikan terpaksa ditarik balik oleh kerana pihak yang mendapat permit tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan. Begitu juga dari segi pengurusan. Jadi, keutamaan akan diberi kepada pihak-pihak yang mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan pengurusan apabila kita menimbangkan permohonan untuk mendapatkan permit dan setakat ini kita mempunyai kuota yang tertentu dan kelulusan untuk penambahan kuota ini berdasarkan kepada sumber perikanan dan kuota ini tidaklah statik, ia akan berubah mengikut kajian sumber yang terdapat di negara kita.

TELEFON DAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR, SARAWAK—KEMUDAHAN

5. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa kemudahan telefon dan api elektrik terutama di kawasan kampung-kampung dan rumah panjang di kawasan luar bandar di seluruh Sarawak belum lagi mencukupi dan adakah Kementerian bercadang dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk memberi peruntukan bagi projek tersebut; jika ada, nyatakan jumlah peruntukan; jika tidak ada, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa kemudahan telefon dan elektrik di kawasan luar bandar negeri Sarawak masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Ekoran daripada itu, pihak Kementerian sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, dalam Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah RM210 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar iaitu BELB ke seluruh negeri Sarawak.

Dengan peruntukan ini, adalah dijangka peratusan penduduk-penduduk Sarawak yang dapat menikmati bekalan elektrik akan meningkat ke 76% dari 58% pada masa ini. Cadangan-cadangan skim BELB yang telah dikemukakan oleh SESCO adalah merangkumi 27 stesen luar bandar dan 227 sambungan daripada sistem rangkaian yang sedia ada. Sejumlah 36,000 keluarga akan mendapat faedah daripada cadangan-cadangan BELB tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan telekomunikasi, pihak Telekom Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM235 juta untuk pembangunan rangkaian telekomunikasi di kawasan luar bandar negeri Sarawak bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Kemudahan telekomunikasi yang dirancang untuk negeri Sarawak adalah dalam bentuk penyediaan talian untuk kegunaan pelanggan biasa serta pemasangan pondok telefon awam di kampung-kampung dan juga di rumah-rumah panjang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya bertanya saya beri tahniah, telefon ini memang penting sekali kepada masyarakat di luar bandar terutama sekali hendak panggil kemudahan-kemudahan tertentu yang mana tempat di luar bandar itu jauh terpencil. Jadi, soalan saya, telefon ini ada dua perkara. Pertama, benarkah atau tidak telefon yang lama apabila penggantian dibuat oleh pihak Telekom dahulu, telefon-telefon yang lama di bandar-bandar itu dihantar kepada pengguna-pengguna telefon di luar bandar. Maknanya, telefon yang tidak digunakan di bandar digunakan di luar bandar.

Yang kedua, berapa banyakkah kampung yang dischedule oleh pihak Kementerian untuk mendapat telefon awam di Sarawak pada tahun 1993 yang akan datang ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, negara ini ialah negara moden, tak payahlah kita hantar telefon lama kepada kawasan-kawasan luar bandar. Oleh

kerana penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dengan taraf yang sama dengan penduduk-penduduk di bandar-bandar, oleh kerana kita tidak ada peringkat manakah yang menerima telefon baru dan peringkat manakah yang menerima telefon lama, tidak ada kebiasaan seperti itu.

Mengenai soalan Yang Berhormat berkenaan dengan telefon, suka juga saya menjawab iaitu Telekom Malaysia telah mengenalpasti kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang akan disediakan kemudahan telekomunikasi sehingga tahun 2000 adalah seperti berikut:

Tahun	Kampung-kampung	Rumah-rumah Panjang
1992	95	1
1993	60	1
1994	61	3
1995	57	6
1996	67	6
1997	58	-
1998	45	6
1999	74	6
2000	147	9

Jadi, jumlah yang akan dibekalkan di Sarawak ialah 654 kampung-kampung dan juga 38 rumah-rumah panjang yang sedia ada. Itulah rancangan kita.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Malaysia sudah menjadi negara moden, maka adakah satu cadangan Kerajaan untuk melaksanakan sebuah satelit untuk tujuan meningkatkan kemudahan telekomunikasi? Jika ya, adakah Kerajaan Persekutuan Malaysia ini bercadang untuk melaksanakan ataupun mengkaji dari segi feasilibilitinya satu projek satellite phone, sebab satellite phone ini sudahpun digunakan secara meluas di Afrika dan ianya sesuai untuk sebuah negeri seperti Sarawak dan Sabah akibat daripada masalah memasang talian melintas kawasan yang susah disampai. Adakah satellite phone ini dicadangkan?

Soalan keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adalah terhadap bekalan elektrik kepada kampung-kampung. Sekarang elektrik yang

dibekalkan daripada Hidro Elektrik Batang Ai adalah untuk kawasan perumahan dan kawasan perindustrian di Sibul dan Kuching, bandaraya besar itu. Maka walaupun wayar elektrik itu lintas kawasan kampung-kampung, tetapi orang yang menduduki kampung sana masih terpaksa menggunakan lampu yang menggunakan minyak tanah, dan ini paling tidak adil kepada mereka. Dari segi Wawasan 2020 mereka tidak boleh tengok Wawasan 2020, sebab selalu teruk dan gelap, maka adakah satu kemudahan dari segi teknikal....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat panjang sangat nampaknya.

Tuan Sim Kwang Yang:...jurutera, sebab dia ini masalah panjang Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) (*Tepuk*)—panjang dan lama wujud—dan sudah jadi satu masalah paling besar untuk orang luar bandar di Sarawak. Adakah transformer akan dibuat supaya elektrik dari projek hidro elektrik ini boleh secara langsung membawa manfaat kepada orang luar bandar. Itu sahaja.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya baru tadi dalam jawapan saya, saya telah menjelaskan berkenaan telefon-telefon yang akan dipasang di negeri Sarawak termasuk beberapa rancangan-rancangan baru. Projek atau sistem yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya tidak dengar sistem seperti itu, saya kurang faham. Jikalau Ahli Yang Berhormat ada juga sistem atau keterangan berkenaan sistem itu, kita boleh menyiasat untuk mendapat tahu bolehkah sistem itu dikenali di dalam negara kita khususnya di negeri Sarawak dan Sabah. Di negeri Sarawak dan juga di Sabah kita telah mengenali beberapa Telefon ATUR. Bagi kawasan-kawasan di pedalaman yang tidak mempunyai lampu elektrik dan juga tidak boleh didawakan beberapa jauh dalam kawasan pedalaman ini, kita telah memberi telefon-telefon ATUR yang gunakan tenaga suria. Saya sendiri pun telah merasmikan beberapa telefon di Sabah dan juga di negeri Sarawak.

Berkenaan dengan bekalan elektrik, saya faham dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di negeri Sarawak. Berkenaan dengan pembekalan kepada kawasan-kawasan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya percaya dalam hal ini mesti diadakan satu penyiasatan macam manakah mereka dalam kawasan ini menghadapi masalah. Selain daripada itu, rancangan Kerajaan sekarang ialah untuk memberi bekalan kepada kawasan-kawasan luar bandar, tetapi dalam rancangan ini kita tidak boleh memberi bekalan kepada semua kawasan dalam suatu masa. Saya tahu negara-negara yang telah membebaskan daripada negara Britain lebih lama daripada kita, empat puluh tahun pun belum mengadakan lampu elektrik kepada semua kawasan. Tetapi dalam rancangan Kerajaan, kita merancang untuk mengadakan bekalan kepada semua kawasan-kawasan dan oleh kerana itu juga saya kata dengan perbelanjaan lebih dari RM200 juta, peratusan pengguna-pengguna elektrik di kawasan luar bandar boleh ditambah dan dinaikkan kepada 76%.

KWSP—JUMLAH AMAUN YANG TIDAK DITUNTUT

6. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagi tiap-tiap negeri, berapakah jumlah amaun yang masih belum dituntut oleh pencarum-pencarum KWSP yang layak mengeluarkan kesemua bakinya;
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dibuat untuk mengesan pencarum-pencarum yang berkenaan, atau penama/warisnya.
- (c) sama ada dividen masih dikreditkan kepada akaun-akaun berkenaan sehingga dituntut; dan
- (d) bahawa beliau tidak bercadang memindahkan baki-baki yang berkenaan kepada Perbendaharaan di bawah Akta Wang Tidak Dituntut (Unclaimed Monies Act).

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, setakat 1hb Januari 1992, jumlah wang yang ada di dalam akaun Simpanan Yang Tak Dituntut ialah RM79,155,946.11 dengan bilangan ahli seramai 110,263 orang. Sejak Januari hingga Ogos 1992, bilangan ahli ataupun waris ahli yang memohon untuk mengeluarkan simpanan ini ialah seramai 2,559 orang dengan amaun RM6,519,966.25. Ini bermakna baki simpanan yang tidak dituntut setakat 31hb Ogos, 1992 ialah sebanyak RM72,635,949.86 dengan bilangan ahli seramai 107,704 orang. Walau bagaimanapun, KWSP tidak mempunyai rekod mengenai jumlah amaun simpanan yang tidak dituntut bagi tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP telah dan akan terus berusaha untuk mengesan pencarum-pencarum yang tidak menuntut caruman mereka. Antara tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Menerbitkan Buku Simpanan KWSP Yang Tak Dituntut yang mengandungi senarai ahli yang berumur 60 tahun dan ke atas. Buku ini telah diedarkan ke semua Pejabat KWSP, Pejabat Pos, Pejabat Penerangan, Pejabat PERKESO, Pejabat Tenaga Rakyat, Wakil Rakyat, Balai Penghulu, Kesatuan Sekerja dan lain-lain.
- (ii) Menyediakan poster Buku Simpanan KWSP Yang Tak Dituntut dan mempamerkannya di tempat-tempat awam di seluruh negara.
- (iii) Mendapatkan kerjasama daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPRM) untuk mengesan alamat terbaru ahli KWSP berkenaan yang berdaftar dengan SPRM bagi menghubungi mereka.

- (iv) Memaklumkan mengenai perkara ini kepada orang ramai melalui media massa. Ini termasuk mengiklankannya menerusi televisyen.
- (v) Mendapatkan maklumat mengenai orang-orang tua yang menghuni Rumah Orang-orang Tua untuk mengenalpasti jika ada di antara mereka yang terdiri daripada ahli KWSP yang berkenaan.
- (vi) Mendapat kerjasama daripada Syarikat Telekom Malaysia untuk mengesan alamat terbaru ahli KWSP berkenaan yang disimpan dalam rekod STM bagi tujuan menghubungi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dividen akan terus dikreditkan ke akaun-akaun ahli berkenaan sehingga ahli ataupun waris ahli membuat tuntutan ke atas akaun ini.

Mengenai caruman yang tidak dituntut oleh pencarum atau waris mereka, Kementerian Kewangan sedang mencari alternatif yang sesuai untuk memindahkan caruman-caruman ini kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pemindahan wang tak dituntut dari semua pihak di negara ini kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut adalah untuk memastikan wang itu selamat dalam jagaan Kerajaan dan boleh dituntut pada bila-bila masa oleh pencarum atau waris mereka.

Dalam kes caruman KWSP, sungguhpun caruman yang tidak dituntut itu belum diserahkan kepada Pendaftar Wang Yang Tak Dituntut, Kementerian Kewangan sentiasa dan akan terus memastikan caruman-caruman itu selamat dan diurus dengan baik dan boleh dituntut pada bila-bila masa oleh pencarum atau waris mereka.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada suatu masa dahulu pihak KWSP ada mengeluarkan

penyata-penyata kewangan tahunan kepada tiap-tiap pencarum supaya pencarum-pencarum itu sedar amaun atau baki yang terakhir caruman mereka di KWSP. Ini saya rasa boleh membantu pihak KWSP untuk mengesan pencarum-pencarum tersebut. Tetapi sejak kebelakangan ini, penyata-penyata kewangan ini tidak lagi dikeluarkan oleh pihak KWSP kecuali jika diminta oleh pihak pencarum. Jadi saya ingin tahu sama ada pihak KWSP akan memperkenalkan balik amalan ini supaya dapat membantu lebih KWSP untuk mengesan pencarum-pencarum supaya dapat menuntut wang mereka.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa salah satu daripada cara untuk mengesan pencarum-pencarum ini ialah dengan mengeluarkan buku senarai pencarum-pencarum yang ditempatkan di pejabat-pejabat pos dan termasuklah di pejabat-pejabat Wakil Rakyat. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat apakah kesan buku yang dikeluarkan ini dan adakah pihak Kementerian akan melanjutkan amalan ini dan mengeluarkan buku ini tiap-tiap tahun kepada Pejabat-pejabat Wakil Rakyat untuk mengesan pencarum-pencarum ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan dan pihak KWSP, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak KWSP, khususnya berkenaan dengan penyata kewangan tahunan yang betul-betul boleh menolong untuk mengesan atau memberitahu pencarum-pencarum yang tidak menuntut wang mereka. Saya akan membawa balik cadangan ini kepada pihak KWSP supaya membuat kajian sama ada langkah ini boleh diperkenalkan semula untuk manfaat pencarum-pencarum yang berkenaan.

Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua, mengenai dengan buku simpanan KWSP yang telah dikeluarkan dan

diedarkan kepada semua pejabat KWSP dan sebagainya. Berkenaan dengan kesannya saya tidak berapa puas hati, oleh sebab itulah pihak KWSP sedang mengambil langkah-langkah lain seperti apa yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, buku-buku seperti ini akan dikemaskinikan supaya pencarum-pencarum yang baru berumur 60 tahun dan ke atas akan dimasukkan ke dalam buku ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beliau menyebut bahawa jumlah wang yang tak dituntut telah berkurangan daripada RM79 juta kepada RM72 juta sehingga bulan Ogos, 1992. Ini menunjukkan ada kemajuan sebenarnya dalam usaha-usaha yang telah dibuat selama ini untuk mengesan orang-orang yang tidak mahu menuntut ini. Saya ingin bertanya apakah pihak Kementerian bercadang sebagai langkah selanjutnya untuk mengiklankan dalam akhbar-akhbar tempatan ataupun akhbar-akhbar utama dalam berbagai bahasa nama-nama mereka yang tidak menuntut dari semasa ke semasa supaya waris-waris mereka yang berkenaan, kalau mereka sudah meninggal dunia, dapat mengesan nama-nama tersebut. Dan juga sama ada pihak Kementerian bercadang untuk melengkapkan senarai-senarai pencarum-pencarum tersebut dengan maklumat-maklumat yang lebih, seperti pekerjaan mereka sewaktu mereka didaftarkan dan juga alamat terakhir ketika mereka menjadi ahli KWSP.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya senarai ahli pencarum KWSP yang tidak menuntut caruman mereka supaya diiklankan di suratkhbar-suratkhbar, khasnya suratkhbar tempatan supaya kita dapat mengesan mereka, ini adalah satu langkah yang KWSP buat dari semasa ke semasa. Tetapi melihat bahawa senarai ahli KWSP yang berkenaan ini panjang sangat, jadi kita menganggap bahawa buku simpanan KWSP yang kita edarkan itu adalah lebih berkesan.

Berkenaan dengan cadangan yang kedua supaya maklumat yang lebih dimasukkan ke dalam buku-buku simpanan KWSP berkenaan senarai ahli yang tidak menuntut itu, saya akan bawa cadangan ini kepada pihak KWSP untuk kajian.

LESEN KEPADA PUSAT PERMAINAN VIDEO

7. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa pusat-pusat permainan video yang diberi lesen untuk beroperasi di rumah-rumah kedai berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan dan sekolah telah menimbulkan berbagai masalah yang melibatkan murid-murid sekolah serta menimbulkan kerisauan kepada ibu bapa mereka kerana kebanyakan pusat-pusat permainan video ini tidak dikawal rapi oleh pihak berkuasa sehingga kegiatan perjudian secara menggunakan mesin video lumba kuda dijalankan dengan berleluasa; dan
- (b) bolehkah Kerajaan menimbang untuk menutup semua pusat-pusat permainan video yang beroperasi di rumah-rumah kedai serta menghadkan pemberian lesen hanya kepada tempat-tempat awam yang dapat diadakan kawalan rapi setiap masa oleh pihak yang berkuasa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuasa mengeluarkan lesen-lesen pusat permainan video terletak di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Negeri yang pada kebiasaannya dibuat melalui Pejabat-pejabat Daerah dan bukan Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Polis pula bertanggungjawab menen-

tukan agar aktiviti-aktiviti permainan video di pusat-pusat hiburan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam lesen yang berkenaan.

Mengenai masalah pelajar-pelajar yang mengunjungi tempat-tempat berkenaan, pihak Kerajaan memang mengawasi perkembangan ini dari masa ke semasa. Selain daripada itu, pengusaha tempat-tempat permainan video ini hendaklah meletakkan notis melarang pelajar-pelajar sekolah dan orang-orang yang di bawah umur 18 tahun daripada mengunjungi tempat-tempat permainan video ini. Sekiranya didapati pengusaha ataupun tuan punya tempat-tempat permainan video ini melanggar syarat-syarat lesen dan membenarkan pelajar-pelajar dan orang-orang yang berumur di bawah 18 tahun memasuki tempat-tempat tersebut, maka tindakan akan diambil ke atas tuan punya oleh pihak Polis.

- (b) Pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkuasa mengeluarkan lesen-lesen pusat video tentunya akan mengambil tindakan tegas dari masa ke semasa, termasuk membatalkan lesen-lesen dan menutup pusat-pusat hiburan yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di dalam lesen mereka serta mengkaji cara-cara yang berkesan mengawal pusat-pusat video ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyakkah pusat-pusat video yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Tempatan yang berada di bawah Kementerian Yang Berhormat dan berapa banyakkah hasil kutipan daripada pengeluaran lesen-lesen tersebut? Adakah Kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi rondaan dan juga serbuan ke atas pusat-pusat video ini supaya

kanak-kanak sekolah tidak begitu terlibat di dalam perjudian. Di samping itu, mungkinkah Kerajaan juga akan mencerahkan cermin-cermin yang gelap di mana kedai-kedai video sekarang ini mengamalkan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kuasa meluluskan lesen-lesen ini bukan di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan bukan tertakluk di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan diberikan melalui Pejabat-pejabat Daerah.

Mengenai peningkatan rondaan Polis, saya harap Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian, termasuklah memindahkan cermin-cermin gelap seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat banyak pusat video ini yang masih dikunjungi oleh murid-murid sekolah ataupun pelajar-pelajar di bawah umur 18 tahun walaupun syarat-syarat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi masih dikuatkuasakan. Apakah sebabnya bilangan murid dan pelajar yang mengunjungi pusat-pusat ini masih tidak dapat disekat? Adakah ini kena-mengena dengan penguatkuasaan yang tidak begitu berkesan? Adakah kerana ini ada bertindih-tindihnya fungsi dan tugas penguasa mengenai pusat seperti ini?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

Oleh sebab tugas dan kuasa mengawasi tempat-tempat video ini di bawah kuasa Polis, saya cadang Yang Berhormat buat soalan ini pada session Parlimen akan datang kepada Kementerian Dalam Negeri. *(Ketawa)*

**KUASA POLITIK TIDAK
CAMPUR ADUK DENGAN
PERNIAGAAN**

8. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini Perdana Menteri mencadangkan

supaya politik tidak dicampur-aduk dengan perniagaan untuk mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tetapi pada suatu masa dulu, Dr. Mahathir juga mencadangkan kepada UMNO supaya melibatkan diri dalam perniagaan kerana kononnya parti tidak boleh terus bergantung kepada yuran dan kutipan derma. Cadangan mana yang betul.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang sama pada 22-10-92 yang lalu bersama dengan soalan Yang Berhormat daripada Ipoh. Saya tidak ada apa-apa tambahan bagi perkara berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan satu cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perniagaan tidak harus dicampuradukkan dengan politik. Adakah Barisan Nasional bercadang untuk menggubal satu undang-undang supaya dapat mengasingkan atau mencapai hasrat yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau tidak, mengapa?

Soalan kedua, memandangkan bahawa sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan demikian, adakah beliau sedar juga bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sekali lagi dalam media Tamil menyatakan bahawa oleh kerana masalahnya sendiri, beliau tidak takut diambil tindakan kerana UMNO sendiri terlibat dalam perniagaan. Dan adakah ini benar, mengikut dakwaan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos khususnya beliau tidak boleh diambil tindakan dalam skandal MAIKA kerana UMNO sendiri terlibat dalam perniagaan. Kalau dakwaan ini benar bukannya ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cakap tidak serupa bikin. Dan kalau Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos bohong apakah tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Yang Berhormat boleh soal tetapi jangan buat andaian dalam soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Adakah pihak Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana tuduhan seperti ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan dalam jawapan saya yang lalu pada 22-10-92 bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri yang ada sekarang ini telah menyatakan dengan tegas bahawa yang tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam perniagaan ialah anggota-anggota Kerajaan yang memegang kuasa eksekutif. Yang lainnya yang tidak ada kuasa eksekutif adalah dibenarkan. Dengan itu peraturan yang ada sekarang telah mencukupi dan kita tidak bercadang untuk menggubal undang-undang baru bagi perkara ini kerana ianya diamalkan dan didapati berkesan.

Mengenai yang kedua, tindakan yang dijalankan bergantunglah kepada pihak BPR. Saya telah jelaskan juga bahawa, dan semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan pun telah menjelaskan bahawa kajian atau siasatan masih lagi dijalankan ke atas Menteri berkenaan dan ianya tidak ada kaitan dengan UMNO. Saya sudah jelaskan bahawa bolehlah disiasat kalau sekiranya UMNO ada berniaga. Ini terpulanglah kepada pihak Pembangkang untuk menyiasat, kalau ada UMNO berniaga. Dan saya hendak menyatakan bahawa UMNO tidak ada perniagaan. Begitu juga dengan soal yang disebutkan ini, selagi kes ini dalam siasatan maka tidak ada sebarang tindakan boleh dilakukan terhadap Menteri berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri...*(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha Parlimen.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apa, bolehlah itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Naik pangkat. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Kenapa persoalan ini timbul oleh kerana sudah ada peraturan bahawa kumpulan ahli politik, eksekutif dalam Kerajaan yang tidak dibenarkan, yang lain-lain dibenarkan. Mengapa persoalan ini timbul? Sebab tidak ada masalah yang berkaitan dengan perkara ini.

Yang kedua, dalam soalan ini disebut bahawa, "Dr. Mahathir juga mencadangkan kepada UMNO supaya melibatkan diri dalam perniagaan kerana kononnya parti tidak boleh terus bergantung kepada yuran dan kutipan derma". Ini merupakan satu tuduhan. Dan Yang Berhormat telah menyebut bahawa Kerajaan akan menyiasat tentang tuduhan yang berkenaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebagai soalan yang kedua, adakah Kerajaan ingin menyiasat mengenai kutipan derma mengenai Bukit Cina yang dibuat oleh DAP yang sampai sekarang akaunnya atau kira-kiranya belum ditunjukkan kepada orang ramai.

Saya ingin bercadang kepada Kerajaan menyiasat bagaimana tentang kedudukan kira-kira dari kutipan derma daripada Bukit Cina yang dianjurkan oleh DAP. (*Tepuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, persoalannya yang disebutkan di sini ialah kerana kita tidak mahu berlaku percanggahan kuasa dalam soal itu. Dan sememangnya seseorang yang memegang kuasa eksekutif tidak dibenarkan berniaga kerana dia akan menggunakan kedudukannya itu untuk kepentingan perniagaannya. Sebab itulah saya menjelaskan di sini kerana ketegasan Kerajaan dalam soal ini tidak mahu melibatkan anggota-anggota pentadbiran, maka suatu arahan dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan arahan supaya mengisytiharkan harta kepada Perdana

Menteri telah juga dikeluarkan bagi memastikan betul-betul bahawa tidak ada anggota Kerajaan yang menjalankan perniagaan yang berkemungkinan membolehkan beliau melakukan perkara-perkara yang tidak adil demi kepentingan companynya sendiri.

Bagi soalan kedua, jika sekiranya ada laporan mengenai kes Bukit Cina, Kerajaan sentiasa akan melakukan siasatan.

LAWATAN PERDANA MENTERI/TIMBALAN PERDANA MENTERI— PEMBIAYAAN

9. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan kadar bayaran yang dikeluarkan untuk membiayai lawatan luar negeri Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sepanjang tahun ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan yang diluluskan untuk membiayai lawatan ke luar negeri sehingga November 1992 bagi Perdana Menteri ialah RM10,021,526.00. Dan bagi Timbalan Perdana Menteri ialah RM475,396.00.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan butir-butir lanjut mengapakah jumlah sebegitu besar iaitu RM10 juta lebih dibelanjakan untuk sama ada makan angin atau tidak yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah ini untuk beliau seorang atau untuk rombongan yang lain. Dan adakah ini merupakan satu perbelanjaan boros memandangkan tidak ada apa-apa faedah yang diperolehi daripada lawatan itu selain daripada menaikkan ego Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak payah menjawab soalan yang tidak matang yang

ditanya oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka (*Ketawa*) khasnya berkenaan adakah ini membawa manfaat kepada imej negara kita. Tentulah ini memberi manfaat dan mempertingkatkan imej negara kita ini khasnya perhubungan dengan negara-negara Selatan-Selatan.

Jumlah yang saya sebutkan tadi itu adalah untuk Perdana Menteri dan rombongannya dan bukan beliau seorang. Dan ini telah diluluskan di dalam Dewan ini untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk melawat negara-negara; banyak negara bukan sahaja satu. Dalam tahun ini beberapa lawatan telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kepada negara-negara seperti Britain, Vietnam dan sebagainya. Hasil lawatan itu memberi imej yang begitu baik kepada negara kita ini. Saya harap Yang Berhormat daripada Kota Melaka jangan tidur, bacalah suratkhbar. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka jangan cakap tanpa keizinan. Matanglah sedikit.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah habiskah cerita bising-bising tadi? Kalau sudah habis, berhentilah; saya hendak cakap. Perdana Menteri hanya belanja RM10 juta dan Timbalan Perdana Menteri hanya belanja RM400,000.00. Jadi, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri melawat ke luar negeri, salah satu matlamat lawatannya ialah untuk memajukan negara ini dalam lapangan industri, business dan bermacam-macam lagi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri hendak buat. Jadi, supaya kemajuan negara ini dari segi ekonomi, trade dan sebagainya; maka soalan saya berapa jutakah investment yang diterima dari luar negeri yang telah dilawati oleh

Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berasaskan investment yang telah kita buat RM10 juta itu. Iaitu balik atau return yang kita terima.

Yang kedua, kalau tidak; adakah pihak Kerajaan bercadang supaya Menteri-menteri tidak payah melawat ke luar negeri lagi, berhenti semua kita duduk dalam negeri kita sahaja. Semua kita duduk dalam satu tempat dan pagar negeri Malaysia ini tidak payah berhubung dengan negara luar. Adakah cadangan hendak buat macam itu dan apa effectnya kalau buat macam itu?

Seorang Ahli: (*Menyampuk*).

Dato' Loke Yew Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak memberi...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu. Yang Berhormat bertenang. Saya dengar ada cakap tepian.

Dato' Loke Yuen Yow: Mulut gatal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa tidak matanglah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersikap matanglah sedikit...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Khususnya Yang Berhormat yang suka cakap tepian. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan tambahan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat tadi berilah setiub "Mopiko" untuk Ahli Yang Berhormat berkenaan kerana mulutnya gatal. (*Ketawa*) "Mopiko" baik untuk mana-mana yang gatal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini bukan masa untuk iklan. (*Ketawa*) Ini bukan pengiklanan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi tiap-tiap mereka itu "Mopiko" ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak mempunyai angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat Batang Lular itu. Angka-angka seperti apa yang ditanya iaitu berapa investment atau berapa pelaburan, tetapi kita nampak dengan ketara bahawa lawatan-lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat itu telah memberi manfaat begitu besar dan begitu baik dan telah membawa masuk pelaburan yang begitu banyak ke dalam negara kita ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga telah berjaya untuk membuka peluang-peluang perniagaan untuk rakyat Malaysia dengan negara-negara Selatan seperti Negara Afrika Selatan dan sebagainya dan ini adalah satu manfaat yang long-term dan kita tahu bahawa perbelanjaan yang dibelanjakan adalah betul.

Berkenaan dengan cadangan yang dibuat tadi, Kementerian saya tidak pernah dengar, kalau ada, itu tentulah cadangan daripada pihak DAP.

FORUM ANTARABANGSA— KELANTANGAN SUARA MALAYSIA

10. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan yang dihadapi oleh negara sejak beliau lantang menyuarakan masalah dunia ketiga baik di forum-forum antarabangsa seperti di Perhimpunan PBB, Sidang Bumi, Sidang NAM dan berbagai lagi apabila beliau menyuarakan tidak senangnya dengan tindak-tanduk negara-negara maju.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan

Yang di-Pertua, Malaysia telah menyuarakan pandangan yang jujur dan benar terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga, terutamanya masalah-masalah antarabangsa yang berkait dengan ekonomi, perdagangan, sosial, politik dan sebagainya. Peranan Malaysia mengenai isu-isu ini adalah dengan tujuan supaya sebarang ketidakseimbangan dalam hubungan antarabangsa ini dapat diatasi untuk kepentingan bersama terutamanya negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Kebanyakan pandangan-pandangan yang kita kemukakan di forum-forum antarabangsa disusuli dengan reaksi yang positif oleh perdagangan antarabangsa dan negara-negara ahlinya.

Pendirian kita yang jujur dan ikhlas menyuarakan pendapat-pendapat yang membina dan memperkukuhkan imej negara di masyarakat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut telah pun tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 11 hingga 32 adalah di beri di bawah ini.)

PERNAMA—SUMBANGAN KEPADA TABUNG KEBAJIKAN ATM

1. Kol(B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah sumbangan tahunan PERNAMA kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia dan adakah sumbangan tahunan ini melebihi sumbangan NAAFI sebelum ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Sukacita dimaklumkan bahawa PERNAMA telah membuat sumbangan kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 1983.

Sumbangan tahunan yang diberi oleh PERNAMA tidak boleh dibandingkan dengan sumbangan yang diberi oleh NAAFI sebelum ini kerana PERNAMA memulangkan hasil keuntungannya kepada anggota tentera melalui dividen yang diberikan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Untuk makluman Yang Berhormat, sumbangan PERNAMA kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera sejak ditubuhkan sehingga tahun 1991 berjumlah RM1.6 juta. Selain daripada itu, PERNAMA juga menyediakan biasiswa untuk anak-anak anggota tentera serta menyumbangkan kepada kegiatan-kegiatan kebajikan kelolaan BAKAT dan unit-unit.

PENUBUHAN DEPOT KONTENA PELABUHAN DALAMAN DI GURUN KEDAH—PERANCANGAN

11. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah status perancangan Kementerian untuk menubuhkan suatu depot kontena pelabuhan dalaman di Gurun Kedah. Adakah Kementerian bercadang untuk meswastakan rancangan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Kementerian Pengangkutan pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menubuhkan depot kontena pelabuhan dalaman di Gurun Kedah.

PEMBINAAN EMPANGAN PERGAU—KESAN KE ATAS SALIRAN

12. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah pembinaan Empangan Pergau akan memberi kesan ke atas keperluan saliran air untuk para petani di Kelantan dan lain-lain negeri di bahagian Utara Semenanjung.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Empangan Hidro Pergau terletak di

bahagian hulu Sungai Pergau yang bertemu Sungai Galas di Dabong dan menjadi cabang kecil Sungai Kelantan.

Kawasan tadahan Sungai Pergau merupakan satu kawasan yang menikmati punca sumber air yang banyak kerana purata hujan tahunannya adalah sebanyak 3000 mm. Memandangkan Empangan Pergau adalah terletak di bahagian hulu Sungai Pergau, ia akan menggunakan jumlah kecil punca sumber air dari keseluruhan kawasan tadahan Sungai Pergau. Kadar pelepasan yang terus-menerus dari Empangan Pergau adalah mencukupi untuk memenuhi segala aspek keperluan pembekalan air, pengairan dan kegunaan alam sekitar.

LATIHAN PERGURUAN— JUMLAH CALON YANG BERJAYA

13. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah calon yang berjaya di pilih bagi menjalani Latihan Perguruan di maktab-maktab bagi sesi 1992 dan berapakah jumlah calon lelaki dan calon perempuan mengikut pecahan negeri-negeri; dan
- (b) sehingga September, 1992, berapa orangkah guru-guru terlatih dari Semenanjung ditempatkan di Sabah dan Sarawak.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah calon yang berjaya dipilih menjalani latihan perguruan di maktab-maktab perguruan bagi sesi 1992 ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>	<i>Jumlah</i>
Semenanjung	3,542	6,953	10,495
Sabah	630	840	1,470
Sarawak	488	782	1,270
JUMLAH	4,660	8,575	13,235

- (b) Guru-guru terlatih dari Semenanjung yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak daripada tahun 1990 sehingga tahun 1992 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Guru Terlatih dari Semenanjung		
	1990-1991	1991-1992	1992-1993
Sabah	487	518	326
Sarawak	643	747	367

PENDUDUK DESA— PENINGKATAN TARAF HIDUP

14. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bagi tahun 1992 ini:

- (a) setakat manakah kemajuan yang telah dicapai didalam pelaksanaan penyediaan kemudahan asas yang lebih baik dan peningkatan taraf hidup penduduk desa terutama dari segi kemudahan:
- (i) jalan;
 - (ii) bekalan air;
 - (iii) bekalan elektrik; dan
- (b) bagi pelaksanaan di negeri-negeri, sila jelaskan prestasi yang telah dicapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamad bin Jamrah):

- (c) Bagi tahun 1992 sebanyak RM390.877 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 3,375 jumlah projek kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan di kawasan luar bandar bagi tujuan untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

Nama Program Projek	Jumlah Projek	Bilangan Projek		
		Sem. Malaysia	Sabah	Sarawak
Bek. Air Luar Bandar (BALB)	828	691	82	55
Bek. Elektrik Luar Bandar (BELB)	226	112	33	81
Jln. Luar Bandar (JALB)	153	131	2	20
Jln. Kampung (PJK)	2,168	1,779	246	143
JUMLAH	3,375	1,779	363	299

Mengenai pelaksanaan, sehingga 30-9-1992 jumlah projek yang telah siap 100% ialah 84 projek bagi Bekalan Air Luar Bandar (BALB), 40 projek bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), 70 projek bagi Jalan Luar Bandar (JALB) dan 729 projek bagi Projek Jalan Kampung (PJK). Baki projek-projek tersebut sedang dilaksanakan pada pelbagai tahap pelaksanaan. Sehingga akhir bulan September 1992, sejumlah RM170.826 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek tersebut. Jika ke semua peruntukan dapat dibelanjakan sehingga akhir tahun 1992 maka liputan penduduk luar bandar yang dapat menikmati faedah bekalan air ialah 77.8% manakala bekalan elektrik pula ialah 73%. Bagi projek Jalan Luar Bandar pula, sepanjang 250.2 km ialah bagi Jalan Luar Bandar (JALB) dan 2,058.1 km bagi Projek Jalan Kampung (PJK) yang dijangka dapat disiapkan.

- (b) Jangkaan pencapaian pelaksanaan di negeri-negeri dengan peruntukan yang diberikan dalam tahun 1992 bagi Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah dijangkakan bahawa sehingga akhir tahun 1992, 77.8% daripada jumlah penduduk luar bandar Malaysia akan menikmati faedah daripada pelaksanaan projek-projek tersebut iaitu 81.95% di Semenanjung dengan prestasi tertinggi sebanyak 99.4% di Melaka dan yang terendah ialah di Kedah sebanyak 58.4%, 56.8% di Sabah dan 53.4% di Sarawak.

Bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) adalah dijangkakan bahawa sehingga akhir tahun 1992 sejumlah 73.0% daripada jumlah penduduk luar bandar Malaysia akan dapat menikmati faedah bekalan elektrik tersebut iaitu 95.0% di Semenanjung, 62.0% di Sabah dan 60.0% di Sarawak.

Bagi Program Projek Jalan Luar Bandar (JALB), sehingga akhir tahun 1992, dijangkakan 250.2 km dapat dibina sementara bagi Projek Jalan Kampung (PJK) pula dijangka 2058.1 km dapat disiapkan untuk seluruh Malaysia.

SEKOLAH MENENGAH JIT SIN, BUKIT MERTAJAM— PERUNTUKAN BANTUAN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa bekas Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim pernah berjanji kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam bahawa peruntukan sebanyak RM2 juta kepada sekolah itu akan diberi mengikut peringkat pembinaan bangunan sekolah itu di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam. Jika ya, sebutkan peruntukan yang telah diberi sampai peringkat apa;
- (b) apakah Kementerian beliau menerima sebarang laporan pembinaan bangunan itu. Jika ya, sebutkan pembinaan bangunan itu telah capai ke peringkat apa, dan sehingga 30hb September, adakah Kerajaan menunaikan janji bekas Menteri itu. Jika tidak, mengapa; dan
- (c) bilakah baki peruntukan itu akan diberi kepada sekolah itu memandangkan pihak sekolah itu terpaksa meminjam wang daripada

pertubuhan-pertubuhan tempatan untuk membayar kos pembinaan bangunan sekolah itu dan hal ini telah memalukan Kerajaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan memang memberi perhatian ke atas pengumuman yang dibuat oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi membantu Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam dan setakat ini sejumlah RM750,000.00 telah pun diberi kepada sekolah berkenaan.
- (b) Sehingga 30hb September, 1992, Kementerian Pendidikan tidak pernah diberi laporan mengenai kemajuan pembinaan sekolah tersebut.
- (c) Baki peruntukan bantuan sekolah berkenaan hanya akan dikeluarkan tertakluk kepada peruntukan yang ada.

SIASATAN TERHADAP NAHAS UDARA DI LONG SERIDAN, SARAWAK

16. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah satu badan khas untuk mengadakan penyiasatan terhadap nahas udara di Long Seridan, Sarawak pada 3-9-91 akan diadakan;
- (b) jika ya, bila, di mana dan siapakah akan dilantik untuk mengetuai dan menganggotainya; dan
- (c) adakah pesawat yang berkenaan mempunyai kebenaran untuk membawa penumpang dan mempunyai insuran bagi tujuan yang sama, jika ada, apakah nama dan alamat berdaftar syarikat insuran tersebut dan berapakah jumlah perlindungan insuran untuk seorang penumpang.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jabatan Penerbangan Awam telah melaksanakan penyiasatan keselamatan terhadap nahas udara di Long Seridan, Sarawak pada 3-9-91.
- (b) Penyiasatan tersebut telah dimulakan pada hari kemalangan. Ianya diketuai oleh Kapt. Sukhaini bin Yahya dan dibantu oleh Encik Suhaimi bin Abdul Ghani.
- (c) Pesawat yang berkenaan memang mempunyai kebenaran untuk membawa penumpang dan mempunyai insuran bagi tujuan yang sama. Nama dan alamat berdaftar syarikat insuran adalah:

Lloyd's Aircraft Policy,
Lloyd's Aviation
Australia.

Jumlah perlindungan insuran untuk seorang penumpang adalah terhad kepada US\$200,000.

**SAWAH PADI KERIAN/
SG. MANIK—KELUASAN/
PENGHASILAN**

17. Dato Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan berapa luaskah tanah sawah padi di kawasan pengairan sawah padi Kerian/Sg. Manik yang telah dibantu bagi meratakan tanah sawah. Memandangkan projek ini sangat baik dan membantu meningkatkan hasil, adakah Kementerian Pertanian akan meneruskan bantuan ini, dan jika ya, berapa luaskah bagi tahun 1993 akan dibantu di kawasan Kerian/Sg. Manik.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Program meratakan tanah sawah yang dibuat di Projek Kerian/Sg. Manik adalah merupakan sebahagian daripada demonstrasi pengurusan air bendang di kawasan projek-projek jelapang padi Kerian. Di dalam demonstrasi tersebut pihak projek membantu meratakan tanah sawah, membuat batas ladang dan mengawal air untuk meningkatkan hasil padi dan

seterusnya pendapatan petani. Melalui demonstrasi begini adalah diharapkan petani-petani akan mudah menerima kaedah baru pengurusan air dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan di tanah sawah masing-masing. Demonstrasi ini dibuat di beberapa kawasan terpilih sahaja. Pada tahun 1991 seluas 199 hektar telah dipulih dan dimajukan, diikuti pada tahun 1992 dengan seluas 195 hektar. Pada tahun 1993 adalah dianggarkan seluas 46 hektar akan dikenalpasti dan dimajukan. Peruntukan yang digunakan adalah disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Kementerian Pertanian tidak memberi bantuan khusus bagi kerja-kerja meratakan sawah padi sama ada di Projek Kerian/Sg. Manik atau lain-lain projek. Kerja-kerja meratakan tanah sawah merupakan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan sendiri oleh petani-petani. Bantuan daripada Kerajaan hanyalah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur pengairan dan perparitan serta jalan ladang.

**PUSAT BAHASA ARAB NILAM
PURI—PENGAMBILAN-ALIH
OLEH KERAJAAN**

18. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa pihak Kementerian bercadang untuk mengambilalih Pusat Bahasa Arab di Nilam Puri, Kelantan;
- (b) kenapakah pihak Kementerian telah menarik balik kakitangan Kerajaan Pusat yang bertugas di Pusat Bahasa Arab tersebut; dan
- (c) kenapakah peruntukan pengurusan Pusat Bahasa Arab tersebut untuk tahun 1992 masih belum diagihkan.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar pihak Kementerian Pendidikan bercadang

untuk mengambilalih Pusat Bahasa Arab di Nilam Puri, Kelantan. Ia ditadbirkan oleh Yayasan Islam Negeri Kelantan. Pada masa ini Kementerian Pendidikan hanya memberikan bantuan kewangan untuk pengurusan dan pentadbiran Pusat Bahasa Arab tersebut. Tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu, Kementerian Pendidikan bersedia menimbangkan untuk mengambilalih Pusat Bahasa Arab di Nilam Puri sekiranya Kerajaan Negeri bersedia menyerahkannya untuk ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan.

- (b) Pegawai Pendidikan Kementerian Pendidikan yang dipinjamkan sebagai Pensyarah di Pusat Bahasa Arab, di Nilam Puri telah tamat tempoh perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang berikhtiar untuk mengisi kekosongan jawatan Pensyarah Bahasa Arab di pusat tersebut.
- (c) Setakat ini, Kementerian Pendidikan telah pun menghantar peruntukan kewangan berjumlah RM480,000 kepada Pusat Bahasa Arab di Nilam Puri.

PRESTASI KADA/MADA— EVALUATION

19. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian sudah membuat evaluation mengenai prestasi KADA/MADA. Jika sudah, apakah rumusan penilaian tersebut. Sejauh manakah kedua-dua agensi tersebut dapat meningkatkan taraf hidup petani di kawasan tersebut.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: KADA/MADA masing-masing ada menjalankan kajian dari masa ke masa untuk menilai keberkesanan pelaksanaan projek.

Sebagai agensi pembangunan, KADA/MADA secara keseluruhannya telah

berjaya meningkatkan taraf hidup petani-petani (penanam padi) dalam kawasan pengendaliannya berbanding dengan tahun-tahun sebelum penubuhannya. Ini dapat dilihat dari peningkatan hasil padi sehektar dan peningkatan pendapatan petani-petani seperti berikut:

	<i>Sebelum ditubuhkan (1972)</i>	<i>Selepas ditubuhkan (1991)</i>
KADA		
Purata Hasil	2.5 tan/ha	4.0 tan/ha
Pendapatan	RM361/keluarga/ tahun	RM6,384/keluarga/ tahun
MADA		
Purata Hasil	3.1 tan/ha	4.5 tan/ha
Pendapatan	RM1,009/keluarga	RM6,511/keluarga

KEMPEN ANTI PEMBALAKAN OLEH “NGO”—TINDAKAN KERAJAAN

20. Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal dan membanteras kempen anti pembalakan oleh segelintir ahli pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain yang jelas sekali mengancam industri pembalakan di Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kempen anti pembalakan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO's) dan pelampau-pelampau alam sekitar di dapati banyak mengandungi maklumat yang kurang tepat dan mengelirukan untuk mendapat sokongan dan simpati masyarakat dunia supaya memulau penggunaan dan pengimportan kayu tropika termasuk dari negara ini. Tindakan pihak NGO's ini kononnya adalah untuk 'menyelamat' hutan tropika serta alam sekitar dunia.

Memandangkan keadaan ini timbul disebabkan oleh kurang kefahaman masyarakat antarabangsa mengenai kedudukan dan amalan pengurusan hutan di negara-negara tropika, khususnya di negara ini, maka usaha-usaha yang dijalankan untuk memerangi kempen ini adalah dengan cara membetulkan tanggapan dan menyakinkan masyarakat dunia mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Di antara strategi dan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memerangi kempen ini adalah seperti berikut:

- (i) menerbitkan beberapa buah buku, risalah dan video bagi menerangkan secara lebih tepat mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini.

(Sila rujuk kepada lampiran untuk senarai penerbitan yang telah dan sedang disediakan).

- (ii) menghantar misi ke beberapa buah negara di mana kempen anti kayu tropika dijalankan untuk menemui pihak-pihak tertentu bagi menerangkan dasar negara ke atas amalan pengurusan hutan serta isu-isu berkaitan.

(Sila rujuk lampiran untuk maklumat tambahan).

- (iii) memainkan peranan aktif dalam forum-forum antarabangsa bagi membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa negara ini sentiasa mengambil berat ke atas pemeliharaan alam sekitar dan sumber hutan negara.

(Sila rujuk lampiran untuk maklumat tambahan)

- (iv) melantik agensi perhubungan awam untuk mengendalikan komunikasi media di negara-negara sasaran dan membantu mengenalpasti pendekatan terbaik untuk mempengaruhi masyarakat setempat.

- (v) menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bersama dengan Indonesia di bidang perhutanan yang mana antara lain bertujuan membentuk pendekatan dan strategi bersama untuk memerangi kempen anti kayu tropika.

- (vi) menyelaras dan menyediakan maklumat serta melantik pakar-pakar bagi membantu perwakilan Malaysia di luar negeri untuk menghadapi tindakan yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar.

- (vii) menjalinkan kerjasama dengan negara luar di bidang perhutanan bagi membolehkan negara berkenaan lebih memahami pengurusan hutan di negara ini. Umpamanya, memeterai Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan United Kingdom pada 15 Mei semasa lawatan Yang Berhormat Menteri ke Eropah.

- (viii) mengarahkan pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia untuk mengeluarkan sijil bagi mengesahkan bahawa kayu-kayan Malaysia yang dieksport adalah diperolehi dari hutan yang diurus secara berkekalan.

- (ix) menjemput misi Pakar Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) membuat penilaian terhadap pengurusan hutan di Sarawak.

- (x) menjadi hos kepada delegasi-delegasi asing untuk meninjau sendiri keadaan pengurusan hutan di negara ini.

- (xi) mengadakan dialog dengan kumpulan-kumpulan NGO's untuk mendapat pandangan mereka mengenai pengurusan hutan di negara ini serta menjelaskan keadaan sebenar.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan satu Pasukan Petugas untuk

menyelaras dan membuat arahan dasar (policy direction) yang akan mengembleng tenaga dari agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan serta wakil pihak swasta untuk memperkukuhkan strategi dan usaha memerangi kempen ini. Pasukan Petugas ini akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Di masa yang sama Kerajaan juga akan terus memperbaiki kelemahan di dalam pengurusan hutan di negara ini bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dapat dicapai menerusi penggunaan teknik-teknik dan teknologi terbaru, tambahan kakitangan serta bantuan kewangan untuk meningkatkan pengawasan ke atas aktiviti perhutanan.

TINDAKAN MEMBANTERAS BAHAN-BAHAN PENERBITAN LUCAH

21. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras penerbitan dan pengedaran majalah, buku dan bahan-bahan lain yang lucuh terdapat dalam pasaran di negara ini sekarang; dan
- (b) berapakah bilangan penerbit, penulis dan pengedar yang dikenakan hukuman kerana menyediakan bahan-bahan bacaan lucuh setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

- (a) Kementerian Dalam Negeri membanteras penerbitan dan pengedaran majalah, buku dan bahan-bahan bacaan lain yang lucuh di dalam pasaran negara ini melalui tindakan-tindakan penguatkuasaan, iaitu:
 - (i) menyekat kemasukan penerbitan dan bahan lucuh yang diimport dari luar negara dengan menolak

import atau menahan penghantar serahan apabila dikesan di pintu-pintu masuk negara ini.

- (ii) menahan, merampas dan seterusnya memusnahkan penerbitan dan bahan lucuh yang lain yang dikesan berada di dalam pasaran negara.
 - (iii) mengambil tindakan yang bersesuaian dengan undang-undang ke atas penerbit, pengedar, pencetak dan pemilik yang didapati menjalankan aktiviti penerbitan dan pengedaran penerbitan dan bahan lucuh.
- (b) Sepanjang tempoh 1990 tiada penerbit, penulis dan pengedar yang didakwa di mahkamah atas kesalahan menyediakan bahan-bahan lucuh. Walau bagaimanapun, dari segi pencetakan bahan lucuh, sebanyak 3 buah syarikat percetakan telah dibatalkan lesen cetak sepanjang tempoh tahun 1992 kerana kesalahan mencetak bahan lucuh. Sementara dari segi memiliki bahan lucuh sepanjang tempoh tahun 1992, sebanyak 5 kes telah dikenakan tindakan mahkamah.

PROGRAM UNIVERSITI BERKEMBAR

22. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam- minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada program-program berkembar dengan universiti-universiti luar negeri yang begitu banyak dijalankan oleh institusi-institusi pengajian swasta di negeri ini bertentangan atau tidak dengan Dasar Pendidikan Negara; dan
- (b) sama ada Kementerian Pendidikan telah membuat kajian ke atas kurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dr. Leo Michael Toyad:

(a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penganjuran kursus-kursus pendidikan melalui program berkembar yang dilakukan oleh institusi-institusi pendidikan swasta tempatan dengan institusi pendidikan tinggi asing tidak menjejaskan Dasar Pendidikan Negara. Pengawalseliaan sentiasa dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan bahawa pengendalian program berkembar di negara ini adalah selaras dengan dasar-dasar negara yang wujud sekarang. Antara tindakan kawalselia yang diambil oleh Kementerian adalah:

- Bahasa Melayu wajib di ajar kepada semua pelajar;
- Kurikulum kursus hendaklah diubahsuai dengan keperluan tempatan. Unsur kajian tempatan (Malaysia Studies) dimasukkan ke dalam kurikulum kursus;
- Enrolmen pelajar hendaklah mencerminkan komponen masyarakat Malaysia.

Di samping itu lawatan-lawatan pemeriksaan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri dilakukan dari masa ke semasa ke institusi tempatan berkenaan bagi menentukan dasar-dasar pendidikan negara dipatuhi.

(b) Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji kurikulum sekolah rendah dan menengah dengan tujuan untuk memastikan kandungannya adalah relevan, kemaskini dan bermutu. Kementerian Pendidikan dapat mengawal kurikulum pendidikan swasta agar bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Negara melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Penubuhan sekolah swasta di peringkat rendah dan menengah dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu seperti mengikuti kurikulum kebangsaan, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan menyediakan pelajar-pelajar untuk peperiksaan awam seperti SRP, SPM dan STPM.
- (ii) Di peringkat pos—SPM, kurikulum kursus hendaklah juga disesuaikan dengan keperluan tempatan dan wajib menyediakan mata pelajaran bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar mereka dan memberi kemudahan pelajar-pelajar Islam mengikuti Pendidikan Islam sementara pelajar-pelajar bukan Islam dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Di samping itu, Kementerian juga menyemak dari masa ke semasa untuk memastikan ia dapat menepati kehendak dan keperluan negara.

**PENAHANAN ISA—DATUK
DR. JEFFREY KITINGAN**

23. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan mengeluarkan kertas putih tentang penahanan beberapa orang dari Sabah termasuklah Datuk Dr. Jeffrey Kitingan. Dan adakah Kerajaan sedar bahawa para tahanan ISA dari Sabah itu sudah pun berada di dalam tahanan Kamunting lebih dari dua tahun. Apakah benar tuduhan Kerajaan Persekutuan bahawa mereka ini terlibat dalam satu plot untuk mengeluarkan Sabah dari Persekutuan Malaysia. Apakah Kerajaan Persekutuan mempunyai bukti-bukti yang jelas dan nyata. Kalau ya, kenapakah Kerajaan tidak menggunakan undang-undang yang lain selain dari ISA supaya mereka ini boleh dihadapkan di mahkamah terbuka.

Tuan Ong Ka Ting: Kertas putih mengenai kegiatan dan penahanan beberapa orang dari Sabah termasuk Dr. Jeffrey Kitingan di bawah Kuasa-kuasa Mengenai Tahanan Pencegahan Seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 akan dikeluarkan jika difikirkan perlu. Setiap Perintah Tahanan akan berkuatkuasa selama tempoh dua tahun, akan tetapi Perintah Tahanan boleh dilanjutkan selama tempoh dua tahun lagi di bawah Seksyen 8(7) Akta ini. Ini bergantung kepada taskiran sama ada orang tahanan masih lagi mendatangkan ancaman dan memudaratkan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, jika mereka ditaksirkan tidak lagi mengancam dan memudaratkan keselamatan negara, Kerajaan akan membebaskan mereka.

Mengenai pertanyaan adakah Kerajaan mempunyai cukup bukti tentang penglibatan mereka itu dan kenapakah mereka tidak dihadapkan di mahkamah, sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan mempunyai alasan yang cukup tentang penglibatan mereka di dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan. Justeru itu, tindakan untuk menahan mereka di bawah Kuasa-kuasa Mengenai Tahanan Pencegahan Seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah dengan mengambilkira kegiatan yang dilakukan oleh mereka yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Tidak timbul soal untuk mengemukakan kes mereka ke mahkamah kerana kegiatan yang mereka lakukan adalah membabitkan soal-soal keselamatan negara.

TUMPAHAN MINYAK DI SELAT MELAKA—LANGKAH YANG DIAMBIL

24. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) Berikutan dengan peristiwa tumpahan minyak yang sering berlaku di Selat Melaka, apakah langkah-langkah yang diambil

untuk memastikan permasalahan pencemaran alam sekitar tidak berlaku ke atas pantai negara ini. Setakat manakah keupayaan dan persediaan Kerajaan untuk mengatasi sebarang malapetaka alam sekitar sekiranya tumpahan minyak itu melanda Pulau Pinang dan Langkawi.

- (b) Oleh kerana begitu heboh diperkatakan mengenai kapal Jepun pembawa plutonium akan melalui Selat Melaka, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan di ambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kapal tersebut dari terus menggunakan perairan negara ini. Sejauh manakah usaha negara ini mendapat sokongan antarabangsa, lebih-lebih lagi negara jiran.
- (c) Dapatkah dijelaskan perbezaan dari segi bahaya terhadap alam sekitar berbanding kapal pembawa plutonium yang boleh menghasilkan bom nuklear dengan kapal perang asing yang membawa senjata nuklear yang sentiasa menggunakan Selat Melaka.
- (d) Apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengharamkan semua jenis kapal yang membawa senjata nuklear daripada melalui perairan negara, khasnya Selat Melaka pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Bagi menjawab soalan pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil serta keupayaan dan persediaan untuk memastikan tidak berlaku pencemaran alam sekitar di pantai negara ini akibat tumpahan minyak antara lain ialah:

- (a) menggerakkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk melawan tumpahan minyak melalui

kerjasama agensi-agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat minyak yang terlibat;

- (b) menyediakan peralatan dan kemudahan yang mencukupi seperti kapal, 'booms', 'skimmer' dan 'dispersant'; dan
- (c) syarikat minyak juga telah diminta untuk menubuhkan konsortium bagi mengadakan tabung untuk membiayai dan meningkatkan keupayaan operasi mencegah dan melawan tumpahan minyak di perairan Malaysia.

Dalam peristiwa tumpahan minyak di Pulau Pinang dan Langkawi, hasil kerjasama di kalangan agensi Kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta yang berkenaan, telah berjaya membendung tumpahan minyak tersebut tersebar luas ke pantai-pantai dan perairan Malaysia.

Bagi menjawab soalan kedua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu termasuk menyuarakan pandangan beratnya kepada Kerajaan Jepun ke atas penggunaan Selat Melaka sebagai laluan kapal pembawa plutonium kepunyaan negara tersebut untuk mengelakkan risiko kemalangan. Kerajaan juga telah meminta kerjasama rakan-rakan serantau ASEAN seperti Indonesia dan Singapura untuk mengambil tindakan yang serupa. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Bertindak Kecemasan secara *ad-hoc* untuk mengambil tindakan-tindakan perlu dalam menghadapi sebarang kemungkinan berhubung dengan perkara ini.

Bagi menjawab soalan ketiga, kapal pembawa plutonium dan senjata nuklear adalah dikelaskan sebagai pembawa bahan-bahan berbahaya kerana boleh mengancam keselamatan manusia dan alam sekitar jika berlaku sebarang kemalangan.

Bagi menjawab soalan keempat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengelakkan sebarang penggunaan

perairan negara ini, khususnya Selat Melaka, bagi membawa bahan-bahan berbahaya termasuk senjata nuklear selaras dengan konsep ZOPFAN (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali).

AIDS—PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA ASING

25. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah prosedur yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa wanita-wanita dari negara luar yang diambil bekerja sebagai pembantu rumah, pelayan restoran dan lain-lain yang dibawa oleh agensi-agensi tenaga kerja bebas dari AIDS atau lain-lain penyakit bahaya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Yang Berhormat, semua pekerja asing (lelaki dan wanita) yang memohon permit kerja di sektor perladangan, buruh binaan serta pembantu rumah adalah diwajibkan menjalani pemeriksaan perubatan yang mana telah pun diselaraskan bagi seluruh negara.

Perkara yang dititikberatkan dalam pemeriksaan perubatan ini adalah memastikan bahawa orang asing yang diambil bekerja di Malaysia adalah sihat dan bebas dari penyakit-penyakit berjangkit. Ini termasuklah pemeriksaan dan ujian untuk penyakit AIDS, Malaria, TB, dan Penyakit Kelamin.

PENERBANGAN TANPA KEBENARAN ATM—TINDAKAN

26. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sudah diambil untuk mengelakkan berlakunya penerbangan tanpa kebenaran oleh Angkatan Tentera Udara Negara Luar termasuk yang berpangkalan di negara ini;
- (b) sama ada Menteri Pertahanan bersetuju atau tidak bahawa sistem

trafik dan pertahanan belum begitu setanding atau setaraf dengan sistem-sistem yang ada di negara-negara jiran; dan

- (c) apakah tindakan yang telah diambil ke atas seorang Juruterbang pesawat F/A 18 Hornet milik tentera Australia yang terbang melebihi had laju yang dibenarkan dan menyebabkan berlakunya letupan supersonik pada 21 September, 1992 di Lembah Kelang dan beberapa tempat lain.

30-11-92

14. Dr. Sanusi Daing Mariok minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengelakkan daripada berulangnya kejadian letupan yang berpunca daripada laluan jet tentera asing seperti yang berlaku baru-baru ini.

22-12-92

20. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada letupan kuat yang memeranjatkan lembah Kelang pada September, 1992 adalah hasil daripada bom sonik yang disebabkan oleh sebuah jet perang Australia; dan
- (b) mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap parti yang bertanggungjawab terhadap perkara di atas memandangkan jet perangnya telah terbang melalui ruang udara Malaysia.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 30hb November, 1992 dan Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 22hb Disember, 1991 kerana menyentuh perkara yang sama.

- (a) Sebarang penerbangan di dalam ruang angkasa Malaysia oleh Tentera Udara asing adalah dengan kelulusan pihak berkuasa. Walaupun demikian, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sentiasa berjaga-jaga agar keadaan seperti ini terjamin dan melalui projek Martello, TUDM akan lebih berkemampuan untuk mengesan jika ada sebarang bentuk pencerobohan ruang udara Malaysia oleh mana-mana pihak luar.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa sistem pertahanan udara Malaysia adalah sama atau lebih canggih daripada sistem pertahanan udara negara ASEAN atau jiran. Walau bagaimanapun sistem ini sekarang sedang dipertingkatkan lagi dengan sistem-sistem yang lebih canggih bersesuaian dengan perubahan teknologi sekarang.

- (c) Pihak Kementerian telah melaporkan peristiwa tersebut kepada pucuk pimpinan RAAF dan juga kepada Markas Intergrated Air Defence Systems (HQ-IADS) untuk tindakan selanjutnya ke atas juruterbang berkenaan.

BIDANG PERNIAGAAN ANTARABANGSA— PENYUSUNAN PROGRAM

27. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi kita dalam usaha kita memperkembangkan bidang perniagaan antarabangsa kita; apakah program-program telah disusun dalam strategi ini; setakat ini apa program telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian beliau dan apa kesan yang telah dicapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkembangkan sektor

perdagangan antarabangsa, Kerajaan telah menggariskan strategi-strategi seperti berikut:

- (i) memastikan supaya suasana perdagangan antarabangsa adalah bebas dan liberal supaya barang-barang keluaran Malaysia dapat bersaing di pasaran antarabangsa tanpa menghadapi sekatan atau halangan;
- (ii) memperluaskan peluang-peluang pasaran dan memperkukuhkan kuasa perundingan, dengan izin, bargaining power, menerusi kerjasama di peringkat negara-negara Selatan, Serantau dan dua hala;
- (iii) memperkukuhkan dan mempelbagaikan pasaran bagi barang-barang keluaran Malaysia di pasaran tradisional;
- (iv) mencari pasaran-pasaran baru khususnya di negara-negara Selatan;
- (v) mempertingkatkan daya saing barang-barang Malaysia; dan
- (vi) mewujudkan sistem sokongan pasaran yang efektif dan profesional.

Antara program-program yang telah disusun dan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) menyertai dengan aktif dalam Rundingan Pelbagai Pusingan Uruguay di bawah GATT;
- (ii) meneruskan usaha-usaha untuk melaksanakan East Asia Economic Caucus (EAEC);
- (iii) memastikan cadangan untuk mewujudkan kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) melalui Skim Samarata Tarif Berkesan ASEAN (CEPT) dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan;

- (iv) menubuhkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau ringkasnya MATRADE. Tujuan kerajaan menubuhkan MATRADE adalah untuk menggalak, membantu dan membangunkan sektor perdagangan luar Malaysia khususnya eksport barang-barang perkilangan. Antara aktiviti MATRADE adalah menyediakan maklumat pasaran, perisikan pasaran, mengenalpasti barang-barang tempatan yang sesuai bagi pasaran eksport, menghasilkan barangan baru, dengan izin, product development, dan memudahkan lagi usaha-usaha pengeksport-pengeksport tempatan mencari pasaran di luar negeri;
- (v) mewujudkan pusat "South Investment Trade and Technology Data Exchange Centre" (SITTDEC), iaitu sebuah projek di bawah rancangan G-15. Ibu Pejabat pusat ini telah pun ditubuhkan dan ditempatkan di bangunan yang sama dengan Kementerian, dan negara-negara anggota telah pun menubuhkan "National Focal Point" masing-masing;
- (vi) mewujudkan pusat edaran bagi barangan Malaysia seperti di Rotterdam, Netherlands;
- (vii) menandatangani perjanjian perdagangan dengan rakan-rakan perdagangan. Sehingga ini Kerajaan telah mengadakan perjanjian perdagangan dengan 28 buah negara;
- (viii) menandatangani perjanjian kemudahan pembayaran, dengan izin, Bilateral Payments Arrangement dengan 15 buah negara. Kemudahan ini akan diperluaskan untuk meliputi negara-negara lain jika keadaan memerlukan;

- (ix) menandatangani 21 Perjanjian Jaminan Pelaburan secara dua hala dan dua Perjanjian Jaminan Pelaburan secara pelbagai hala;
- (x) menghantar rombongan-rombongan galakan perdagangan. Bagi tahun 1991, Kementerian telah menghantar 9 rombongan dan bagi tahun 1992, sebanyak 8 rombongan telah dihantar. Satu lagi akan dihantar sebelum akhir tahun;
- (xi) menyertai dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa. Bagi tahun 1991, Kementerian telah mengemukakan penyertaan dalam 22 pameran perdagangan antarabangsa, dan bagi tahun 1992, Kementerian telah menyertai dalam 13 pameran. Satu lagi pameran antarabangsa akan disertai sebelum penghujung tahun ini;
- (xii) meningkatkan kesedaran peng-eksport-pengeksport Malaysia mengenai potensi eksport melalui simposium dan bengkel galakan eksport;
- (xiii) menggalakkan sektor swasta Malaysia mewujudkan Majlis Perdagangan Bersama atau dengan izin, Joint Business Council. Setakat ini sebanyak tujuh buah Majlis ini telah diwujudkan; dan
- (xiv) meneliti dan mengkaji keberkesanan pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri dari segi perkhidmatan yang disediakan dan lokasinya. Selaras dengan dasar mempelbagaikan pasaran, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan pejabat perdagangan di India, Afrika dan Amerika Latin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun suasana perdagangan antarabangsa adalah di dalam keadaan yang lembab, tetapi Kerajaan berpendapat bahawa strategi-strategi dan usaha-usaha yang dilaksanakan telah berjaya memperluas dan mempelbagaikan pasaran bagi barang-barang keluaran Malaysia di luar negeri. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kejayaan sesuatu program penggalakkan eksport yang disusun oleh Kerajaan sangat bergantung kepada sokongan dan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia. Dalam masa yang sama, syarikat-syarikat tempatan hendaklah terus berusaha untuk meningkatkan daya saingan dan mutu barangan mereka supaya dapat bersaing di arena perdagangan antarabangsa.

PEMBINAAN JALAN RAYA SLIM RIVER-TANJUNG MALIM—KOS PENYELENGGARAAN DAN TOL

28. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) Kos pembinaan jalan raya Slim River-Tanjung Malim;
- (b) Jumlah kos penyelenggaraan yang telah dibelanjakan ke atas jalan raya tersebut;
- (c) Jumlah kutipan tol di jalan raya Slim River-Tanjung Malim setakat ini; dan
- (d) Jumlah tambahan tol setahun yang akan diperolehi ekoran kenaikan kadar tol sebanyak 50% mulai tahun depan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Kerk Choo Ting):

- (a) Kos pembinaan Lebu Raya Slim River-Tanjung Malim yang telah disiapkan dalam tahun 1966 ialah lebih kurang RM20 juta.

- (b) Jumlah kos kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dibelanjakan dari tahun 1985 sehingga 30 September 1992 adalah lebih kurang RM13.42 juta.
- (c) Jumlah kutipan tol yang diperolehi dari tahun 1966 sehingga 30hb September, 1992 ialah sebanyak RM59.05 juta.
- (d) Memandangkan bahawa bahagian lebuhraya di antara Tanjung Malim dan Bidor, yang sedang dibina oleh syarikat konsessi PLUS Berhad akan siap dan dibuka kepada lalu-lintas kepada akhir tahun 1993, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar tol yang sedia ada di Lebuhraya Tanjung Malim-Slim River. Kerajaan akan berunding dengan PLUS Berhad untuk mengekalkan kadar tol yang sedia ada walaupun Perjanjian Konsessi Lebuhraya Utara-Selatan memperuntukan kenaikan kadar tol di Lebuhraya Tanjung Malim-Slim River mulai 1-1-1993.
- (i) bekalan elektrik luar bandar;
- (ii) industri kampung;
- (c) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai projek bekalan elektrik luar bandar di Rancangan Sungai Manila, Sandakan; dan
- (d) Sama ada surat tawaran telah dikeluarkan dan kontraktor manakah yang mendapat tawaran kerja bagi projek bekalan elektrik di atas. Sila berikan nama kontraktor dan tempoh ianya dijangka siap.

Dato' Mohamed bin Jamrah:

- (a) Jumlah projek jalan-jalan kampung yang telah dinaikkan taraf termasuk penyelenggaraan jalan kampung di seluruh negara sejak Januari 1991 hingga September, 1992 ialah 4,832 buah projek dan ini meliputi 4,080 buah projek berjumlah 2,279 kilometer pada tahun 1991. Senarai mengikut negeri adalah seperti berikut:

JALAN-JALAN KAMPUNG— DINAIKKAN TARAF

29. Tuan Michael Asang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) Berapa banyakkah jalan-jalan kampung yang telah dinaikkan taraf dan ditar di seluruh Negara sejak Januari, 1991 hingga September, 1992. Sila senaraikan mengikut negeri;
- (b) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian secara keseluruhan di Negeri Sabah dalam tempoh 2 tahun (1991-1992) bagi perkara-perkara berikut di bawah:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Projek</i>
Johor	1,096
Kedah	719
Kelantan	17
Melaka	93
Negeri Sembilan	418
Pahang	206
Pulau Pinang	70
Perak	778
Perlis	87
Selangor	246
Terengganu	535
Sabah	55
Sarawak	356
W.P. Labuan	156
Jumlah:	4,832

- (b) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi negeri Sabah untuk Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi tahun 1991 ialah RM6.0 juta dan bagi tahun 1992 ialah RM22.7 juta. Program Industri Kampung pula dalam tempoh RM6 adalah dikenali sebagai Program Perusahaan Luar Bandar. Dalam tahun 1991, peruntukan yang telah diluluskan bagi program ini secara keseluruhannya ialah hanya "token vote" sebanyak RM10.00 sahaja. Oleh yang demikian tiada peruntukan dibelanjakan di semua negeri dalam tahun tersebut termasuklah di negeri Sabah. Dalam tahun 1992, sehingga bulan September, peruntukan program tersebut yang telah dibelanjakan di Negeri Sabah ialah sebanyak RM22,800.00
- (c) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di Rancangan Sungai Manila, Sandakan iaitu peringkat 1-6 ialah RM5.572 juta.
- (d) Surat tawaran kontrak untuk peringkat 1-5 telah pun dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya iaitu Cobrain Holdings Sdn. Bhd. Kota Kinabalu pada 5hb Oktober, 1992 dan ianya dijangka siap pada 30hb Ogos, 1993. Untuk peringkat keenam pula, ianya sedang dalam peringkat pemanggilan tender. Kerja-kerja untuk pakej ini dijangka bermula pada awal 1993.

KEGAGALAN BEKALAN ELEKTRIK DI SELURUH NEGARA

30. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab selalu berlaku kegagalan bekalan elektrik di seluruh

Malaysia umumnya, Sarawak dan Sibu khususnya dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bekalan elektrik di seluruh negara dari semasa ke semasa menghadapi gangguan oleh kerana kadar pertumbuhan permintaan kuasa elektrik telah cepat meningkat, di luar jangkaan. Oleh itu, sistem perbekalan elektrik yang sedia ada digunakan pada tahap yang maksima.

Bagi Negeri Sarawak, oleh kerana keluasan kawasannya dan bandar-bandarnya yang terletak jauh di antara satu sama lain, rangkaian Grid yang sedia ada tidak dapat meliputi semua bandar. Di samping itu, sistem pembahagian bekalan elektrik SESCO di bandar-bandar utama seperti Sibu, meliputi kawasan yang besar dan sistem pembahagian yang besar ini adalah terdedah kepada faktor-faktor yang boleh menyebabkan gangguan bekalan elektrik. Di antara faktor-faktor yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- (i) keadaan cuaca yang buruk seperti hujan ribut dan panahan kilat;
- (ii) Kerja-kerja menggali tanah, menanam cerucuk (piling) dan memotong kayu-kayan;
- (iii) talian bekalan elektrik terkena tumbuh-tumbuhan.
- (iv) kerosakan pemasangan elektrik.

Pihak SESCO sentiasa mengawasi kekerapan gangguan-gangguan bekalan elektrik seperti di atas dan dengan secara gigih mencari jalan untuk memperbaiki serta memperkukuhkan sistem bekalan elektrik

di seluruh negeri Sarawak, khasnya di Bandar Sibul. Berbagai-bagai langkah sedang dilaksanakan untuk memastikan bekalan elektrik yang stabil bagi kegunaan pengguna-penggunanya. SESCO yakin dengan usaha-usaha yang sedemikian, maka masalah kekerapan gangguan bekalan elektrik akan dapat diatasi pada masa hadapan.

TAYANGAN IKLAN OLEH RTM DAN TV3

31. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa tayangan iklan di RTM dan TV3 terlalu kerap hingga menimbulkan bosan di kalangan penonton-penonton TV; dan
- (b) adakah sesuatu "feedback" untuk mendapatkan pendapat umum sentiasa dibuat oleh pihak RTM bagi tujuan memperbaiki keadaan dari semasa ke semasa.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Penayangan iklan di TV1 dan TV2 pada umumnya dihadkan kepada 10 minit pada setiap rancangan satu jam. Ianya disiarkan di awal, pertengahan dan akhir sesuatu rancangan.
- (b) Kementerian ini sentiasa mendapat maklumbalas daripada orang awam untuk meningkatkan prestasi, penayangan rancangan-rancangan melalui TV, pertimbangan penayangan rancangan, baik hiburan, penerangan, pendidikan atau iklan dibuat berdasarkan kepada kos yang terlibat; keperluan memenuhi selera para penonton dan atas kepentingan mereka.

PUKAT TUNDA HARAM— BILANGAN KES DAN JUMLAH TANGKAPAN YANG DILAPORKAN

32. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan kes bot pukat tunda haram yang telah dilaporkan dan jumlah tangkapan yang telah dibuat dalam tahun 1990 hingga Julai 1992;
- (b) jumlah denda yang telah dikenakan dan berapakah jumlah yang telah dibayar;
- (c) jumlah kerugian yang dialami oleh nelayan-nelayan pantai tempatan dan kerajaan; dan
- (d) apakah langkah Kementerian bagi menghalang pencerobohan ini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) *Bilangan Kes Bot Pukat Tunda Haram Yang Telah Ditangkap.*

Bot pukat haram yang beroperasi menangkap ikan di perairan Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu Pukat Tunda Haram tempatan dan Pukat Tunda Haram asing.

- (i) Bilangan pukat tunda tempatan yang dilaporkan ialah sebanyak kira-kira 1,200 buah. Jumlah kes tangkapan yang dibuat sepanjang tempoh 1990 sehingga November, 1992 ialah 62 buah.
- (ii) Bilangan pukat tunda negara asing yang dilaporkan menceroboh perairan negara sepanjang tempoh 1990 hingga

November, 1992 ialah 1,289 buah. Jumlah kes tangkapan yang dibuat ialah sebanyak 401 buah.

(b) Pada dasarnya bot pukat tunda haram dikenakan hukum rampas kepada peralatan dan bot disamping denda. Jumlah denda yang telah dikenakan ialah sebanyak:

(i) Kes bot tunda haram tempatan
RM920,470.00

(ii) Kes bot tunda haram asing
RM99,463,900.00

Semua rakyat asing yang didapati bersalah mengusahakan pukat tunda haram ini tidak membayar denda sebaliknya lebih rela dipenjara di antara tempoh 1 hingga 6 bulan.

(c) Jumlah kerugian yang dialami oleh nelayan pantai tempatan dan Kerajaan dapat dinyatakan sebagai berikut:

(i) penurunan hasil tangkapan nelayan pantai disebabkan kepupusan sumber ikan telah dikesan di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia, di antaranya pantai negeri Perak, perairan Pulau Ketam, negeri Selangor dan pantai barat negeri Johor.

(ii) kerugian dari segi kerosakan peralatan mengumpul dan menangkap ikan yang dikenali sebagai unjam dan bubu. Jumlah kerugian sepanjang tempoh 1990 hingga November, 1992 dianggarkan sebanyak RM322,670.00.

(d) Kementerian sedar bahawa kegiatan pencerobohan oleh bot-bot pukat tunda haram ini bukan sahaja telah menjejaskan sumber perikanan tetapi juga telah menyebabkan pendapatan nelayan-nelayan kecil menurun. Sehubungan itu untuk mengatasi masalah berkenaan, Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan yang sewajarnya seperti mempertingkatkan rondaan di semua kawasan yang terlibat dengan bantuan dan kerjasama agensi-agensi Maritim yang lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Selain dari itu, Jabatan Perikanan juga sering mengadakan operasi khas dengan agensi-agensi Maritim lain apabila menerima laporan dari orang ramai mengenai kes-kes pencerobohan di sesuatu tempat. Di samping itu kakitangan Jabatan Perikanan yang diberi latihan khusus bagi mempertingkatkan kemampuan mereka untuk bertindak ke atas kegiatan pencerobohan bot haram. Untuk tujuan khusus menghalang pencerobohan bot pukat tunda nelayan asing. Operasi bersama tahunan telah diadakan dengan penglibatan dari agensi-agensi penguatkuasaan Maritim yang bernaung di bawah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, yang keberapa, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan 26(1)—Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu, kecuali usul-usul seperti di bawah ini:

Saya hendak membawa usul di bawah (c), iaitu Usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan.

Keduanya, berhubung dengan (p), iaitu Hak dan Kebebasan; dan

Ketiga, usul di bawah (h), iaitu hendak menggantungkan kerja seseorang sebagai Ahli, iaitu saya ingin mencadangkan Ahli dari Pengkalan Chepa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengeluarkan usul ini kerana pada semalam Ahli dari Pengkalan Chepa telah mengeluarkan kenyataan di bawah *Hansard* di muka surat 106, kalau kita baca, beliau telah menyebut di sini, “bahawa puak-puak ini saya tahu mereka tidak mahu Al-Quran”. Hal ini telah menimbulkan isu yang begitu sensitif di kalangan orang-orang Islam termasuk orang-orang PAS sendiri, kecuali kalau orang-orang PAS bersetuju dengan Ahli dari Pengkalan Chepa menuduh bahawa kami orang-orang Islam daripada Barisan Nasional ini menolak Al-Quran, ini saya pulangkanlah kepada mereka. Perkara ini sangat sensitif dan sebelum perkara ini berpanjangan saya minta supaya Ahli dari Pengkalan Chepa menarik balik secara rasmi tetapi dalam masa yang sama, oleh kerana perkataannya telah pun dikeluarkan, ianya merupakan satu sangkaan jahat di bawah 36(6), dan juga menggunakan bahasa yang tidak sopan di bawah 36(4), maka kita boleh mengambil tindakan di bawah Peraturan 10 di bawah Akta Hasutan 1948 yang mana Yang Berhormat telah bercakap mengenai isu-isu berhubung

dengan keagamaan yang tidak dibenarkan di dalam Parlimen ini dan kita tidak boleh mempertahankan orang-orang yang bercakap di bawah...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya hendak cakapkan sesuatu, minta Yang Berhormat sabar sedikit. Nampaknya Yang Berhormat ini ghairah sangat hendak menghabiskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua tidak kata apa-apa, maka saya terus bercakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya memang ada bagi isyarat.

Yang Berhormat, bersabit dengan apa yang dibangkitkan tadi, saya nampak banyak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya rasa sekiranya Yang Berhormat hendak merujuk seseorang Ahli itu supaya digantung kerja sebagai Ahli, ini bukan caranya. Lagipun, kalaulah Yang Berhormat hendak membuat sesuatu usul secara lengkap dan lebih menyeluruh, itu boleh diizinkan. Cuma dengan cara yang sebegini, saya rasa itu tidak tepat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ada dua hukuman. Yang pertama, di bawah Hak dan Kebebasan. Di bawah Hak dan Kebebasan ini, tidak ada mana-mana Ahli boleh menghukum orang-orang lain menolak Al-Quran dan sebagainya. Ini satu hukuman yang berat. Orang yang hendak jadi orang Islam, dia mesti menerima Al-Quran. Sekaligus menolak Al-Quran maknanya, apakah hukuman kepada kami? Pak Nik ini adalah merupakan sahabat baik saya tetapi perkataan menuduh yang kita menolak Al-Quran adalah satu perkara yang tidak boleh diterima oleh mana-mana orang Islam, termasuk orang-orang PAS. Saya hendak minta pada hari ini, Pak Nik sebagai seorang Ulamak yang besar dalam Malaysia ini, kononnya, supaya menarik balik....Ini ada di dalam *Hansard*.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya memberi penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini ada dalam *Hansard*. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh baca di bawah...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Puak-puak ini saya tahu mereka tidak...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya tidak izinkan Yang Berhormat baca sebab, sekiranya Yang Berhormat rasa tersinggung ataupun rasa tidak kena...

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, sabar. Pada ketika itu Yang Berhormat boleh minta penjelasan ataupun bangkitkan point of order semasa Yang Berhormat itu berucap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang kita tidak payah masuk point of order. Ini melibatkan Akta Hasutan 1948. Yang lain-lain kita boleh cakap tetapi berhubung dengan Akta Hasutan kita tidak boleh bercakap di sini—mengenai bahasa, mengenai agama. Tetapi sekarang ini orang Islam sesama orang Islam menuduh sekumpulan orang Islam lain menolak Al-Quran. Ini perkara yang sensitif. Tuan Yang di-Pertua tidak faham ini sebab kita orang Islam kalau sebut sahaja fasal Al-Quran...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa cukuplah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, satu demi satu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta beliau menarik balik secara rasmi, sebab Yang Berhormat di sini sebut, "saya boleh tarik balik...", tetapi dia kata dia tidak menarik balik...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dinasihatkan supaya mematuhi keputusan Kerusi dan saya ingin mengingatkan Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat hendak membuat satu usul seperti mana yang saya sarankan tadi, itu memang diizinkan supaya usul yang berkenaan dapat dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Tetapi cara ini tidak tepat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order,...

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Point of order. Duduk dahulu, Yang Berhormat, ini point of order saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, saya point of order dahulu, tidak habis lagi. Di sini kita tidak payah beri notis. 26(1) kalau Tuan Yang di-Pertua baca, yang lain-lain mesti mengikut Peraturan Mesyuarat, kecuali, berhubung dengan perkara berikut:

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya point of order juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Pengkalan Chepa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order apa, buat saya? Ini saya dengan Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order itu memang saya faham, 26(1) cukup jelas. Tetapi keputusan saya sudah buat dan saya berharap Yang Berhormat akur dengan apa yang diputuskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, Yang Berhormat hendak benarkan? Kalau begitu tidak apa, masing-masing akan berlawan tuduh menuduh dan Dewan ini akan menjadi kacau-bilau. Ini saya hendak beri tahu, sebab perkara-perkara berhubung...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya beri amaran, antara saya dengan Pak Nik sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ugutan...

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahli-ahli Yang Berhormat lain jangan campurtangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ugutan tidak akan dilayan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak mengugut. Saya tidak mengugut, saya beritahu Yang Berhormat, kalau perkara ini dibenarkan orang bercakap fasal ini, benda ini tak.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Jelutong. Yang ke berapa?

Tuan R. Karpal Singh: 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 36(4). Apa benda?

Tuan R. Karpal Singh: Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seorang Ahli menggunakan bahasa biadap. Tuan Speaker, saya ada baca isi kandungan Penyata Rasmi Parlimen pagi kelmarin, dan di sini Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada menggunakan perkataan 'babi' tiga kali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biar saya cakap.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat tahu, Tuan Speaker, adakah perkataan 'babi' ini dikeluarkan dalam senarai yang ada diumumkan oleh Tuan Speaker dua minggu dahulu. Adakah ianya tidak ada dalam senarai sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar, saya akan putuskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana kelmarin, Tuan Speaker, apabila rakan saya dari Bayan Baru di bawah Peraturan Mesyuarat juga ada merayu kepada Tuan Speaker untuk mengambil tindakan atas Menteri itu, beliau tidak buat itu. Ini bermakna 'babi' boleh digunakan; bukan sekali, tetapi tiga kali pun oleh satu Menteri, seperti Menteri ini kelmarin. Bolehkah ini di....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup jelas ya, sebab apa yang disebutkan tadi itu saya sudah baca *Hansard* itu.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah ini dalam senarai sekarang ataupun sudah dikeluarkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk. Saya akan buat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa kalaulah Yang Berhormat hendak merujuk kepada mana-mana percakapan yang telah pun dilafazkan oleh Menterikah ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat, patutlah buat pada ketika itu, bukan sekarang.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Bersabot dengan apa yang dibangkitkan mengenai perkataan

yang disebutkan tadi itu, saya rasa memang dalam senarai unparliamentary words. Cuma Yang Berhormat dari Jelutong cuma hendak minta penjelasan daripada saya sahaja. Ini bukan point of order, Yang Berhormat. Point of order biasanya....

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): nanti dahulu, patutlah dibangkitkan pada masa perbahasan ataupun dibangkitkan terhadap mana-mana seorang Ahli yang berucap itu dan bukannya sepertimana dibuat sekarang. Saya rasa tidak kena.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, point of order yang sama—36(4). Saya ada bangkit semalam dan menyuruh—ada dalam *Hansard*—menyuruh dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak mengarahkan, malahan saya dihalau keluar. (*Disampuk*) Semalam sahaja berlaku!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Semalam sahaja! Semalam, macam Tuan Yang di-Pertua cakap tadi betul. Semalam saya sebutkan, dan semalam saya dihalau, dia selamat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Ha! 'mockery'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini sebenarnya kalau Yang Berhormat hendak lepas geram, saya rasa di sini bukan tempatnya, Yang Berhormat. Dan kalaulah Yang Berhormat hendak bangkitkan perkara yang telah pun berlaku, saya rasa ini tidak bermanfaat.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi.

Tuan Ahmad bin Nor: Semalam saya suruh dia tarik balik, dia tak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah cakap tadi. Cukuplah, Yang Berhormat. Lagipun saya rasa kalau Yang Berhormat rasa tak puas hati, mungkin boleh berikan kepada Tan Sri. (*Disampuk*) Saya sudah cakap, Yang Berhormat. Cukup, cukup. Masa berjalan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1993 Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1993

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM11,854,471,720 (sebelas bilion, lapan ratus lima puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh satu ribu, dan tujuh ratus dua puluh ringgit) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1993, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah

26 Tahun 1992, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut".
(17hb November, 1992)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta sambung.

3.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti yang telah saya katakan semalam syarikat-syarikat besar ataupun 'anchor' ini sememangnya memerlukan jumlah yang besar komponen-komponen environment.....

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti secepat, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Saya hendak sambung penjelasan saya semalam, sebab saya sambung penjelasan saya semalam. Di bawah *Hansard*, muka surat 212, Yang Berhormat boleh tengok, Yang Berhormat ada sebut di sini, iaitu:

"Tetapi saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat dari Jerai, kita daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hanya berkaitan dengan kuasa menguasai perdagangan antarabangsa, bukan dalam negara kita. Oleh yang demikian boleh jadilah sedikit-sebanyak apa yang dikatakan tadi, boleh dirujuk kepada lain-lain Kementerian, bukan kepada Kementerian kita".

Jadi, ini kenyataan rasmi daripada Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah perkara-perkara berhubung dengan agensi ini sebenarnya

terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna? Itu sahaja saya hendak tanya kepada Yang Berhormat. Kalau ya, alhamdulillah, saya ucap terima kasih sebab Yang Berhormat telah memberi garis panduan yang terang kepada pengusaha-pengusaha bumiputera.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, agensi kita terdapat banyak agensi-agensi. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat dari Arau agensi mana yang berkaitan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Contohnya 'Nestle'.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Nestle memang di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bukan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Terang?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi Yang Berhormat, tak mengapalah, terima kasih.

Tuan S.S. Subramaniam: Berkaitan dengan agensi-agensi daripada syarikat-syarikat tempatan, memang di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung lagi?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jerai bangun.

Tuan S.S. Subramaniam: Jerai bangun lagi? Baiklah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan supaya tidak timbul kekeliruan di antara peniaga-peniaga bumiputera yang menjalankan perniagaan, pengedaran, pengimportan dan sebagainya. Jadi, bolehkah

Yang Berhormat jelaskan di sini jenis-jenis agensi-agensi yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan juga agensi-agensi serta benda-benda yang dimonitorkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Kerana kadangkala peniaga-peniaga dapati agak sukar dan keliru kerana setengah itu benda yang diimport dari luar negeri di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa, tetapi dijual di dalam negeri. Dan kadangkadangkang syarikat-syarikat yang datang membuat investment di dalam negara kita ini masuk melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa tetapi tidak dikontrol oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan ditolak balik kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi, saya ingin penjelasan yang terang dan jelas supaya peniaga-peniaga bumiputera ini dengan tidak ada kewujudan unit penyertaan bumiputera ini dapat menuju kepada sasarannya untuk menyelesaikan sebarang masalah-masalah yang mereka timbul dan mereka hadapi. Terima kasih.

Tuan S.S. Subramaniam: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jerai. Sememangnya boleh dapat sedikit kekeliruan oleh kerana ada sedikit-sebanyak overlapping, dengan izin, dari segi pelaburan dan juga perkembangan industri-industri kecil. Tetapi untuk garis panduan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa kita dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa, bertugas untuk menarik pelaburan daripada luar negeri dan juga untuk mewujudkan lebih industri-industri di dalam negara kita. Di atas tujuan ini boleh jadi ada sedikit kekeliruan di bawah mana kita akan mewujudkan syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat SMI ataupun kilang-kilang kecil dan sederhana yang mana kita telah memulakan sistem 'vendor' dan sebagainya. Tetapi untuk garis panduan yang tetap, semua perdagangan dalam negeri adalah di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetapi untuk perdagangan antarabangsa, import, eksport dan sebagainya, itu di bawah Kementerian

kitalah. Inilah satu garis panduan yang mudah. Tetapi di mana terdapat sedikit sebanyak kekeliruan, pihak-pihak berkenaan boleh berhubung dengan kita untuk mendapat penjelasan yang lebih terang. Boleh?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Jadi, adakah pihak Kementerian Perdagangan antarabangsa dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengadakan satu penjelasan secara khusus mengenai pembahagian kuasa-kuasa ini supaya tidak lagi ramai orang yang terkeliru. Adakah pihak Setiausaha Parlimen akan memberi komitmen dalam Dewan bahawa akan diadakan division of jurisdiction, pembahagian jurisdiction ini secara se jelas-jelasnya?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan semalam, saya telah membuat cadangan kepada Dewan yang mulia ini, kita akan mengkaji semua kuasa dan semua khidmat yang sedang diberi oleh Kementerian kita dan juga Kementerian Dalam Negeri dan kita akan membawa satu maklumat kepada semua pihak untuk pengusaha-pengusaha dan juga kaum bumiputera, supaya mereka boleh dapat tahu di mana yang sebenarnya kuasa-kuasa diletakkan. Saya boleh memberi jaminan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan semalam, syarikat-syarikat 'anchor' ini memerlukan jumlah yang besar komponen-komponen keluaran vendor untuk mengeluarkan barangan akhir mereka sebelum dipasarkan di dalam ataupun di luar negeri. Kerajaan sentiasa mengkaji untuk memperluaskan lagi bidang industri yang boleh diletakkan di bawah program pembangunan vendor ini. Dengan yang

demikian, lebih banyak lagi syarikat-syarikat besar dari sektor lain boleh diambil untuk menjadi 'anchor' pada masa hadapan. Syarikat-syarikat besar yang menjadi 'anchor' ini sememangnya diberi tanggungjawab untuk membangunkan vendor terutamanya dari segi pengurusan perkilangan dan meningkatkan mutu pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat mengenai sejauh manakah usahawan yang telah berjaya menjadi payung kepada usahawan industri kecil dan sederhana dan apakah bimbingan-bimbingan yang telah diberikan kepada usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah melantik tiga buah syarikat sebagai pelayang kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana seperti berikut: -

- (i) Guthrie Furniture Sdn. Berhad, bagi program konsep payung perabot;
- (ii) Besta Distributor Sdn. Berhad bagi program konsep payung makanan; dan
- (iii) Guthrie Malaysia Trading Corporation bagi program konsep payung alatulis.

Pelaksanaan program konsep payung ini telah menunjukkan kejayaan yang besar sejak ianya dilaksanakan pada tahun 1984. Pada masa ini terdapat 128 buah syarikat bumiputera yang telah mendapat faedah dari program ini.

Syarikat-syarikat ini mengeluarkan sebanyak 164 jenis barangan di mana nilai jualan tahunannya telah mencapai angka RM90 juta pada tahun 1991. Kerajaan berharap dalam jangka panjang ada di antara syarikat-syarikat yang dipayung ini membesar dan menjadi sebuah syarikat yang mampu pula untuk memayung syarikat-syarikat yang lain.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program konsep payung adalah dibuat secara bersepadu yang melibatkan berbagai agensi Kerajaan. Sebuah jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan di mana jawatankuasa ini bertanggungjawab melawat dan memberi khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan yang terlibat dari masa ke semasa. Di antara skim-skim yang dilaksanakan di bawah jawatankuasa teknikal ini ialah skim peningkatan mesin dan skim amalan peningkatan kualiti. Kesemuanya ini dibuat adalah semata-mata untuk memastikan kejayaan pelaksanaan konsep payung.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Jika terdapat pandangan dan teguran yang saya tidak dapat jawab di Dewan yang mulia ini, saya boleh katakan di sini, kita akan memberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kementerian kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kesihatan diminta menjawab.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan pandangan dan teguran-teguran positif dari semua pihak yang bertujuan mempertingkatkan satu mutu perkhidmatan dan imej Kementerian ini, dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan beberapa pandangan dan teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü, di samping berpuas hati melihat Kementerian Kesihatan telah pun diperuntukkan sejumlah RM2,482.2 juta bagi tahun 1993 membangkitkan masalah kekurangan yang amat serius di kalangan doktor-doktor, pakar-pakar dan juga jururawat di Sarawak. Beliau juga menyentuh tentang pengambilan jururawat dari negara Vietnam, India dan Myanmar yang dikatakan tidak tahu bercakap mana-mana bahasa rakyat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü juga membangkitkan mengenai permohonan sebilangan besar jururawat daripada rakyat Malaysia yang tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran bahawa terdapat kekurangan yang amat serius terutamanya jururawat di Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibü tidaklah begitu tepat. Dari jumlah 842 jawatan jururawat yang diluluskan, 783 ataupun 93.5% telah pun diisi dan hanya 6.5% sahaja lagi yang belum dapat diisi. Masalah sebenarnya kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar pula adalah disebabkan kekurangan calon-calon yang terlatih di dalam bidang kedokteran dan kepakaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Oktober 1992 kekosongan keseluruhan doktor-doktor ialah berjumlah 853 iaitu kekurangan sejumlah 24% daripada jumlah yang patut diisi. Kedudukan Pegawai Perubatan Pakar pula ialah 867 jawatan dengan kekosongan yang berlaku berjumlah 233 jawatan iaitu kekosongan sebanyak 51.1%. Mengenai kedudukan di Sarawak pula, dari sejumlah 377 jawatan Doktor yang diluluskan, sejumlah 224 ataupun 67.6% telah pun diisi. Sementara itu terdapat sejumlah 38 Pegawai Perubatan Pakar sedang berkhidmat di negeri Sarawak yang terdiri daripada 6 Pegawai Perubatan Pakar, 21 Pegawai Pakar Kontrak dan "Pegawai Pakar Klinikal".

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan seterusnya mengambil langkah-langkah

tertentu bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai-pegawai di Kementerian ini. Sebagai contoh, pihak Kementerian Kesihatan telah pun melantik sejumlah 187 Pegawai Perubatan secara kontrak yang mana seramai 107 daripadanya terdiri daripada Pegawai pakar.

Berhubung dengan pengambilan jururawat kontrak dari India, Vietnam dan Myanmar yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibü tadi, tidak tahu bercakap mana-mana bahasa sekalipun yang difahami oleh rakyat Malaysia, sebenarnya hanya mereka yang sekurang-kurangnya fasih berbahasa Inggeris sahaja yang diberi pertimbangan. Kebolehan berbahasa ini telah pun ditentukan dalam syarat-syarat pengambilan jururawat kontrak dari luar negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang pengambilan jururawat-jururawat daripada Myanmar, Vietnam dan lain-lain negara lagi. Apakah kita terlupa bahawa satu negara yang lain, yang menjadi anggota ASEAN, negara serumpun, yang mana kita tidak menyebut langsung tentang usaha hendak mengambil jururawat daripada Indonesia yang akan mengatasi masalah bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang jururawat-jururawat yang datang daripada India, daripada Vietnam, yang dihantar ke Kuala Nerang di kawasan saya misalannya, tidak tahu berhubung. Jadi, ini menjadi satu oversight, dengan izin, oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang kedua ialah mengenai dengan kekurangan jururawat ini yang mana adalah satu isu yang sudah lama, semenjak saya sekolah

dahulu diperkatakan tentang kekurangan jururawat. Mengapakah susah sangat kita hendak mengisi jawatan jururawat ini, apakah ianya merupakan suatu profesion yang sungguh selektif. Kalau susah hendak mengisi jawatan Doktor, kita faham. Tetapi jururawat hanya merupakan satu bidang pekerjaan sub-profesional. Apakah sebab, mengapakah susah sangat hendak mengisi jururawat ini semenjak zaman kolonial sehingga 35 tahun selepas merdeka?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan satu oversight mengenai dengan pengambilan jururawat daripada Indonesia seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Tetapi kita sekarang ini sedang dalam proses yang kedua untuk mengambil beberapa jururawat yang lain daripada beberapa negara yang mungkin termasuk Indonesia, tetapi masalah yang timbul ialah masalah teknikal yang berkaitan dengan kelulusan dan juga taraf kejururawatan.

Saya tidak mahu membangkitkan ini sebagai satu isu umum tetapi telah ditimbulkan bahawa terdapat beberapa negara di dunia ini yang mempunyai jururawat yang tidak diperakui kelulusannya oleh beberapa negara termasuk Malaysia.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan mesyuarat)

Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu kita ambil berat dan saya akan cuba membawanya kembali kepada jawatankuasa Kementerian untuk mempertimbangkan supaya diberi perhatian yang sewajarnya kepada jururawat Indonesia.

Berkenaan dengan kekurangan jururawat, saya ingin menyatakan bahawa kekurangan ini akan berlangsung oleh kerana peningkatan keperluan ataupun demand, health services ini ataupun perkhidmatan perubatan.

Jadi, walaupun kita telah merancang untuk masa depan dimana kita telah pun meningkatkan pengambilan jururawat daripada 700 kepada 900 pada tahun-tahun yang lepas, kini pengambilannya sudah meningkat kepada 1,000 lebih. Kementerian menjangka bahawa ini juga akan menimbulkan masalah pada masa hadapan apabila kita meletakkan satu taraf yang tinggi untuk menentukan bahawa perubatan kesihatan itu sampai kepada semua pelosok negara. Apatah lagi kepada rakyat kita di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah pun cuba merancang ke hadapan (forward looking) terhadap beberapa masalah yang sedang timbul seperti kekurangan doktor, kekurangan jururawat dan kekurangan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan di kawasan-kawasan tertentu, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tentang dakwaan yang mengatakan bahawa sebilangan besar daripada permohonan bagi jawatan jururawat daripada rakyat Malaysia tidak diluluskan. Sebagai contoh, pihak Kementerian Kesihatan telah pun mengiklankan pengambilan jawatan jururawat kontrak dalam Negeri pada bulan November, 1991, tetapi sambutannya tidaklah begitu memuaskan. Sebanyak 53 permohonan sahaja yang diterima dan daripada jumlah itu hanya 36 permohonan memenuhi syarat dan telah pun dipanggil temuduga, dan 18 orang telah pun ditawarkan, hanya 9 orang sahaja yang melapurkan diri. Setakat ini Kementerian Kesihatan hanya mengambil staff nurse sahaja, dengan izin, dan bukan assistant nurse. Itu yang menjadi masalah sedikit.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat dari Arau yang meminta Kementerian Kesihatan membuat kajian lanjut ke atas sejumlah pokok yang dikatakan mengeluarkan getah yang boleh mengubati penyakit AIDS, sebenarnya pokok ini adalah dari keluarga pokok manggis dengan nama saintifiknya "calophyllu lanigerum", iaitu telah ditemui di kawasan tanah rendah di Sarawak oleh penyelidik daripada Universiti Illinois,

Amerika Syarikat. Penyelidikan lanjut mengenai keberkesanan getah pokok ini untuk mengubati AIDS memerlukan tenaga pakar yang mendalam. Oleh itu adalah disyorkan supaya universiti-universiti tempatan, yang merupakan institusi yang paling sesuai, untuk menjalani penyelidikan yang berkaitan.

Kementerian Kesihatan juga telah menerima banyak dakwaan-dakwaan lain yang menuntut bahawa mereka boleh mengubati AIDS, tetapi setakat ini belum ada satu pun yang berjaya, walaupun Kementerian Kesihatan telah memberi kerjasama dengan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Batang Lupar? Ya! Biar saya habiskan ayat ini dahulu. Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan mereka dan melalui kerjasama beberapa orang pesakit AIDS dan pembawa HIV yang telah pun bersetuju untuk bekerjasama dengan orang-orang yang mendakwa mengenai perkara tersebut. Oleh kerana itu, kita hendak memberi amaran kepada rakyat umum supaya mereka tidak tertipu dengan tuntutan-tuntutan yang mengatakan melalui iklan bahawa mereka boleh dapat mengubati penyakit HIV ataupun AIDS. Ini perkara didapati telah pun berlaku di akhir-akhir ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada terbaca surat berhubung dengan penemuan sejenis kayu yang dikatakan kayu "bentangor" yang ditemui di Sarawak. Saya sendiri memang tahu betul berkenaan dengan kayu itu. Semasa saya kecil-kecil dahulu saya panjat kayu "bentangor" ini. Saya kenal betul dengan kayu "bentangor" dan dalam kawasan saya banyak kayu "bentangor" ini. Jadi, apa yang penting ataupun yang menarik perhatian saya di dalam surat yang dikeluarkan di dalam suratkhbar di Sarawak itu ialah ia

mengatakan bahawa penyelidik dari Universiti datang ke Sarawak untuk menyelidiki kayu itu dan terdapat kesan-kesan yang menunjukkan bahawa kayu ini boleh mengubati penyakit AIDS. Kali kedua, bila mereka sampai, kayu ini sudah tidak ada lagi, orang sudah tebang oleh kerana kesan pembalakan. Jadi, soalan yang berbangkit kepada saya ialah bukan soalan kebenaran bahawa kayu ini boleh mengubati penyakit AIDS. Apa yang saya takut ialah dia menggunakan penyelidikan AIDS sebagai suatu benda yang kontroversial, suatu benda yang penting sekali kepada masyarakat di dunia pada masa sekarang ini, tetapi apabila dia mengatakan bahawa kayu ini sudah hilang bila dia datang kali kedua, ini maknanya orang Sarawak itu, benda yang mahal, benda yang penting, benda yang begitu bermanfaat kepada manusia pun ditebang sebagai balak juga. Ini dijadikan sebagai suatu negatif news kepada negara-negara luar bahawa kita di Malaysia, dan di Sarawak, terutamanya, adalah pembunuh benda-benda yang penting ini. Jadi, adakah penyelidikan dibuat untuk memastikan pihak suratkhbar-suratkhbar, supaya cerita-cerita yang begini tidak digunakan oleh pihak luar daripada negara kita ini sebagai menunjukkan bahawa orang Malaysia memang tidak guna langsung. Benda yang mahal dan bererti semacam ini pun dia binasakan dan dibuang, seperti mana yang ditunjukkan di dalam suratkhbar itu. Terima kasih.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar kerana sensitif kepada masalah ini. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah menerima banyak tuntutan-tuntutan, ada yang datang ke pejabat kita untuk menyatakan bahawa mereka boleh mengubati penyakit AIDS dengan serta-merta. Kita telah pun bekerjasama dengan mereka dan meminta beberapa orang yang mempunyai penyakit ini untuk dicuba oleh orang-orang tertentu ini. Pada masa ini, selepas kita membuat kajian melalui "white cell counts" dan

siasatan-siasatan klinikal yang lain, kita dapati bahawa tuntutan-tuntutan ini adalah tidak betul. Oleh kerana itulah perkara-perkara umum seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar itu mungkin berlaku, jika terdapat beberapa orang yang mengaku bahawa sejenis batang kayu ataupun akar kayu ataupun daun-daunan boleh mengubati penyakit, jika sekiranya perkara ini diketahui secara umum, maka dengan sekaligus pokok-pokok ini akan pupus dan orang-orang yang mengambil kesempatan akan menggunakan ini sebagai bahan perniagaan yang mungkin tidak ada faedah langsung. Sebagai contoh, kita katakan, dahulu adalah orang yang membuat pengumuman tentang batang kayu "Tongkat Ali" dan hari ini kita dapati "Tongkat Ali" sudah pun mula menghadapi masalah yang serupa iaitu kepupusannya telah pun dirasai. Tetapi kita merasa bersyukur dengan adanya ahli-ahli saintis yang telah pun berjaya mengekalkan batang kayu ini melalui "tissue culture" dan dapat diabadikan, kalau sekiranya pokok ini habis ditebang di hutan-hutan. Pergilah ke Langkawi hari ini, pergilah ke tempat-tempat yang tertentu, adalah didapati pokok ini telah pun pupus. Jadi, kita berharap sebelum kenyataan-kenyataan ini dibuat, orang ramai patut berwaspada supaya kita tidak tertipu dengan tuntutan-tuntutan tersebut.

Saya menimbulkan masalah ini kerana ianya ada kaitan dengan bilangan orang-orang yang terkena penyakit AIDS ini. Walaupun pada ketika ini, kita dapati hanya 4,437 orang sahaja yang terkena penyakit HIV dan 67 daripadanya terkena penyakit 'full blown AIDS' dan 42 orang telah meninggal dunia, tetapi daripada siasatan kita akhir-akhir ini, kita dapati bahawa bilangan yang tidak rasmi melebihi daripada bilangan yang rasmi. Bermakna bahawa kemungkinan kita dapati bahawa ada lebih banyak lagi orang-orang yang tidak berdaftar yang terkena penyakit HIV yang berkeliaran di dalam masyarakat Malaysia. Saya ingin menyatakan dengan tegas di sini bahawa kita sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengawal masalah ini kerana kita

dapati bahawa kanak-kanak yang berumur 5 tahun sudah pun terkena penyakit ini dan baru-baru ini kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 15 tahun telah pun termasuk di dalam kumpulan-kumpulan orang yang terkena HIV melalui perhubungan jantina.

Yang Berhormat dari Padas menyatakan bahawa ketiadaan kuarters di Hospital Daerah Tenom telah pun menjejaskan keselesaan dan kebajikan pegawai serta kakitangan di hospital tersebut dan berharap Kerajaan lebih peka kepada masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Hospital Daerah Tenom di Sabah mempunyai 136 orang kakitangan pelbagai peringkat. Daripadanya, seramai 37 orang telah diperuntukkan dengan kuarters, iaitu 12 unit milik hospital dan selebihnya disewa.

Pada masa ini hanya pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan tugas panggilan sahaja yang diutamakan untuk mendiami kuarters Hospital dan bilangan kediaman yang diperuntukkan ini adalah memadai. Walau bagaimanapun, peruntukan kediaman tersebut akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Yang Berhormat dari Klang telah pun menyentuh tentang Institut Jantung Negara yang telah pun diperbadankan yang mana menurut beliau menyebabkan semakin ramai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan ini tidak berkemampuan kerana kos rawatannya sedang meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Jantung Negara (IJN) telah pun dikorporatkan pada 1hb September 1992 sebagai sebuah syarikat dengan nama Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Sebagai sebuah syarikat, IJNSB perlulah mendapatkan punca kewangannya sendiri kerana Kerajaan tidak lagi bertanggungjawab menanggung perbelanjaan membiayai IJN. Dengan itu, caj yang ditetapkan oleh IJNSB adalah berdasarkan sekurang-kurangnya pulangan

balik ataupun cost recovery bagi segala urusan rawatannya. Ini berbeza dengan caj rawatan yang dikenakan di hospital-hospital Kerajaan seperti yang telah pun ditetapkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982. Caj yang telah pun ditetapkan adalah dalam Perintah Fee (Perubatan) ini berdasarkan kepada kadar minimum yang tidak mencerminkan perbelanjaan sebenar bagi rawatan yang telah pun diberi oleh hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bukit Bintang minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa Institut Jantung Negara ini ada mengutip derma atau donation melalui televisyen dan suratkhbar. Pada hari ini berapakah jumlah donation itu dan dimanakah digunakan wang ini? Saya diberitahu juga bahawa Institut Jantung Negara yang mengutip derma ini.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah keliru sedikit. IJN adalah Institut untuk membedah orang yang sakit jantung. Mungkin yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah Yayasan ataupun sebuah badan yang dinamakan Jantung Hatiku dan sebagainya yang tidak ada kaitan dengan IJN. Please go and check your facts, dengan izin.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Saya minta maaf. Saya ingat saya boleh teruskan. Oleh kerana caj yang dikenakan oleh IJN adalah lebih tinggi dari yang biasa dibuat oleh hospital-hospital Kerajaan, maka Kerajaan telah pun menyediakan peraturan untuk menanggung sebahagian

atau sepenuhnya perbelanjaan rawatan bagi pesakit-pesakit Kelas Tiga, yang tidak mampu, yang dirujuk oleh hospital-hospital Kerajaan kepada IJN.

Walau bagaimanapun, mereka perlulah menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan selanjutnya melainkan jika keadaan memerlukan tindakan serta-merta. Ini adalah fall back situation dengan izin, yang telah pun dilakukan oleh Kerajaan untuk menentukan orang-orang yang miskin dan tidak mampu mendapat rawatan yang sepatutnya daripada IJN.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berkeupayaan dan mereka yang menolak giliran yang ditetapkan, dikehendaki membayar sepenuhnya caj yang telah pun ditetapkan oleh IJN. Bermakna di sini, orang-orang yang berkemampuan atau orang-orang yang ada duit dikenakan bayaran sepenuhnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj di IJN masih rendah jika dibandingkan dengan caj yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan ini, maka saya memberi jaminan bahawa kita akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Pertanian.

4.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan tentang sektor perikanan dan pembangunan

pertanian di Sarawak. Negeri Sarawak mempunyai sumber perikanan yang banyak kerana adanya laut Zon Eksklusif Ekonomi yang luas. Untuk mengeksploitasikan sumber perikanan ini ke tahap optima, Kementerian Pertanian telah membenarkan perusahaan ikan laut dalam oleh bot-bot dari Semenanjung di kawasan 30 batu nautika dari pantai sehingga kawasan ZEE.

Usaha penangkapan ikan laut dalam melibatkan pelaburan yang besar di samping memerlukan kepakaran yang tinggi serta pengurusan yang cekap, yang tidak mampu dilaksanakan oleh nelayan-nelayan kecil di Sarawak. Memandangkan bot-bot laut dalam ini hanya beroperasi di luar kawasan pantai, maka kepentingan nelayan-nelayan Sarawak yang kurang maju dan kecil yang menangkap ikan di kawasan pantai adalah tetap terpelihara. Dalam pada itu dengan adanya perkembangan perusahaan penangkapan ikan laut dalam di Sarawak akan memberi peluang kepada nelayan-nelayan kecil di Sarawak bergiat dalam perniagaan, penyediaan perkhidmatan bekalan air batu, minyak dan sebagainya serta juga melalui persatuan-persatuan mereka, mengambil bahagian dalam syarikat-syarikat bot dalam tersebut.

Sebagai perancangan jangka panjang, Kementerian Pertanian mengambil beberapa langkah bagi memajukan persatuan nelayan di Sarawak supaya mereka sendiri dapat menceburi secara terus atau dan melalui usahasama perusahaan penangkapan ikan laut dalam. Bagi mencapai tujuan ini, mereka diberi latihan dan bimbingan dari jabatan dan agensi yang berkaitan.

Ahli Yang Berhormat juga telah mengemukakan beberapa cadangan untuk pertimbangan Kementerian. Mengenai cadangan supaya Kementerian menggantung tindakan Polis Marin terhadap perahu dan kapal tunda yang menangkap ikan di kawasan yang salah sehingga pindaan dibuat kepada Akta Perikanan, suka dijelaskan bahawa Polis Marin hanya mengambil tindakan menahan bot-bot pukut

tunda yang mencerooboh masuk ke kawasan larangan sahaja iaitu kawasan tepi pantai yang dihaskan untuk nelayan-nelayan pantai yang mengusahakan perkakas menangkap ikan tradisional. Kegiatan mencerooboh masuk ke kawasan tepi pantai oleh bot-bot pukut tunda bukan sahaja mengancam mata pencarian nelayan pantai tetapi juga boleh menjejaskan sumber perikanan itu sendiri. Kegiatan tersebut dilakukan oleh sebilangan kecil bot-bot pukut tunda yang tidak mematuhi peraturan-peraturan terpakai. Memandangkan sumber perikanan perlu dikawal dan diurus secara rasional, Kerajaan tidak bercadang hendak menanggung atau menggantung peraturan-peraturan yang terpakai sehingga Akta Perikanan 1985 dipinda.

Mengenai cadangan supaya Polis Marin dan Jabatan Perikanan tidak harus memberi kompaun kepada perahu ikan yang menangkap ikan di kawasan yang salah, sebaliknya mendenda dalam bentuk wang agar nelayan-nelayan tidak dihalang daripada pekerjaan untuk mendapat pendapatan dan denda tersebut harus yang cukup murah, suka saya maklumkan di sini bahawa di bawah peraturan yang berkuatkuasa sekarang, Jabatan Perikanan akan mengenakan kompaun ke atas bot-bot yang mempunyai lesen yang sah yang melakukan kesalahan seperti memasuki atau menceroobohi kawasan larangan. Dalam konteks ini, kompaun adalah bermaksud denda dalam bentuk wang. Bot-bot yang melakukan kesalahan akan dibebaskan sebaik sahaja kompaun atau denda tersebut dijelaskan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar minta jalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Kawasan saya, kawasan Batang Lupar adalah kawasan nelayan tradisional Sarawak terutama sekali orang-orang

Melayu. Jadi, dengan undang-undang yang diluluskan itu, kita tidak ada hendak kata apa-apa lain tetapi terima kasihlah oleh kerana peraturan-peraturan yang begitu baik dibuat oleh Kerajaan. Tetapi soalan yang hendak saya bangkitkan di sini ialah soalan kompaun. Kadang-kadang apabila berlaku over-lapping iaitu orang yang di luar kawasan menangkap ikan di dalam kawasan yang sepatutnya dia tidak boleh menangkap ikan, maka berlakulah kesalahan dibuat oleh nelayan tersebut.

Jadi, apabila ditangkap, nelayan ini tidak boleh menjalankan usahanya lagi kerana perahunya pun ditahan dan selepas itu, sehinggalah berapa banyak kompaun itu sudah diketahui keputusannya barulah dia bayar kompaun itu. Sehingga kompaun itu dibayar, baru dia boleh menjalankan usahanya lagi. Jadi, musim perikanan kepada orang nelayan tradisi ini adalah sangat pendek di Sarawak; dalam masa dua tiga bulan sahaja. Jadi, kadang-kadang daripada hari dia ditangkap sampai hari dia dikehendaki membayar kompaun ini panjang sangat, kadang-kadang sampai dua minggu.

Berlaku pada dua, tiga bulan lepas yang mana saya sendiri, menulis surat kepada Kementerian supaya dipercepatkan hukuman itu. Hukuman itu kita kena bayar, tetapi masalahnya lama sangat, masa menangkap ikan itu pendek, jadi dia terhenti, tergendala atau grounded ini dalam masa dua minggu, jadi panjang masanya untuk menetapkan hari kompaun. Bahkan, kompaun sudah diketahui, kalau licence group C, hukuman sebanyak ini; kalau group A; hukuman sebanyak ini; B sebanyak ini; dan D sebanyak ini, dia sudah tahu. Jadi, saya harap keadaan komunikasi kita yang canggih, yang baik, Kementerian yang begitu cekap sekali pada masa sekarang kita boleh mempercepatkan—hari ini kata orang ini salah, besok kompaun sudah ditetapkan boleh dibayar, kemudian “lusak” orang itu sudah boleh; “lusak” cakap orang Sarawak, dua hari selepas itu boleh menangkap ikan semula supaya dia boleh recover hukuman itu dengan membayar balik kepada Kerajaan.

Minta maaf, belum bertanya lagi tadi; macam mana pihak Kementerian boleh mempercepatkan proses kompaun ini?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Memang saya akui kadang-kadang berlaku kelambatan dari segi kita mengambil tindakan untuk mengkompaun. Ini mungkin pada masa ditangkap jatuh pada hari minggu dan keesokannya adalah hari cuti umum. Jadi, oleh kerana keadaan tersebut, maka berlakulah kelewatan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan bahawa kita sentiasa berusaha supaya dapat kita mengambil tindakan seberapa cepat yang boleh dan selepas itu pihak yang telah dikompaunkan dapat menjalankan aktiviti tangkapan ikan semula.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kompaun atau denda yang dikenakan adalah bergantung kepada berapa serius kesalahan yang dilakukan. Ahli Yang Berhormat juga telah mengemukakan cadangan supaya kelonggaran diberi untuk menangkap ikan di berbagai zon di Sarawak disebabkan oleh kawasan penggarisan menangkap ikan yang luas di negeri itu. Beliau juga mencadangkan supaya kapal ikan dari Semenanjung serta negara-negara asing ditegah dari menangkap ikan di kawasan Sarawak untuk melindungi kepentingan nelayan-nelayan Sarawak yang kurang maju berbanding dengan nelayan dari Semenanjung dan negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Jabatan Perikanan mengadakan sistem peng-zonan ialah untuk menentukan agar sumber perikanan yang ada di sesuatu kawasan itu diuruskan secara teratur di samping memastikan sumber tersebut dapat diterokai oleh semua lapisan nelayan. Jika sekiranya sistem peng-zonan yang ada sekarang tidak wujud, ia berkemungkinan besar akan menimbulkan pertikaian dan pergaduhan di kalangan nelayan-nelayan yang tidak berpuas hati dan merasa diri mereka ditindas oleh nelayan-nelayan yang mengusahakan bot-bot besar.

Kerajaan akan terus bersikap tegas terhadap bot-bot nelayan asing yang menceroob perairan Malaysia termasuk di perairan berhampiran dengan Sarawak. Hasil tindakan tegas, agensi-agensi penguatkuasaan seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Marin dan Jabatan Perikanan, sebanyak 27 buah bot nelayan asing telah ditangkap dalam perairan Malaysia berhampiran dengan pantai Sarawak sepanjang tahun 1992.

Selain dari itu, bot-bot laut dalam dari Semenanjung yang menceroob kawasan Sarawak juga turut ditahan dan dikenakan kompaun. Bagaimanapun, Kerajaan tetap menggalakkan pengusaha-pengusaha bot laut dalam dari Semenanjung berkongsi atau bekerjasama dengan pengusaha dari Sarawak untuk menerokai Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pertanian di Sarawak khususnya untuk tanaman padi, negeri Sarawak memang mempunyai kawasan tanah yang luas iaitu 12.45 juta hektar atau lebih kurang 37.8% daripada jumlah keluasan tanah di Malaysia. Walau bagaimanapun, keluasan tanah yang sesuai dibangunkan untuk tujuan pertanian adalah hanya 3.2 juta hektar atau 26% daripada keluasan tanah di Sarawak. Pembangunan sesuatu kawasan, lebih-lebih lagi kawasan yang baru sebagai satu kawasan jelapang padi memerlukan pelaburan yang tinggi dari segi infrastruktur termasuk kemudahan jalan ladang, parit dan tali air, reservoir dan lain-lain. Tanah yang terdapat di sana juga perlulah sesuai. Dasar pertanian sekarang menekankan kepada peningkatan produktiviti kawasan-kawasan padi yang ada sekarang dan bukan kepada penerokaan kawasan baru. Oleh itu, penanaman padi hanya akan ditumpukan termasuk di kawasan-kawasan jelapang padi sedia ada. Di Sarawak pada masa ini terdapat dua projek pembangunan pertanian bersepadu seperti IEDP Kalaka—Saribas dan Samarahan. Kementerian Pertanian juga sedang mengkaji cadangan pembangunan pertanian di Lembangan Sungai Saribas, Hilir Rejang—Mukah dan Sebangan—

Bajong. Oleh itu, kawasan-kawasan yang dicadangkan ini akan dikaji kesesuaiannya untuk maksud pembangunan pertanian termasuk penanaman padi jika sesuai dan ekonomik.

Tuan Yang di-pertua, Ahli Yang Berhormat dari Arau ingin mengetahui tentang pencapaian LPN dalam usaha membantu pengilang-pengilang padi bumiputera seperti yang diumumkan semasa pelancaran program "LPN Turun Ke Bendang".

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, sebanyak 22 buah kilang bukan bumiputera di Kedah dibeli dan diambilalih oleh penguasa bumiputera. Masih terdapat beberapa kilang yang sedang dalam proses jual-beli. Daripada jumlah di atas 7 buah telah menyertai skim pusat belian, 6 buah menyertai skim upah mengering dan mengisar dan 2 buah menyertai skim upah kisar. Terdapat 4 buah kilang yang telah memohon untuk menyertai skim-skim LPN, tetapi tidak diluluskan oleh kerana perlaksanaan skim-skim ini dibekukan kepada semua kilang-kilang yang baru. Sementara itu, 3 buah kilang lagi yang baru selesai urusan jual-beli dan mereka ini belum memohon untuk menyertai mana-mana skim LPN. Bagi kilang-kilang yang telah menyertai mana-mana skim LPN, penyertaan mereka diteruskan. Bagi kilang-kilang yang tidak dapat menyertai skim-skim LPN ini, LPN akan membantu sekiranya LPN memperolehi lebihan padi melalui jualan padi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah membangkitkan tentang miracle rice, dengan izin dan usaha-usaha MARDI dalam penyelidikan serta pengeluaran beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, hingga kini MARDI telah menghasilkan 26 jenis padi baru yang telah ditanam oleh petani-petani secara meluas pada satu-satu jangkamasa yang berkenaan. Jenis-jenis ini dikacukkan di Malaysia agar bersesuaian dengan keadaan iklim, tanah dan citarasa penduduk

Malaysia. Teknologi-teknologi pengkacukan yang terkini digunakan agar jenis-jenis ini setanding dengan miracle rice yang dihasilkan oleh IRRI. Beralih ke tahun-tahun 1990an dan seterusnya, usaha-usaha kini sedang dilaksanakan oleh MARDI sejak tahun 1989 dalam bidang bioteknologi dan hybrid rice breeding, dengan izin, untuk memperolehi super rice yang lebih tinggi hasilnya, lebih kebal kepada penyakit dan lebih enak rasanya untuk memenuhi ke perluan rakyat Malaysia.

Melalui kaedah-kaedah ini yang melibatkan proses genetic transfer dan dengan izin, autoplus culture serta pengeluaran hybrid rice, baka-baka baru akan dapat dihasilkan dengan cepat dan ciri-ciri yang diperlukan akan lebih terkawal dari proses kacukan biasa. Kita jangka antara 8 hingga 10 tahun ketahanannya dapat diperolehi berbanding dengan 5 sehingga 6 tahun yang didapati pada masa ini. Ini insya-Allah akan dapat memenuhi keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tanah masin tidaklah begitu optimum untuk menghasilkan pengeluaran padi yang tinggi. Namun begitu, ianya boleh disesuaikan untuk tanaman padi menerusi teknologi-teknologi untuk penanam padi di tanah masin di sebahagian kawasan Kerian—Sungai Manik dan Yan di MADA dengan jayanya. Teknologi-teknologi ini melibatkan rawatan tanah dengan menggunakan baja yang sesuai dan proses dengan izin, soil flushing dengan air biasa mengikut kaedah-kaedah tertentu.

Kesimpulannya, teknologi pengurusan tanah masin untuk tanaman padi sedia ada dan dapat dipadankan di kawasan-kawasan tertentu mengikut keperluan khusus.

Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara-perkara yang tidak sempat dijawab pihak Kementerian akan memberi perhatian dan akan mengambil tindakan seterusnya. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian saya bagi pihak Kementerian Pertanian sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

4.30 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1993 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 30hb Oktober 1992 dan ada di antaranya menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang tersebut telah mengumumkan bahawa duti import ke atas 649 jenis barang telah sama ada dikurangkan atau dihapuskan. Pengurangan duti import itu adalah di antara 10% hingga 30% dan terdiri daripada bahan mentah, barangan separuh siap dan barangan siap. Barang-barang pengguna atau barangan siap adalah meliputi makanan, minuman, buah-buahan, perkakas elektrik, komputer dan komponennya, pakaian, kacamata, permaidani, seramik dan lain-lain lagi.

Tujuan Kerajaan mengurangkan atau menghapuskan duti import ke atas barangan berkenaan adalah untuk mengurangkan tekanan inflasi yang berlaku dalam negara di samping mewujudkan keadaan ekonomi Malaysia yang lebih liberal dan terbuka. Pengurangan atau penghapusan duti import tersebut secara langsung memberi kesan ke atas struktur harga barangan di pasaran. Kesan segera ke atas struktur harga di pasaran adalah bergantung kepada sama ada barangan tersebut merupakan barangan siap yang sedia untuk dipasarkan kepada pengguna atau barangan tersebut perlu menjalani proses pengilangan selanjutnya bagi menghasilkan barangan

pengguna. Jika barangan yang diimport boleh terus dipasarkan kepada pengguna, harga sepatutnya turun dengan serta-merta dan faedah segera dalam bentuk pengurangan harga boleh dinikmati oleh pengguna. Jika tidak, proses penurunan harga mengambil sedikit masa kerana pengilang-pengilang perlu melaksanakan beberapa penyesuaian mengenai struktur harga yang akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pengguna benar-benar memperolehi faedah secara langsung dalam jangkamasa yang singkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah merancang beberapa strategi dan pelan tindakan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan. Langkah awal yang telah diambil ialah menyenaraikan secara terperinci barang-barang yang terlibat untuk tujuan pemeriksaan. Kementerian juga telah membuat kenyataan meminta semua peniaga yang terlibat supaya mematuhi arahan Kerajaan iaitu menurunkan harga barang-barang yang berkenaan. Dari tempoh masa 30hb Oktober 1992 sehingga 10hb November 1992, Kementerian mendapati hanya beberapa barangan sahaja yang telah diturunkan harganya. Ini terdiri daripada peralatan komputer, buah-buahan yang diimport, optical equipment, tali jam tangan dan cod liver oil capsules. Kadar penurunan harga adalah di antara 10% hingga 15%.

Memandangkan respon yang diberikan oleh para peniaga tidaklah begitu menggalakkan, maka mulai 11hb November 1992 Kementerian telah mengarahkan supaya pemeriksaan secara besar-besaran dilakukan di seluruh negara dan ini melibatkan keseluruhan keanggotaan bahagian penguatkuasa untuk mengambil tindakan-tindakan berikut: -

- (i) mengarahkan para peniaga menurunkan harga jualan bagi barang yang terlibat dengan penurunan atau penghapusan duti importnya;
- (ii) menentukan supaya barang-barang pengguna yang terlibat dijual dengan harga baru mengikut kadar yang dipertetapkan pengurangan dan penghapusan cukainya;
- (iii) menentukan penandaan harga ke atas barang yang terlibat dipamerkan untuk barang-barang yang dijual; dan
- (iv) mengenalpasti peniaga-peniaga yang enggan menurunkan harga barang jualan yang terlibat.

Pemeriksaan ini berterusan sehingga 14hb November 1992 dan meliputi bandar-bandar besar, pekan-pekan kecil dan kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa hasil dari pemeriksaan ini bilangan barang-barang yang diturunkan harganya telah meningkat kepada 101 jenis barangan semuanya hingga ke hari ini. Ini termasuklah barang-barang seperti peralatan memasak yang diperbuat daripada aluminium, contact lenses, peti ais, termos air dan karpet atau permaidani. Di samping itu sebilangan besar peniaga telah memberikan jaminan secara bertulis kepada Kementerian untuk menurunkan harga jualan barang-barang selepas membuat penyesuaian yang perlu. Sukacita juga saya memaklumkan bahawa tindakan-tindakan susulan akan diteruskan. Ini termasuklah menjalankan pemeriksaan lanjut, membuat "monitoring" dan memanggil peniaga-peniaga yang masih enggan menurunkan harga untuk mendapatkan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyeru kepada semua pihak khususnya para peniaga supaya mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sepertimana yang dinyatakan di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus mengawasi keadaan ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil apa jua tindakan bagi menentukan para peniaga mematuhi arahan-arahan ini.

Di samping tindakan-tindakan yang telah diambil itu, Kementerian juga akan mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas lagi ke atas peniaga-peniaga yang masih degil dan enggan menurunkan harga jualan barang berkenaan. Tindakan-tindakan itu termasuklah menyenaraihitamkan nama-nama mereka, tidak membaharui lesen-lesen perniagaan dan lesen-lesen barang-barang perlu dan sebagainya. Dalam hubungan ini juga, ingin saya menyeru kepada semua pihak iaitu pengguna, persatuan-persatuan pengguna dan Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna negeri supaya memboikotkan barang-barang atau peniaga-peniaga/kedai-kedai yang didapati masih tidak menurunkan harga jualan masing-masing berkenaan sepertimana yang telah diarahkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah membangkitkan mengenai cadangan untuk menambatkan rangkaian kedai konsumer oleh Persatuan Pengguna Negeri Johor bagi membolehkan para pengguna memperoleh berbagai keperluan dengan harga yang murah. Sebagai permulaan sebuah kedai akan diusahakan. Saya berpendapat bahawa cadangan untuk menubuhkan rangkaian kedai konsumer itu adalah satu usaha yang baik dan patut disokong.

Berkaitan dengan permohonan daripada Persatuan Pengguna Negeri Johor bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada Kementerian bagi membiayai penubuhan kedai tersebut, perlu dijelaskan bahawa pada masa ini Kementerian tidak mempunyai peruntukan khas yang boleh diagihkan kepada Persatuan-persatuan Pengguna bagi menjalankan projek-projek yang bercorak komersial. Walau bagaimanapun, Kementerian bercadang untuk mengemukakan permohonan bantuan ini kepada pihak Perbendaharaan untuk pertimbangan.

Mengenai kenaikan harga susu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kementerian telah membuat kajian yang sewajarnya dan

mendapati kenaikan itu adalah berpatutan dan munasabah. Kenaikan harga berpunca daripada kenaikan kos pengeluaran terutamanya kos bahan mentah, bahan pembungkusan, kos pengangkutan, upah buruh dan kos kewangan. Kadar peningkatan kos tersebut sebenarnya lebih tinggi daripada kenaikan harga yang dibuat. Hasil daripada perbincangan dengan Kementerian, pihak industri telah bersetuju untuk menaikkan harga pada tahap yang minimum dan menyerap sebahagian daripada kenaikan kos.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mengawal harga susu termasuk susu tepung, Kementerian berpendapat bahawa kawalan harga jika dibuat tidak akan menggalakkan pengimportan susu yang lebih bermutu yang biasanya mempunyai harga lebih tinggi. Seterusnya, susu tepung yang diimport siap merupakan saingan hebat kepada susu tepung yang dibungkus dalam negeri. Ini dengan sendirinya dapat menentukan harga yang kompetitif dan berpatutan.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, harga barangan ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan dan campurtangan pihak Kerajaan adalah dalam keadaan tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengawal harga beberapa barangan yang dianggap asas dan perlu, khususnya beras (oleh Lembaga Padi dan Beras Negara), gula bertapis, tepung gandum, besi keluli bulat, simen, petrol (premium, regular dan tanpa plumbum), minyak diesel, minyak tanah dan gas petroleum cecair.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk membendung inflasi, Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak pengeluar dan pengedar supaya mendapatkan kerjasama mereka untuk meningkatkan produktiviti dan tahap efisiensi masing-masing dan mengurangkan kos-kos yang di bawah kawalan mereka di samping seberapa yang boleh, menyerap sebarang kenaikan kos yang di luar kawalan mereka. Pengeluar-pengeluar berkenaan

diminta memaklumkan kepada Kementerian terlebih dahulu sebarang cadangan kenaikan harga untuk semakan dan menentukan bahawa kenaikan tersebut adalah wajar.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta buah fikiran mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan apa-apa cadangan yang dikemukakan itu akan diberi pertimbangan yang sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Pendidikan.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan am Belanjawan 1993 dan mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan bagi pihak Menteri kepada pandangan dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong telah mempersoalkan perkembangan bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah-sekolah di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status bahasa-bahasa tersebut adalah jelas sebagai bahasa ibunda. Bahasa-bahasa ini akan terus diguna dan dikembangkan di sekolah-sekolah. Kurikulum bahasa Cina dan bahasa Tamil seperti juga dengan bahasa Melayu telah diperbaiki dan diperkukuhkan lagi selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

Berhubung dengan penggunaan bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan amat peka dengan keperluan untuk meningkatkan kecekapan berbahasa tersebut di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Pelbagai usaha telah dan sedang dipergiatkan lagi untuk kita meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan. Dasar Kerajaan mengenai bahasa di negara ini, khasnya yang menyentuh dengan sistem pendidikan yang memberi peluang kepada pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa di samping bahasa Melayu, jelas menunjukkan sikap yang liberal dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

Mengenai isu yang dibangkitkan tentang kelemahan pengurusan kewangan dan penguatkuasaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan kurang pasti dengan kelemahan yang dimaksudkan itu. Sehingga hari ini pengurusan kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka diuruskan dengan baik oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan. Pihak audit yang membuat penilaian setiap tahun berpuas hati dengan pengurusan kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah memainkan peranan untuk membetulkan penyalahgunaan bahasa Melayu, terutama yang terdapat pada papan-papan tanda dan sijil pendaftaran dengan menerbitkan buku panduan yang bertajuk 'Senarai Perkataan dan Istilah' untuk pendaftaran nama rasmi syarikat dan pertubuhan.

Mengenai cadangan untuk melibatkan sektor swasta dalam membangunkan sukan sekolah-sekolah, sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan sumbangan dan bantuan sektor swasta dalam program pembangunan sukan bagi pelajar-pelajar di sekolah. Selain daripada sumbangan kewangan dan material, sektor swasta juga terlibat dalam pelbagai program untuk memaju dan

juga meningkatkan prestasi sukan di kalangan pelajar kita. Antara program yang dijalankan ialah mengambil sesebuah sekolah untuk ditaja dan dimajukan program sukannya dan juga menajakan pelajar-pelajar yang berbakat dalam beberapa bidang sukan yang tertentu.

Berhubung dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah, Kementerian Pendidikan telah menjalankan usaha dan pendekatan yang bersungguh-sungguh, termasuklah mengadakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, memberi penerangan kepada pelajar mengenai perlunya kerjasama, menghormati dan juga mematuhi peraturan sekolah. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan menyedari perlunya juga kerjasama daripada pihak Polis, Jabatan Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk sama-sama menangani masalah ini. Menyedari pentingnya penglibatan pihak-pihak yang tersebut, Kementerian Pendidikan telah dan akan terus mendapat kerjasama mereka ini, di samping memantapkan lagi peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Mengenai cadangan untuk mengkaji semula cuti semester persekolahan, sebenarnya sistem semester persekolahan ini telah pun dilaksanakan sejak 3 tahun yang lalu setelah meneliti beberapa hasil kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Jadi, setakat ini ia tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü dan Yang Berhormat dari Teluk Intan mencadangkan supaya lebih banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dibina di kawasan penempatan baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sekolah-sekolah adalah dibuat mengikut kepentingan pendidikan. Sekolah-sekolah tersebut akan dibina sekiranya ia memenuhi keperluan dan dasar pendidikan negara. Jadi, masalah kekurangan guru di sekolah Cina

pula adalah masalah sementara. Ia akan dapat diatasi dengan adanya pengambilan guru pelatih yang berterusan untuk program sepenuh masa bagi kursus pengajian bahasa Cina dan dengan adanya pengeluaran guru terlatih dari maktab perguruan kita dalam bidang pengurusan ini pada setiap tahun.

Berhubung dengan pembinaan lebih banyak sekolah teknik dan vokasional di negeri Sarawak, dewasa ini terdapat 6 buah sekolah menengah vokasional di Sarawak iaitu 2 buah di Kuching dan sebuah di tiap-tiap bahagian Miri, Sibü, Seri Aman dan Bintulu. Kebanyakan sekolah menengah vokasional tersebut, kecuali Sekolah Menengah Vokasional, Kuching didapati belum mencapai tahap maksimum pengambilan pelajarinya. Jadi, di samping itu usaha menaikkan taraf semua sekolah menengah vokasional di Sarawak dari segi fizikal sedang dirancang untuk meninggikan lagi kapasiti pengambilan pelajar.

Yang Berhormat dari Sibü juga telah mengemukakan pertanyaan mengenai taraf mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah Cina dapat dipertingkatkan supaya kelas peralihan yang ada sekarang boleh dimansuhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk kita meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) ini. Walau bagaimanapun, kedudukan bahasa Melayu di sekolah Kerajaan dan sekolah rendah Kerajaan tidak dapat disamakan kerana di SRJK(C) dan SRJK(T) ia hanyalah sebagai satu mata pelajaran, sedangkan di sekolah Kerajaan dan sekolah rendah Kerajaan merupakan bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran, kecuali bahasa Inggeris. Jadi, di samping itu penguasaan bahasa Melayu hendaklah dilihat dari segi kemahiran pelajar dalam aspek lisan, bacaan dan juga penulisannya. Aspek-aspek ini penting bagi seseorang pelajar sebagai persediaan untuknya yang seharusnya ada di peringkat menengah. Ini amat perlu diberikan

perhatian kerana di peringkat sekolah menengah, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam semua mata pelajaran, kecuali mata pelajaran bahasa Inggeris dan bahasa ibunda pelajar itu. Perubahan bahasa perantaraan bagi pelajar-pelajar SRJK ini menuntut agar mereka dibekalkan dengan kemahiran dalam ketiga-tiga aspek bahasa tersebut. Oleh itu, rancangan kelas peralihan adalah satu program yang sesuai bagi pelajar-pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan ini bagi membolehkan mereka menguasai bahasa Melayu dan mempertingkatkan lagi pencapaian komunikasi dengan berkesan.

Yang Berhormat dari Sibü juga telah menimbulkan isu mengenai peluang-peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru. Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa sentiasa mengkaji peluang-peluang kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan selaras dengan syarat-syarat di dalam skim perkhidmatan serta juga keperluan perjawatan semasa.

Mengenai isu mengurangkan red-tape, dengan izin, perlantikan semula pegawai yang telah bersara wajib, Kementerian Pendidikan memang telah berbuat demikian di atas perlantikan semula pegawai yang telah bersara wajib itu. Satu daripadanya ialah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan untuk menurunkan kuasa perlantikan daripada Suruhanjaya ini kepada Ketua Pengarah Pendidikan atau KPPM.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan isu anomali di dalam pelaksanaan SSB bagi pensyarah ITM. Sukacita saya maklumkan di sini pihak Kerajaan telah pun meneliti masalah ini dan bersetuju meluluskan skim perkhidmatan pensyarah ITM yang baru dan berkuatkuasa pada 1-10-1992. Ia menggantikan skim lama yang diedarkan—bagi menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1991 bertarikh 23-12-91.

Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Sepang juga telah

mengemukakan pertanyaan mengenai perkembangan program berkembar institusi-institusi pendidikan swasta dengan institusi-institusi luar negeri yang semakin berleluasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran kursus-kursus pendidikan melalui program berkembar yang dilakukan oleh institusi-institusi pendidikan swasta tempatan dengan pendidikan tinggi asing tidak akan menjejaskan dasar pendidikan negara kita. Pengawalseliaan sentiasa kita lakukan bagi memastikan bahawa program berkembar di negara ini adalah selaras dengan dasar-dasar negara yang wujud sekarang.

Di samping itu, lawatan-lawatan pemeriksaan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri dilakukan dari masa ke semasa ke institusi-institusi swasta ini bagi menentukan supaya dasar-dasar pendidikan negara kita dipatuhi. Program ini juga tidak akan menjejaskan mutu pengeluaran pelajar-pelajar universiti tempatan. Sebaliknya penganjuran program berkembar institusi-institusi pendidikan swasta membantu usaha negara bagi memenuhi permintaan terhadap pendidikan tinggi dan pembangunan gunatenaga yang mahir.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Arau mengenai kajian terhadap program KBSR dan KBSM, Kementerian Pendidikan baru sahaja memperkemas dan juga melaksanakannya. Usaha untuk kita mengemaskinikan KBSR dan KBSM bukan sahaja dibuat untuk memperbaiki kelemahan malahan langkah-langkah juga akan diambil untuk kita menyesuaikan dengan keperluan pendidikan semasa dan juga untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 kita. Di samping itu semua pihak terutamanya Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Negeri telah diminta untuk meningkatkan kemampuan dan kemahiran guru-guru dalam proses pengajaran KBSR dan juga KBSM.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan pensyarah-pensyarah universiti dalam SSB, untuk makluman Yang

Berhormat kenaikan pangkat kepada Profesor Madya dan Profesor adalah tidak mengikut kekosongan sebaliknya ia dinilai dari segi kecemerlangan yang ditunjukkan. Beberapa golongan pensyarah seperti dalam bidang perubatan dan kejuruteraan telah dikategorikan sebagai bidang kritikal dan telah diberi elaun kritikal sebanyak 5% dari gaji pokok mereka.

Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan isu supaya dikaji semula dasar pelajaran negara dengan memasukkan asas-asas Islam supaya tidak menghasilkan hanya manusia untuk ekonomi. Sukacita dijelaskan di sini bahawa pendidikan di negara ini telah berkembang maju sesuai dengan perubahan dan kemajuan masyarakat masa kini. Matlamat pendidikan negara bukan hanya terbatas untuk kita menyediakan tenaga yang mahir untuk sebuah negara maju yang berorientasikan sains dan industri semata-mata sebaliknya tujuan pendidikan di negara ini ialah untuk melahirkan insan kamil iaitu pelajar yang berpengetahuan, berakhlak mulia yang berperibadi tinggi dan juga berkemahiran, patuh dan taat kepada Tuhan serta mampu menangani masalah masyarakat dan juga negara. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan falsafah pendidikan negara yang bertujuan melahirkan insan yang bersepadu dan harmoni. Patuh dan taat kepada agama serta mengamalkan nilai-nilai mulia dalam menjalani hidup bermasyarakat.

Reformasi pendidikan negara ini bertujuan untuk melaksanakan pendekatan pendidikan yang bersepadu dalam kurikulum pendidikan yang memberi keutamaan kepada aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi manusia. Jadi kurikulum ini bertujuan untuk kita melahirkan generasi yang berakhlak dan dapat mengamalkan serta menghayati nilai-nilai murni.

Kementerian Pendidikan juga telah memasukkan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam KBSR dan KBSM sebagai

mata pelajaran teras yang perlu dipelajari oleh semua pelajar Islam. Selain daripada itu mata pelajaran elektif yang merangkumi pelajaran tasawur Islam, pendidikan syariah, pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah dan Pengajian Bahasa Arab Tambahan telah pun diperkenalkan kepada sekolah-sekolah menengah agama di negara ini. Jadi, semua mata pelajaran ini diperkenalkan dengan tujuan untuk kita memberi peluang kepada pelajar-pelajar Islam mendapat pengetahuan yang mendalam dalam pengajian Islam di samping ilmu akademik yang lain. Kementerian Pendidikan yakin melalui pendekatan bersepadu ini akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemampuan untuk membangunkan negara dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi serta tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan aktiviti galakan membaca seperti menganjurkan khemah membaca, kuiz pengetahuan, piala pusingan Menteri Pendidikan dan beberapa aktiviti lagi. Di samping itu peruntukkan tahunan juga telah ditambah. Pada tahun 1992 sebanyak RM400,000 telah diberikan untuk pembelian buku bacaan tambahan kepada sekolah-sekolah dan kempen menggalakkan murid-murid membaca melalui rancangan di TV dan juga Radio Pendidikan.

Menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa dan Yang Berhormat dari Sibul mengenai rumah guru di luar bandar di Sarawak yang terlalu uzur dan supaya peruntukkan diperbesarkan. Kementerian Pendidikan sedar akan keadaan tersebut dan sehubungan dengan itu beberapa langkah telah pun dan sedang diambil bagi kita mengatasi masalah tersebut terutamanya melalui program ubahsuai dan naik taraf sekolah dan rumah guru. Bagi tahun 1992 sejumlah RM1.75 juta telah diperuntukkan dan telah diterima untuk membina 70 buah unit rumah guru. Kesemua projek tersebut telah dan sedang dalam pembinaan dan ia dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah mengemukakan pertanyaan mengenai masalah pendidikan di Sabah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar minta jalan.

Dr. Leo Michael Toyad: Sila.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Soalan rumah sekolah dan guru di Sarawak; saya ucapkan terima kasihlah oleh kerana ada peruntukan besar oleh pihak Kerajaan. Tetapi soalan saya untuk tahun 1993 dan tahun yang berikutnya berapa banyakkah peruntukan yang akan disediakan oleh pihak Kerajaan untuk membina ataupun untuk mengubahsuaikan sekolah-sekolah dan rumah-rumah guru yang tidak layak lagi untuk diduduki di negeri Sarawak. Dan dalam rangka tindakan Kerajaan pada masa sekarang berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membaharui semua sekolah-sekolah lama dan rumah guru yang lama di Sarawak siap kesemuanya? Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Keenam tidak kurang dari RM14 juta telah diperuntukkan untuk rumah-rumah guru di negeri Sarawak dalam Rancangan Lima Tahun. Dan untuk sekolah-sekolah gantian termasuk pembinaan sekolah yang baru dan juga sekolah yang lama yang telah saya sebutkan dalam Dewan ini, untuk saya memastikan berapa lama jangkanya kita akan mengatasikan semua masalah rumah guru ini, saya tidak dapat memastikannya di sini.

Dalam kita melaksanakan program-program pembangunan khususnya di negeri Sarawak di mana perlunya rumah guru dan juga sekolah-sekolah yang uzur ini adalah di kawasan yang masih sukar untuk program itu dilaksanakan dengan cepat.

Tetapi syukurilah pada masa ini kita dapat menjalankan tidak kurang daripada 70%-80% kontrak-kontrak di luar bandar dalam Kementerian Pendidikan, khususnya Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah dicapai. Saya mohon maaf saya tidak dapat memberi jawapan berapa lama Kerajaan dapat membina semuanya serta berapa ribu buah rumah guru, dan sekarang Kerajaan sedang menambah bilangan guru-guru kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah mengemukakan pertanyaan mengenai masalah-masalah pendidikan di Sabah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan untuk meningkatkan taraf pendidikan bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara kita. Di antara tindakan yang akan diambil ialah mengadakan kemudahan fizikal di sekolah mengikut keperluan supaya murid dapat belajar di dalam keadaan yang lebih sempurna dan selesa; membina asrama-asrama desa untuk pelajar-pelajar kita yang perlukan kepada asrama ini yang tidak tinggal berdekatan sekolah tempatan itu, juga termasuk membina rumah-rumah guru. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Sabah telah diperuntukkan lebih daripada 300 juta ringgit untuk projek-projek pembangunan pendidikan. Jadi Kementerian Pendidikan juga akan menempatkan lebih ramai guru terlatih di sekolah-sekolah di Sabah untuk menampung masalah kekurangan guru di Sabah.

Menyentuh isu pembinaan sebuah universiti penuh di Sabah dan juga pembesaran universiti yang sedia ada sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Kimanis, Tanjung Aru dan termasuk Yang Berhormat dari Rantau Panjang, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menambahkan lagi sebuah universiti selain daripada universiti yang akan dibina di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, Kerajaan

telah mewujudkan kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Teknologi MARA di Sabah dan penubuhan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) juga akan mengambil semua pelajar dari seluruh negara termasuk dari negeri Sabah dan selain daripada itu kampus-kampus cawangan juga akan diperbesarkan serta program-program baru akan ditambah.

Yang Berhormat dari Rantau Panjang juga telah mengemukakan pertanyaan mengenai masalah kekurangan tenaga pensyarah di universiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya: di antaranya ialah mengambil tenaga pengajar yang baru, melatih tenaga pengajar muda untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat Sarjana atau peringkat Ph.D. dan juga melatih pensyarah secara kontrak dari dalam dan luar negeri.

Mengenai kemajuan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan sekolah-sekolah agama negeri, setakat ini Kementerian Pendidikan telah menubuhkan 38 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di seluruh negara. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 15 buah lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ini akan didirikan. Pada masa ini semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah Kementerian Pendidikan adalah diuruskan dengan baik. Pencapaian dan kemajuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ini juga sangat baik dan cemerlang sama ada dari segi akademiknya dan juga pembentukan saksiah dan juga akhlak pelajar. Teguran Yang Berhormat yang mengatakan kualiti mahasiswa sekarang adalah rendah dan merosot adalah tidak tepat. Pihak Kementerian Pendidikan dan pihak pentadbiran institusi-institusi pengajian tinggi tempatan sentiasa mengawasi supaya kualiti pengajaran dan pembelajaran dan lulusan institusi-institusi pengajian tinggi kita sentiasa terjamin.

Berhubung dengan gejala keruntuhan moral dan masalah disiplin di kalangan pelajar di sekolah yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat terhadap gejala ini dan Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah yang difikirkan sesuai untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun, perlulah diakui bahawa masalah ini banyak berpunca daripada pengaruh persekitaran dan masyarakat keseluruhannya. Oleh itu usaha untuk membendung gejala ini memerlukan penglibatan bukan sahaja daripada pihak Kementerian Pendidikan bahkan juga daripada ibu bapa dan masyarakat umum.

Yang Berhormat dari Baram membangkitkan tentang kadar buta huruf dan kadar keciciran di Tingkatan I yang tinggi di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang diakui terdapat kadar buta huruf dan keciciran yang tinggi di Sarawak. Ini adalah disebabkan oleh faktor sejarah. Kementerian Pendidikan memang memberi perhatian yang lebih untuk mengatasinya. Antara langkah-langkahnya ialah, kita akan meneruskan pembinaan sekolah-sekolah bagi memudahkan kanak-kanak mendapat pendidikan di luar bandar ini dan mendirikan sekolah khususnya di kawasan-kawasan yang masih memerlukan sekolah. Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan membantu seperti menyediakan buku-buku teks, makanan tambahan, projek susu dan perkhidmatan kesihatan di sekolah-sekolah tersebut.

Mengenai masalah program pemakanan di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat untuk melaksanakannya sebaik mungkin. Segala kelemahan kita cuba atasi dan tidak perlulah Kerajaan mengadakan Suruhanjaya DiRaja ataupun Parliamentary Commission untuk mengkaji masalah-masalah pendidikan di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1985 sehingga 1990 terdapat seramai 2,830 orang pelajar Sarawak yang telah menamatkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Baram, Kapit dan Jerai telah menyentuh tentang kemudahan fizikal termasuk keperluan bilik darjah di sekolah-sekolah luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat tentang kemudahan fizikal ini di sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar di seluruh negara kita. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 239 buah sekolah rendah dan 170 buah sekolah menengah akan dibina. Di samping itu, sejumlah 1,970 buah bilik darjah baru akan dibina di sekolah rendah dan 1,480 buah lagi di sekolah menengah dalam tahun 1993.

Yang Berhormat dari Kota Belud telah membangkitkan mengenai penglibatan guru dalam kempen politik semasa waktu persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini kami belum menerima sebarang laporan mengenai guru-guru yang melibatkan diri dalam kempen politik semasa sekolah. Menurut peraturan yang telah ditetapkan dalam Perintah Am 'Bab B' dalam kelakuan dan tata tertib, pegawai-pegawai dalam kumpulan 'A' adalah dilarang mengambil bahagian atau terlibat dalam kegiatan politik, tetapi pegawai dalam kumpulan 'B' adalah bebas untuk mengambil bahagian tetapi haruslah mendapat kebenaran dari pihak Kerajaan terlebih dahulu.

Yang Berhormat dari Padas pula telah mencadangkan pembinaan sekolah berasrama penuh di Tenom Sabah. Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang untuk membina sekolah berasrama penuh di daerah tersebut kerana tiga buah sekolah berasrama penuh di Sabah adalah pada masa ini memadai. Berkaitan dengan pembinaan sekolah rendah di daerah Tenom pula, pihak Kementerian Pendidikan mempunyai kriteria yang tertentu perlu diambil kira. Pada masa sekarang daerah berkenaan sudah terdapat 28 buah sekolah rendah. Kementerian akan mempertimbangkan untuk menambahkan bilangan sekolah di daerah ini sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan segala keperluan tenaga kerja teknikal di negara ini bagi kita memenuhi kehendak sektor perindustrian dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Yang Berhormat dari Sandakan juga menggesa Kementerian Pendidikan supaya memperbanyakkan sekolah vokasional dan teknik di Sabah agar kita meningkatkan lagi tenaga kerja dalam bidang perkilangan dan perindustrian bagi mencapai taraf negara yang lebih maju selaras dengan Wawasan 2020. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini, negeri Sabah mempunyai 7 buah sekolah menengah vokasional dengan jumlah pelajaranya 2,537 orang. Kebanyakan sekolah tersebut dari bilangan ini nampaknya belum mencapai tahap maksimum pengambilan pelajar-pelajar yang berasal dari Sabah kecuali Sekolah Menengah Vokasional Likas. Dalam pada itu rancangan sedang dibuat untuk kita bagi menaikkan taraf sekolah tersebut dari segi fizikal agar kita dapat menampung lebih ramai lagi pelajar-pelajar di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, aspek vokasional dan teknologi dalam program persekolahan kita sedang juga diberi penekanan. Sebuah jawatankuasa penasihat kurikulum yang terdiri dari pakar-pakar sektor swasta dan juga ahli-ahli akademik dalam bidang teknikal telah dibentuk untuk kita menggubalkan kurikulum yang berhubungan dengan kursus-kursus baru yang berunsurkan teknologi bagi memenuhi keperluan perindustrian.

Yang Berhormat dari Santubong dan Yang Berhormat dari Jerai pula menimbulkan kadar bayaran biasiswa kepada pelajar Malaysia di United Kingdom yang dikatakan agak rendah. Sebenarnya perbelanjaan hidup telah naik, tetapi usaha-usaha Kementerian dan Kerajaan untuk mengambil tindakan adalah menerusi menambahkan lagi biasiswa pelajar-pelajar tersebut, dan ini baru sahaja dibuat dan biasiswa telah dinaikkan

sebanyak 10% bersesuaian dengan kos sara hidup di negara tersebut. Jadi, selaras dengan peruntukan yang agak terhad, pegawai JPM (Jabatan Penuntut Malaysia) merancangkan lawatan ke universiti-universiti yang terdapat penuntut-penuntut Malaysia mengikut keperluan dan keutamaan.

Jadi, di samping itu, sekiranya menerima laporan mengenai masalah-masalah pelajar kita, masalah akademik atau kebajikan, pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia akan melawat ke tempat-tempat berkenaan untuk menyelesaikan masalah-masalah pelajar. Adalah tidak benar untuk kita mengatakan bahawa pegawai-pegawai ini khususnya Jabatan Penuntut Malaysia tidak menjalankan tugas mereka.

Yang Berhormat dari Telok Kemang dan Yang Berhormat dari Telok Intan membangkitkan prestasi UPSR yang kurang memuaskan di kalangan murid-murid di luar bandar, terutama di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Kita menyedari keadaan ini dan menjalankan berbagai program dan usaha untuk kita mengatasikannya. Antaranya ialah menghantar guru-guru yang terlatih ke kawasan yang berkenaan, memberikan kursus dalam perkhidmatan....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batu Berendam bangun minta jalan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat tentang apa yang disebut tentang Jabatan Penuntut Malaysia tadi. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa masih terdapat kekurangan kakitangan kita di luar negeri iaitu JPM yang mana kita dapati bahawa pegawai-pegawai tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Kerana sebagai contoh, kalau di

Amerika Syarikat, Pejabat JPM yang ada ialah di Washington, di Chicago dan juga di Los Angeles, sedangkan penuntut kita bertaburan di seluruh Amerika Syarikat. Dan ini selalunya menyulitkan pegawai-pegawai kita untuk terus berhubung dengan penuntut-penuntut. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan pejabat-pejabat dan juga pegawai-pegawai kita bukan sahaja di Amerika Syarikat, tetapi juga di United Kingdom, di Eropah dan sebagainya?

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri sedar juga ada masalah ini timbul khususnya di Amerika Syarikat, di mana kawasannya besar, dan pelajar-pelajar kita bertaburan di universiti-universiti di Amerika Syarikat. Dan kita adalah berusaha untuk mengatasikan masalah ini, dan memohon supaya kita dapat menambahkan lagi pegawai-pegawai kita, tetapi tidak ada rancangan untuk menambahkan pusat, tetapi menambahkan tenaga supaya pegawai-pegawai kebajikan ini dapat menjalankan tugas mereka untuk melawat pelajar-pelajar kita, ada yang di universiti-universiti di luar kawasan Washington, yang di bawah jagaan Washington dan juga Chicago dan Los Angeles.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berterima kasih di atas jawapan itu. Tetapi perkara ini sudah lama, bukan sahaja setahun, dua tahun, malah kalau tak berbelas tahun pun, hampir 10 tahun lebih masalah ini dibangkitkan. Tiap-tiap kali Menteri atau pegawai-pegawai daripada Kuala Lumpur pergi berjumpa dengan pelajar-pelajar. Inilah masalah yang ditimbulkan. Jadi, atas jawapan Yang Berhormat tadi menyatakan Kementerian sedang berusaha. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita bilakah masalah ini boleh diselesaikan, dan apakah masalah yang menyebabkan Kementerian tidak dapat menambahkan pegawai-pegawai? Ini saya rasa satu perkara yang agak seriuslah, Yang Berhormat.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bila kita menambahkan jawatan-jawatan pegawai ini, nyatalah kita melibatkan agensi-agensi untuk meluluskan jawatan dan juga peruntukan-peruntukan yang bertambah untuk elaun-elaun mereka ini. Dan inilah perkara-perkara yang kita ditimbang dalam kita menambahkan tenaga-tenaga khususnya di Jabatan Penuntut kita.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Yang Berhormat, saya ingin bertanya; janganlah terima persoalan saya ini dari segi kedaerahan. Jadi, oleh kerana ada kekurangan pegawai di luar negeri dari segi jadi kausel, educational council di luar negeri. Saya sudah melawat, kalau di Australia 5 buah bandar besar di Australia, telah berjumpa dengan pegawai-pegawai pendidikan di sana. Dan juga di Amerika, macam di Washington, New York, di Kanada dan di Toronto, saya tak pernah jumpa pun orang Sarawak mana pun tidak ada. Jadi, soalan saya kalau ada kekurangan daripada sini dihantar, tolonglah ambil orang Sarawak. Adakah rancangan Kerajaan hendak buat macam itu?

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada juga pegawai-pegawai dari Negeri Sarawak yang telah dihantar untuk berkhidmat di Jabatan Penuntut termasuk di Sabah dan Sarawak. Dan perlantikan ini adalah atas rekomendasi dan juga giliran-giliran mereka dari segi posting di luar negeri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batu Berendam bangun pula.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat menyebutkan, dan saya faham bahawa untuk menambahkan pegawai-pegawai kita di luar negeri, ini

membabitkan agensi-agensi Kerajaan tertentu seperti JPA dan sebagainya. Tetapi jawapan awal Yang Berhormat tadi akan dapat menyelesaikan tidak lama lagi untuk penambahan pegawai-pegawai kita di luar negeri. Bila agaknya, adakah ini bermakna bahawa masalah-masalah dapat di atasi oleh agensi-agensi berkenaan seperti JPA dan sebagainya. Maka Yang Berberhormat boleh mengatakan tadi masalah ini akan diselesaikan, iaitu penambahan pegawai-pegawai akan dapat dilaksanakan.

Dr. Leo Michael Toyad: Bila kita dapat jawapan dari jabatan agensi-agensi yang lain, kita dapat mengatasi masalah ini. Tetapi adakah maksud Yang Berhormat minta tarikhnya?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya tidak minta tarikh, tetapi saya hendak tahu pengesahan daripada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat kata tadi bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan. Kalau mengatakan bahawa masalah ini akan selesai apabila kita dapat jawapan daripada agensi-agensi tertentu seperti JPA dan sebagainya. Ini minta maaf cakap, Yang Berhormat iaitu jawapan ini stereo type. Perkara ini sudah lama dibangkitkan. Saya ingat sejak saya jadi Ahli Parlimen dan sebelum saya jadi Ahli Parlimen pun perkara ini telah selalu dibangkitkan, tetapi jawapan yang diberikan lebih kurang samalah. Saya tak salahkan Kementerian Pendidikan, tetapi saya mahukan satu ketegasan pihak JPA dan sebagainya mesti mengambil peranan yang begitu serius. Begitu juga dengan masalah kenaikan biasiswa kepada pegawai, itu pun baru sekarang ini dapat dinaikkan 10% masih lagi tidak cukup. Minggu lepas saya berada di London dan kita tahu bahawa penuntut kita dibayar hanya £300-£260 sahaja satu bulan, sedangkan sewa di London, di bandar-bandar besar begitu tinggi. Jadi, saya rasa seolah-olah kita melepaskan batuk ditangga. Kita boleh berbangga dengan angka-angka iaitu kita dapat berjaya dapat menghantar beribu-ribu pelajar kita menuntut di luar negeri.

Tetapi dalam masa yang sama juga perhatikan prestasi dan kualiti pelajar-pelajar kita. Dan kita selalu mengatakan bahawa pelajar-pelajar kita gagal dan sebagainya. Tetapi inilah sebab-sebab yang menyebabkan ramai penuntut-penuntut kita gagal kerana ketidakselesaian mereka di luar negeri itu dengan £260, Yang Berhormat. Dan penambahan 10% iaitu £26 sahaja, sedangkan sekarang transport fees pun, dengan izin, telah meningkat begitu tinggi, inflation cost dan sebagainya. Jadi, saya rasa dengan peruntukan yang begitu besar diberikan oleh Kerajaan tiap-tiap tahun, Belanjawan demi Belanjawan, Kementerian Pendidikanlah yang merupakan salah satu Kementerian mendapat peruntukan yang begitu besar, tetapi hidup penuntut masih lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan apa itu?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan tadi yang pertama, tentang scholarship. Yang keduanya, tentang masalah kekurangan pegawai-pegawai JPM kita di luar negeri.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat itu tadi. Dan untuk menjawab soalan bila, seperti yang saya nyatakan tadi ialah saya berani menyatakan itu kita telah melihatkan bahawa laporan-laporan yang didapati dan permintaan dari pegawai-pegawai ini, kita menunggukan keputusan dari segi ketiga-tiga agensi supaya kita dapat menambahkan cara kita. Satu sahaja cara kita untuk mengatasi masalah ini ialah untuk menambahkan jawatan. Cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Leo Michael Toyad: Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang juga telah menyatakan Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa induk untuk mengkaji bila

mana sekolah-sekolah bantuan modal dapat dijadikan sebagai bantuan penuh Kerajaan. Sebenarnya sekolah-sekolah yang dimaksudkan ialah sekolah-sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan mengikut Akta Pelajaran 1961 diberikan grant and aid atau bantuan yang sama seperti sekolah-sekolah yang lain di bawah Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, ia tidak dapat diberi bantuan pembangunan sepenuhnya oleh kerana tapak sekolah tersebut bukan milik Kerajaan. Oleh itu, tidak wujud satu peruntukan undang-undang bagi membolehkan sekolah-sekolah tersebut ditukarkan statusnya menjadi sekolah bantuan penuh milik Kerajaan.

Namun demikian, peruntukan bantuan modal bagi SRJK(T) memang ditambah dan dikeluarkan mengikut keupayaan Kementerian serta masalah yang dianggap paling mendesak yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, seperti juga dalam Rancangan Malaysia yang lalu, Kerajaan akan terus memberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam menyediakan kemudahan di sekolah bukan sahaja di SRJK(T) tetapi kepada semua jenis sekolah terutamanya di luar bandar. Kerajaan memang menyedari masalah kesesakan bilik darjah boleh menyebabkan kesan buruk seperti kurang keselesaan dan konsentrasi pelajar-pelajar ketika belajar sepertimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam. Walau bagaimanapun

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang sekolah-sekolah di luar bandar ini. Saya dapati penyenggaraan sekolah-sekolah di luar bandar ini amat berkurangan. Kadang-kadang kita dapat lihat padang bola

itu sendiri, rumpuhnya begitu panjang, bangunan-bangunannya tidak sesuai, kebocoran di sana sini, khutub-khanahnya pun tidak sesuai untuk kanak-kanak berada di situ. Dan saya dapati sekarang ini Wakil-wakil Rakyat menghadapi masalah kerana dituntuti oleh guru-guru ataupun PIBG untuk dibekalkan komputer-komputer ini. Jadi, saya kira dengan peruntukan yang begitu banyak, patutlah Kementerian Pendidikan ini memandang ke luar bandar sama

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan, jangan memberi ucapan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang terlajak juga, minta maaf.

Jadi, boleh atau tidak boleh Kementerian Pendidikan menambahkan lagi peruntukan untuk penyenggaraan bangunan-bangunan sekolah di samping itu juga memberi dengan secukupnya komputer-komputer ini kepada sekolah-sekolah di luar bandar kerana duti ataupun cukai telah turun, kalau Kerajaan beri pun tidak payah bayar cukai? Jadi, inilah peluang untuk Kementerian Pendidikan mempertingkatkan lagi anak-anak kita di kampung, supaya mereka ini setaraf dengan yang di bandar.

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa soalnya tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Minta komputer, sekolah-sekolah rosak.

Dr. Leo Michael Toyad: Program komputer ini adalah dijalankan di peringkat sekolah menengah dan fasa satunya telah dijalankan pada tahun ini di mana 60 buah sekolah menengah telah dibekalkan di bawah peruntukan tidak kurang dari RM4 juta kalau tidak silap saya, dan ini akan dibekalkan di kawasan-kawasan sekolah khususnya sekolah di luar bandar. Dan untuk memperingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak menggalakkan komputer di peringkat sekolah rendah, cuma di sekolah menengah.

Mengenai cadangan untuk kita memperbanyakkan pembinaan sekolah vokasional di kawasan perindustrian, sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan juga Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Kementerian Pendidikan akan membina 8 buah lagi Sekolah Menengah Vokasional dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Lokasi sekolah-sekolah ini akan dipilih dengan teliti supaya ianya sesuai dan berdekatan dengan kawasan industri. Sebagai contoh, Sekolah Menengah Vokasional Shah Alam telah dibina berdekatan dengan kawasan perindustrian. Di samping itu pihak industri telah pun dijemput bekerja sama dengan sekolah melalui jawatankuasa Penasihat Pendidikan Teknik dan juga Vokasional Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah membangkitkan masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah dan juga pengambilan pelatih ke Maktab-maktab Perguruan. Kementerian Pendidikan sememangnya sedang mengambil tindakan untuk kita mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah ini. Pengambilan guru pada tahun 1992 seramai 13,235 pelatih telah diambil. Dan bilangan pengambilan akan terus kita tambahkan apabila cadangan untuk 7 buah lagi Maktab Perguruan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah mengatakan guru-guru tidak menghayati falsafah pendidikan negara dan terlalu mementingkan akademik adalah tidak tepat. Sebenarnya, guru-guru telah didedahkan sepenuhnya dalam konsep ini dan juga falsafah pendidikan negara sejak di Maktab-maktab Perguruan untuk dipraktikkan semasa mereka mengajar di sekolah-sekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat juga telah membangkitkan isu mengenai program bina insan dan ketatanegaraan. Dengan terlaksananya KBSM, pelajar-pelajar telah menerima

pendedahan yang secukupnya terhadap berbagai perkara berkaitan dengan ketatanegaraan dan institusi-institusi yang mendukung kedaulatan negara ini melalui pendekatan secara formal dan tidak formal.

Manakala pelajar-pelajar akan keluar negeri dan akan mengikuti program-program suaikenal yang dikendalikan sama ada oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam atau juga Kementerian Pendidikan. Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat supaya pendedahan berkaitan dengan keusahawanan diberi kepada semua guru adalah satu cadangan yang baik dan pada masa kini, Kementerian Pendidikan sedang memperkenalkan pengetahuan keusahawanan ini melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup di semua sekolah. Guru-guru pula telah menjalani kursus dalam perkhidmatan berkaitan dengan isi kandungan mata pelajaran ini secara berperingkat.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pula telah menyentuhkan isu menambahkan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan dan juga bengkel kemahiran hidup yang memerlukan peruntukan sebanyak RM244 juta. Berbagai usaha telah dilakukan supaya projek ini dapat kita laksanakan dengan sepenuhnya. Sementara langkah-langkah jangka pendek adalah mengadakan bengkel-bengkel sementara di sekolah-sekolah dan mengubahsuaikan stor dan bilik darjah telah dijalankan. Mengenai institusi

Tuan Abdul Malek Munip: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Abdul Malek Munip: Penjelasan sedikit mengenai dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Saya hendak bertanya sama ada Kementerian boleh meresapkan sahaja pengajaran mata pelajaran ini ke dalam mata-mata pelajaran lain yang relevan dan memansuhkannya sebagai satu mata pelajaran khusus. Ini memandangkan bahawa mata pelajaran Kemahiran Hidup bukanlah satu disiplin

akademik yang khusus bahkan lebih merupakan, dengan izin, practical extension, kepada mata-mata pelajaran yang asas. Dan tidak pernah diiktiraf sebagai mata pelajaran khusus dalam kurikulum sekolah-sekolah di negeri-negeri yang maju dan perbelanjaannya pun sangat tinggi. Jadi, sekali lagilah saya ingin bertanya sama ada ia boleh diabsorbkan, diserapkan ke dalam mata-mata pelajaran yang sedia ada?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan masa kini belum ada rancangan untuk meng"absorb"kan mata pelajaran Kemahiran Hidup kerana kita baharu sahaja melaksanakan program ini dua tahun yang lalu dalam KBSM dan ini melibatkan unsur-unsur pelajaran sains, pelajaran seni dan juga termasuklah pembangunan kognitif dan manipulatif dalam bidang pembelajaran di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri mengatakan tadi, belum lagi diabsorbkan ataupun belum lagi dirancang kerana baru dijalankan dua tahun lalu. Bolehkah saya mencadangkan di sini, supaya diambil secara serius mengenai apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Muar tadi. Dewan ini telah diberitahu dua, tiga hari yang lalu, untuk melengkapkan pelajaran living skill, dengan izin, Kerajaan memerlukan RM250 juta untuk membina bengkel-bengkel dan andainya pelajaran Kemahiran ini diabsorbkan di dalam mata pelajaran yang ada, seperti mana di masa kita bersekolah dahulu, iaitu bagaimana hendak membaiki pendawaian elektrik yang simple, itu boleh diabsorbkan di dalam mata pelajaran Fizik ataupun General Science dan bagaimana hendak mengukir boleh diabsorbkan di dalam pelajaran Arts. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada saya, apa yang dikatakan oleh Ahli dari Muar tadi adalah betul kerana perkara yang kecil ini bila dijadikan satu mata pelajaran yang besar, maka ianya bukan membebankan Kerajaan, tetapi ianya

membebankan guru-guru dan juga murid-murid. Jadi, apakah pihak Kementerian mahu mengambil cadangan ini secara serius dan membetulkan keadaan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kerana bukan tujuan saya untuk tidak menimbangkan perkara ini. Tadi saya cuma menjawab soalan mengenai adakah kita bercadang, tetapi setakat ini kita belum bercadang. Kita akan mengambil perhatian atas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk kita membincangkan semula perkara ini di peringkat Kementerian. Ada silap jawab sedikit, minta maaf.

Mengenai institusi penyelidikan khusus yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan institusi tersebut kerana kita akan terus berusaha untuk menggalakkan peningkatan penyelidikan dan pembangunan oleh institusi-institusi pengajian atau pendidikan tinggi dan bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang saya dapat jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang mungkin saya tidak sempat menjawab di sini. Perkara-perkara itu akan diberi perhatian demikian juga cadangan-cadangan dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama meningkatkan lagi Perkhidmatan Pendidikan. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.35 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut membahaskan dasar-dasar am Belanjawan 1993 berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya rasa bahawa pandangan dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya terhadap isu-isu mengenai pembangunan teknologi dan pengurusan alam sekitar adalah sangat berguna dan akan membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam merancang program dan aktivitinya. Segala cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira dalam rancangan program serta aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sibu supaya ditambah bilangan ahli-ahli sains yang baik untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan kualiti kehidupan, saya amat bersetuju dengan cadangan yang baik ini. Sebenarnya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mengkaji beberapa langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah yang akan diambil ialah untuk menarik balik ahli-ahli sains negara ini yang berkhidmat di luar negara untuk kembali bekerja semula di negara ini. Di samping itu, Kementerian juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan untuk menambah pengeluaran siswazah di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan di universiti-universiti tempatan dalam bidang sains dan teknologi.

Mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas terhadap keadaan pencemaran sungai dalam kawasan Parlimen Bukit Mas, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa

mengawasi kualiti air di sungai Limbang, Sungai Terusan, Sungai Lawas, Sungai Baru dan Sungai Lutung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungai-sungai tersebut telah pun dipasang dengan stesen-stesen pengawasan kualiti air. Pengawasannya dibuat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun. Mengikut data yang dikumpulkan, Sungai Limbang, Sungai Terusan dan Sungai Lawas adalah di antara 14 sungai-sungai yang termasuk dalam kategori tercemar daripada 20 batang Sungai di negeri Sarawak yang diawasi pada tahun 1991. Punca utama pencemaran itu adalah disebabkan oleh pemendapan (siltation) akibat dari kegiatan pembalakan dan aktiviti pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang diperolehi oleh Jabatan Alam Sekitar Sarawak telah disalurkan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk tindakan susulan bagi mengawal pencemaran di sungai-sungai berkenaan. Saya amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang bahawa langkah yang terbaik untuk mengawal alam sekitar dari pencemaran sampah sarap dan bahan buangan ialah melalui sistem pemerosesan semula bahan buangan tersebut dengan mengadakan kemudahan tong-tong sampah yang berasingan bagi sampah sarap yang berlainan jenis. Cara ini bukan sahaja dapat....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Pada sesi Parlimen yang lepas saya telah membangkitkan soalan mengenai Sungai Sarawak, sungai di Bandar Kuching, sebagai sebuah sungai yang tercemar sekali, bukan sahaja daripada segi sampah sarap dan buangan daripada kampung-kampung yang berdekatan,

tetapi juga oleh kerana kebocoran daripada septik tank di kawasan perumahan di bandar itu. Soalan saya, adakah Kementerian mempunyai satu rancangan dan apakah rancangan itu, dan bilakah hendak dijalankan untuk mengatasi masalah supaya sungai Kuching ataupun Sungai Sarawak itu tidak menjadi sungai yang mati. Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Peranan Kementerian saya ialah mengawasi melalui kawalan atau pengawasan kualiti air dan hasil analisisnya adalah disampaikan kepada Jabatan yang berkenaan untuk dilaksanakan.

Oleh kerana Kementerian saya tidak mempunyai peruntukan untuk menjalankan atau melaksanakan program-program seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya difahamkan, perbandaran atau bandar Kuching Utara telah mempunyai program untuk membersihkan atau menjaminkan Sungai Sarawak sebagai sebuah sungai yang tidak dicemarkan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung lagi.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tadi tetapi tidak dapat. Jadi, sampai masanya saya rasa hendak bertanyalah kepada Menteri Alam Sekitar berkenaan satu perkara di Simpang Lima, Parit Buntar telah berlaku satu kebocoran gas daripada kilang Wembley Activated Clay yang mana lebih kurang 500 pekerja-pekerja kilang telah pun terkena gas dan memerlukan rawatan.

Jadi, ini telah menimbulkan satu suasana yang kurang menyenangkan di kalangan masyarakat sebab kawasan ini memang telah lama diduduki sebagai

kampung. Jadi, saya dapat bertemu dengan masyarakat di sana, mereka rasa takut kalau perkara ini berlaku lagi kerana apa yang berlaku daripada gas yang dipanggil sulfur dioksid dan lagi satu sulfur trioksid dan mungkin ada gas-gas yang lain, campuran daripada itu yang beracun menyebabkan pokok-pokok pun mati di sekitar yang dilalui oleh gas itu, termasuklah juga binatang ternakan. Ada juga orang beritahu saya, ada orang yang lalu pada hari itu yang jatuh dari motornya apabila terhidu gas itu.

Jadi, soalan saya, saya pun pernah membuat soalan bertulis tetapi tidak dapat jawapan sampai ke hari ini berkenaan perkara ini ditimbulkan, kalaulah berlaku letupan atau pengkhianatan atau sabotaj, kawasan sehingga 20 batu mungkin tercemar oleh gas ini menyebabkan bahaya. Kita tidak mahu ini jadi satu lagi kejadian macam di Bhopal, India.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta pendekkan soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Kalau berlaku di tengah malam, mereka kata lagi takut. Jadi, saya hendak tahu, apakah sebenarnya bencana bahaya gas ini? Adakah jaminan tidak berlaku lagi dan yang ketiga saya hendak tahu, apakah tanah liat iaitu by-product dari kilang ini yang dihantar ke sana dan ke mari di dalam kampung itu tidak membahayakan kerana ada orang kata benda itu long-term danger, iaitu bahaya kepada penduduk-penduduk. Jadi, itu sahaja saya hendak tanya. Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah tanggap, pertanyaan ini mengenai kilang Wembley.

Tuan Yang di-Pertua, kebocoran ini adalah disebabkan oleh kesalahan teknikal di pihak kilang dan selepas kejadian itu, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan satu arahan untuk kilang itu diberhentikan untuk sementara sehingga semua persiapan dan kelengkapan diperiksa dengan selamat, barulah dibenarkan untuk memulakan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, cara ini bukan sahaja dapat mengasing guna sumber tetapi juga yang pentingnya dapat mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Machang, sebarang keputusan mengenai EIA dalam menimbangkan projek-projek pembangunan adalah tidak dibuat berdasarkan bangkangan atau kritikan mana-mana pihak. Keputusan dibuat berdasarkan kepada pertimbangan alam sekitar serta kepentingan untuk pembangunan negara. Cadangan ini akan dikaji oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyokong penuh ke atas pendapat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut tentang perlunya mengadakan satu skim penggalakan dan mencari alternatif-alternatif baru terhadap penggunaan bahan bakar yang tidak mencemarkan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat bangga di atas sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil berat mengenai isu-isu pembangunan sains dan teknologi dan pengurusan alam sekitar ke arah menyediakan negara kita ke arah menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020 nanti. Dalam hubungan ini, izinkan saya menjelaskan bahawa peranan utama Kementerian....

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Saya sama juga macam Ahli dari Bagan Serai —tidak dapat peluang. Jadi, saya hendak tanya sedikit sebab ada pencemaran udara berlaku di Tronoh, dekat dengan Ipoh, yang mana kalau di waktu malam hari, boleh dikatakan di sekitar Tronoh itu dapat menghidu bau tahi babi kerana ada ternakan babi dekat dengan kawasan pekan Tronoh itu. Sungguhpun jauh, tetapi baunya itu memang dahsyat

sekali, lebih-lebih lagi di waktu malam. Saya minta perhatian dan juga tindakan yang cepat daripada Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini yang sudah bertahun berlanjutan. Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, masalah bau ini adalah susah sedikit oleh kerana sampai sekarang kita belum mendapat apa-apa teknologi yang boleh mengatasi masalah bau busuk ini. Walau bagaimanapun, kita telah mengambil tindakan untuk mengurangkan atau meminimisekan masalah ini. Saya sangat bersimpati dengan apa yang dialami oleh penduduk-penduduk di sekitar Tronoh di mana bau busuk itu berlaku.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun lagi.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memang dari segi teknologinya memang susah hendak mengurangkan bau itu. Adakah tindakan-tindakan yang lain untuk obligasi kita kepada masyarakat yang menderita tiap-tiap malam. Dengan apa cara sekalipun, saya rasa kalau tidak boleh ada teknologi atau sehingga ada teknologi, saya syorkan supaya Kementerian bertindak supaya pakat-pakat tutup sahajalah ladang-ladang ternakan babi ini. Nanti bila teknologi sudah ada, kita buka balikkah. Buat sementara waktu saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya di atas dasar pencemaran udara ini, eloklah dicadangkan supaya ditutup ataupun pilih tempat yang lain. Kita minta budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah atau usaha untuk menempatkan semula penternak-penternak babi di suatu tempat melalui satu rancangan yang dipanggil "Pig Rearing Area" atau dikumpulkan. Ini akan dilaksanakan oleh Jabatan atau

Kementerian Pertanian dan saya juga semasa saya membuat lawatan ke luar negeri, saya sentiasa mengambil peluang untuk melawat ke tempat-tempat yang ada ladang penternakan babi untuk mencari cara atau teknologi bagi mengatasi masalah itu. Umpamanya, semasa melawat ke Taiwan dan Denmark dan lain-lain negara lagi, tetapi sampai sekarang tidak dapat teknologi yang sempurna untuk mengatasi masalah itu tetapi kita masih berusaha untuk mencari teknologi bagi mengatasi masalah yang dihadapi di negara kita ini.

Dalam hubungan ini, izinkan saya menjelaskan bahawa peranan utama Kementerian ialah untuk memastikan usaha-usaha sains dan teknologi bagi pembangunan negara tidak menjejaskan alam sekitar kita. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip pembangunan mampan (*sustainable development*). Ini adalah terbukti dalam cadangan Anggaran Belanjawan 1993, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, di mana keutamaannya akan ditumpukan kepada tiga peranan utama iaitu:

- (i) meningkatkan kefahaman dan sokongan rakyat negara ini terhadap sains, teknologi dan alam sekitar;
- (ii) menggalak dan memperluaskan keupayaan teknologi negara khususnya melalui R&D atau PP yang berpotensi diperdagangkan; dan
- (iii) mempertingkatkan program-program memulihara dan mengurus alam sekitar supaya kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat negara ini sentiasa terjamin dan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kefahaman dan penghargaan.....

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ipoh bangun ya.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan. Menteri telah menyatakan bahawa rakyat Malaysia di bawah Kementeriannya dapat dijamin hidup lebih sempurna dan sejahtera. Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk mencegah bukan hanya daripada bau busuk—benda ini tidak busuk, tidak ada bau, tidak ada colour atau warna—iaitu radioaktif yang terdapat di Bukit Marang, Ipoh di mana ramai rakyat penduduk di sana berasa terganggu akibat ancaman radioaktif. Maka, saya meminta Menteri berkenaan dapat memberi satu jaminan bahawa penduduk-penduduk di tempat itu dan tempat-tempat berhampiran tidak akan diancam oleh apa-apa sisa-sisa radioaktif.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian saya, ada dua Jabatan untuk menjalankan tugas ini; iaitu pertama Jabatan UTN atau Unit Tenaga Nuklear dan satu lagi iaitu LPTA (Lembaga Pelesenan Tenaga Atom). Melalui kedua-dua Jabatan ini kita akan mentafsirkan atau menimbangkan segala permohonan untuk mendirikan kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan yang akan mengeluarkan bahan radioaktif dan mendapat lesen dari pihak LPTA sebelum mereka dibenarkan menjalankan apa-apa kegiatan atau operasinya. Saya memahami apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang mana oleh kerana perkara itu sekarang adalah dalam pertimbangan Mahkamah dan kita menunggulah sehingga keputusan dibuat oleh mahkamah. Mungkin pada masa ini, kedua-dua Jabatan ini belum menerima apa-apa permohonan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh bangun pula.

Tuan Lau Dak Kee: Maaf, saya hendak tambah sedikit penjelasan. Di bawah Kementeriannya ada banyak Jabatan seperti Jawatankuasa Nuklear dan Atom dan juga PUSPATI. Kalau tidak salah saya,

mereka tidak memeriksa maklumat-maklumat yang dikumpul daripada satu-satu tempat yang mempunyai ancaman radioaktif. Maka, saya dapati bahawa kebanyakan maklumat-maklumat yang dikumpulkan daripada situ dihantar kepada pakar swasta, bukan kepada Kementeriannya. Contohnya, untuk mengelakkan diri dari ancaman radioaktif tiap-tiap satu orang apabila bekerja di satu-satu kilang yang mempunyai sisa-sisa radioaktif itu, dia ada diberi satu 'tag' dan tiap-tiap hari dia kena pakai 'tag' itu. Tag itu akan mengumpulkan kadar radioaktif dan tag itu dalam satu minggu atau satu bulan dihantar kepada private doctor, not a Government specialist. Saya hendak tahu sama ada private doctor atau private specialist boleh menentukan sama ada ia merbahaya atau tidak. Mungkin pakar-pakar itu telah berat sebelah kepada majikan, maka pekerja-pekerja tidak dapat dijamin keselamatanannya. Saya minta Menteri berkenaan untuk ambil perhatian yang serius terhadap perkara ini.

Tuan Law ieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian tentang hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kefahaman dan penghargaan masyarakat terhadap sains dan teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang melaksanakan beberapa program dan aktiviti-aktiviti pada tiap-tiap tahun. Di antara program-program yang diusahakan ialah:

- menganjurkan Minggu Sains Teknologi di peringkat Kebangsaan dan negeri-negeri secara tahunan;
- menganugerahkan ahli-ahli sains yang cemerlang dengan memberi penghargaan berbentuk Anugerah Saintis Negara, Anugerah Saintis Muda, Anugerah Pereka Cipta dan Anugerah Juruteknologi;

- menggalakkan penubuhan kelab-kelab sains di sekolah-sekolah. Dalam hal ini, saya mendapat kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut sama menggalakkan sekolah-sekolah dalam kawasan Parlimen Ahli Yang Berhormat menubuhkan kelab-kelab sains berkenaan;
- memberi pengetahuan, pengalaman dan pendedahan kepada rakyat negara ini dalam berbagai bidang sains dan teknologi, khususnya sains dan teknologi yang diamal dan digunakan dalam kehidupan seharian akan disalurkan melalui Pusat Sains Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Pusat Sains Negara sedang giat dibina di Bukit Kiara di mana pusat ini akan dilengkapi dengan berbagai pameran sains untuk dilawati oleh orang ramai khususnya murid-murid atau pelajar-pelajar; dan
- bagi menambah pengetahuan serta mendedahkan hasil cipta tempatan yang baru dalam bidang sains dan teknologi, maka satu pameran mengenai perkara ini diadakan pada setiap tahun sempena Minggu Sains dan Teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan teknologi negara ini adalah berpandu kepada Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian yang bertujuan meningkatkan infrastruktur untuk pembangunan teknologi memajukan, P&P khususnya P&P yang berpotensi diperdagangkan, mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang teknologi yang tertentu dan membangunkan sumber tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang giat membangunkan kemudahan infrastruktur

di Taman Teknologi Malaysia untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi memajukan teknologi tinggi dan canggih secara menggembengkan sektor swasta, sektor awam dan para penyelidik dengan memberi keutamaan kepada bidang teknologi maklumat, bioteknologi, teknologi bahan, mikroelektronik dan teknologi pembuatan termaju.

Di samping itu, SIRIM akan bertindak sebagai catalyst untuk menggalakkan pembangunan teknologi di sektor swasta terutamanya perindustrian kecil dan sederhana melalui khidmat nasihat dan sokongan teknikal serta P&P. Manakala MIMOS pula akan membantu mempertingkatkan tahap teknologi mikro elektronik dan komputer di negara ini. Dalam Belanjawan 1993, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dicadangkan peruntukan berjumlah RM148.9 juta daripada peruntukan berjumlah RM308.9 juta untuk menyediakan dan membangunkan kemudahan infrastruktur sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan P&P Kerajaan sedang berusaha meningkatkan kegiatan P&P bukan sahaja di sektor awam bahkan di sektor swasta mahupun secara usahasama. Beberapa langkah telah pun diambil untuk menggalakkan sektor swasta dalam perkara ini. Namun begitu, P&P di sektor swasta dalam negara ini masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Oleh itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya sektor swasta dapat mempertingkatkan usahausaha P&P di firma masing-masing.

Bagi P&P di sektor awam pula Anggaran Belanjawan 1993 telah dicadangkan peruntukan sebanyak RM118 juta di bawah program Intensification of Research in Priority Area ataupun dikenali sebagai IRPA. Peruntukan ini akan dibahagikan di kalangan institusi-institusi P&P di sektor awam mengikut sektor industri, pembuatan, pertanian, strategik dan sains sosial. Dalam pada itu Kerajaan telah menyediakan infrastruktur serta

galakan untuk membantu memperdagangkan hasil-hasil P&P seperti menumpukan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTBC). Manakala untuk memaju dan meningkatkan tahap penggunaan teknologi di industri kecil dan sederhana, Kerajaan telah menyediakan sumber kewangan di bawah ITAF atau Industrial Technology Assistance Fund. Oleh kerana sumber manusia adalah merupakan aset terpenting dalam pembangunan sains dan teknologi, maka Kerajaan telah menyediakan satu peruntukan khusus untuk pembangunan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi. Di bawah program ini, latihan secara formal di peringkat Ijazah Lanjutan, kursus-kursus pendek, latihan sambil kerja di dalam dan di luar negeri, di samping melantik pakar-pakar untuk memberi perkhidmatan dalam bidang teknologi tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkat serta memperkukuhkan program pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar negara ini, Kementerian Teknologi dan Alam Sekitar sedang mengambil tindakan-tindakan untuk menyemak dan mengkaji semula undang-undang serta peraturan mengenai alam sekitar.

Di samping itu, negara ini juga sedang mengambil bahagian yang cergas di peringkat antarabangsa dan serantau mengenai isu-isu alam sekitar. Dalam hubungan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan sedang mengambil tindakan susulan ke atas persetujuan-persetujuan yang dicapai semasa UNCED di Rio de Janeiro pada pertengahan tahun ini.

Ingin saya menjelaskan program pengawasan alam sekitar negara ini serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan alam sekitar akan dipertingkatkan. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan-jabatan lain, sektor swasta dan

Badan-badan Bukan Kerajaan atau NGOs untuk mengatasi masalah pencemaran serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap alam sekitar.

Program dan aktiviti meningkatkan kesedaran rakyat di negara ini akan diperluaskan melalui sambutan Minggu Alam Sekitar di peringkat kebangsaan dan negeri-negeri. Di samping itu, Kerajaan juga akan menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5hb Jun setiap tahun, menggalakkan penubuhan kelab-kelab alam sekitar di sekolah-sekolah, kem-kem latihan dan pendedahan alam semula jadi. Mata pelajaran Alam dan Manusia di sekolah rendah pada masa ini patut diperluas dan dipertingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Dalam pada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi untuk merangka mata pelajaran mengenai alam sekitar di peringkat menengah dan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala cadangan dan ulasan yang telah dikemukakan dalam perbahasan dasar-dasar am Belanjawan 1993 mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jika ada cadangan atau teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya sentuh dalam ucapan saya ini, maka saya akan ambil perhatian dan di mana yang sesuai akan diambil tindakan dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

6.07 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak Menteri Pertahanan kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan ini dan telah menyentuh Kementerian Pertahanan, iaitu Ahli-ahli dari Kepong, Pasir Mas, Kota Bharu, Batang Lupar, Petaling Jaya dan Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan Kerajaan bagi pembelian pesawat MiG 29, sukacita ingin saya menjelaskan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Pasir Mas, Batang Lupar dan juga Petaling Jaya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pesawat-pesawat yang sedang digunakan oleh Kementerian Pertahanan sekarang memainkan peranan "front-line" dan telah lama dalam perkhidmatan. Oleh itu Kerajaan, khasnya Kementerian Pertahanan, terpaksa melakukan usaha untuk meningkatkan keupayaan pertahanan dalam aspek tersebut. Semasa kajian dijalankan, beberapa faktor penting telah diambil kira iaitu dasar pertahanan negara, pesawat-pesawat yang dapat membantu untuk mencapai peranan sebagai pesawat front-line, kemampuan Kerajaan dari segi kewangan dan perkembangan teknologi masa kini. Dalam hal ini, satu daripada pesawat yang telah dikenalpasti mencapai hasrat Kerajaan ialah pesawat MiG 29.

Tuan Yang di-Pertua, satu team Kerajaan yang terdiri daripada Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan termasuk pakar dalam bidang kejuruteraan, penerbangan serta pengendalian pesawat seumpama ini yang diketuai oleh Timbalan Panglima Tentera Udara telah membuat lawatan ke Rusia pada awal tahun ini. Tujuan lawatan ialah untuk mengkaji sama ada pesawat MiG 29 dapat memenuhi keperluan pertahanan negara dari segi kesesuaian operasi dan penyelenggaraannya, pembekalan alat-alat ganti, bantuan teknikal dan sebagainya. Selain daripada itu, team yang terdiri pakar-pakar mengenai pesawat tersebut telah juga membuat lawatan ke India iaitu sebuah daripada negara yang menggunakan pesawat MiG 29.

Hasil daripada kedua-dua lawatan tersebut, Kerajaan telah berpuas hati iaitu pembelian pesawat MiG 29 adalah "feasible" dan "viable", dengan izin. Walau bagaimanapun, sebelum pembelian dibuat, beberapa perkara perlu dibincangkan dengan pihak Rusia termasuk pembinaan fasilitas pembaikan di Malaysia serta pembuatan dan fabrikasi sebahagian dari alat-alat ganti pesawat tersebut.

Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan akan memastikan penyelenggaraan pesawat MiG 29 dilakukan dengan sebaik-baiknya dan perkara ini termasuk pembekalan alat-alat ganti dimasukkan ke dalam kontrak yang akan ditandatangani kelak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan akan mengadakan rundingan kontrak dengan pihak yang diberi kuasa oleh Kerajaan Russia, termasuk pembuat pesawat MiG 29. Sehingga sekarang segala perbincangan yang diadakan menyentuh perkara-perkara teknikal, bantuan alat ganti, latihan dan sebagainya adalah dibuat dengan wakil-wakil dari 'Defence Export Council (GED)' Russia iaitu pembuat pesawat dan juga Kedutaan Russia di Malaysia dan tidak melibatkan agen tempatan atau orang perantara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai harga pesawat Hawk yang dibeli untuk TUDM, Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Petaling Jaya mempertikaikan tentang.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan yang pertama, sama ada soalan MiG ini sudah habis? Kalau sudah habis, saya hendak tanya. Saya bangkitkan tiga soalan, iaitu soalan alat ganti, soalan perundingan di antara Kerajaan dengan Kerajaan, kedua-dua soalan itu Yang Berhormat Dato' sudah menjawab. Satu lagi soalan ialah

harga, mengenai harga ini belum dijawab lagi. Apa yang saya dengar, harga ini ditetapkan 'fluctuate', hari ini harga begitu dan sekali lagi dengar ceritanya tinggi lagi harganya, tak pernah menurun tetapi menaik. Bahkan penggunaan pesawat MiG ini di Russia sudah mengurang, sepatutnya turun harga tetapi macam mana pula naik harga? Yang saya dengar, harga sekarang sudah meningkat sampai 45% daripada harga asal yang mula-mula kita dengar dahulu. Jadi, macam mana pendapat Yang Berhormat Dato', adakah cerita ini benar ataupun tidak benar?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harga ini, itu adalah bidang kuasa Kementerian Kewangan menentukan perundingan (negotiation) terus itu. Jadi, saya tidak dapat hendak komen di sini dari segi tentang harga. Di Kementerian Pertahanan kita menentukan dari segi teknikal, dari segi spesifikasi dan juga dari segi keperluan kita. Kemudian, kita memaklumkan kepada Kerajaan bahawa kita berminat ataupun sesuai kelengkapan ataupun pesawat ini dan Kementerian Kewangan akan seterusnya merundingkan tentang harga dan sebagainya. Jadi, perkara ini boleh lagilah Yang Berhormat bangkitkan bila Kementerian yang berkenaan tersebut di dalam perbincangan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya sangat begitu menarik mengenai MiG, inilah kali yang pertama di negara ini niat Kerajaan untuk mencadangkan pembelian MiG dan memang kita pun tak tahu lagi rundingan lanjut dan sebagainya. Adakah usaha untuk membandingkan pembelian MiG itu as superiority fighter berbanding dengan Mirage 2000 misalnya ataupun dengan pesawat-pesawat Amerika, F 16 ataupun siri F yang terbaru. Adakah perbandingan ataupun rombongan dibuat untuk

mengambil tahu keadaan di Amerika dan juga di Perancis memandangkan saya berpendapat satu kesilapan dibuat oleh pihak Kementerian dengan tergopoh-gapah adakan Memorandum of Understanding (MOU) sehingga membeli pesawat-pesawat seperti Hawk yang mungkin tidak sesuai lagi untuk negara ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, bila Kementerian diminta untuk mengkaji tentang sesuatu pesawat, umpamanya MiG 29 ini, kita membuat kajian dari seluruh aspek, kesesuaiannya dengan kita dari segi harga, dari berbagai-bagai segi. Jadi, dengan perbandingan daripada pesawat-pesawat yang lain itu pastilah ada dalam pengetahuan Kerajaan. Jadi, sebab itu kita katakan setelah membuat kajian di atas pesawat ini dan juga pesawat-pesawat yang lain, maka kita dapati pembelian ataupun rancangan ini adalah viable dan feasible. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan di Dewan ini, Kerajaan belum membuat pengumuman rasmi tentang pembelian ini. Saya hanya menjawab di sini adalah rancangan. Rancangan kita untuk membeli ini adalah disebabkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Ada satu usul. Sila kemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di atas Rang Undang-undang

Perbekalan 1993 dan usul bersamanya dalam peringkat Bacaan Kali Yang Kedua.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang telah dikemukakan tadi saya kemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1993 dan usul bersamanya dalam peringkat Bacaan Kali Yang Kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat sambung.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh mengenai harga pesawat Hawk.....

Dr. Kua Kia Soong: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Petaling Jaya bangun. Minta jalan ya?

Dr. Kua Kia Soong: Ya, sekali sahaja, last. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembelian MiG adakah cadangan yang dibangkitkan oleh saya mengenai pembelian antara "Government-to-Government" basis, adakah Kementerian terima cadangan ini dan adakah agen-agen tempatan yang dibangkitkan oleh saya adakah informasi ini betul?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi. Tentang pembelian ini soal perundingan harga dan juga melantik

pembekal dan sebagainya itu adalah urusan Kementerian Kewangan, iaitu di bawah Perbendaharaan Negara. Jadi, saya fikir apa cadangan Yang Berhormat itu terpulanglah kepada Perbendaharaan untuk melaksanakannya. Bagi pihak kita, kita berminat untuk mendapatkan barang-barang tersebut dan perundingan ini dijalankan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai harga pesawat Hawk yang dibeli untuk TUDM, Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Petaling Jaya mempertikaikan tentang harga pesawat tersebut lebih mahal daripada yang diperolehi oleh Indonesia dan Korea. Pesawat Hawk yang dibeli untuk TUDM tidak boleh dibandingkan dengan pesawat Hawk yang akan dibekalkan kepada Indonesia atau Korea. Ini adalah kerana pesawat Hawk untuk TUDM adalah berdasarkan spesifikasi khas bagi TUDM dan oleh itu ianya mempunyai ciri-ciri tertentu yang mungkin tidak terdapat di pesawat yang akan dibekalkan kepada Indonesia dan Korea.

Berkenaan dengan radar Martello dan Frigate, adalah tidak benar bahawa harganya terlalu tinggi sebagaimana yang didakwa. Sistem-sistem pertahanan tersebut telah direka khas bagi Angkatan Tentera Malaysia dan oleh kerana ia mempunyai ciri-ciri tertentu khas kepada Malaysia, harga yang dibayar bagi dua sistem pertahanan ini adalah munasabah jika dibandingkan dengan kos sistem lain yang sama spesifikasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai pemberian kontrak di bawah MOU dengan negara Britain dan perlantikan orang-orang tertentu yang didakwa mendapat komisyen yang banyak. Sukacita saya maklumkan bahawa perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kapit mengenai dakwaan pengabaian kepada bekas perajurit oleh pihak Kerajaan, perkara

tersebut adalah tidak tepat kerana hampir semua anggota ATM yang akan tamat perkhidmatannya akan diberi peluang untuk menjalani latihan peralihan mengikut bidang yang mereka minati bagi tempoh 8 hingga 18 bulan. Sekiranya mereka tidak memandang berat latihan peralihan ini atau tidak mengambil peluang tersebut, ianya adalah di luar tanggungjawab Kerajaan. Kementerian Pertahanan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak menyediakan perkhidmatan pendaftaran pekerjaan khas untuk bekas perajurit sahaja untuk bekerja di sektor awam ataupun swasta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1993.

Mengenai pendirian Malaysia terhadap isu Bosnia-Herzegovina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya suka mengatakan bahawa pendirian Malaysia dalam hal ini adalah jelas dan tegas. Malaysia telah pun mempertikaikan kedudukan Yugoslavia di Sidang Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) baru-baru ini di mana Malaysia telah menjadi salah sebuah negara ahli yang telah mengambil pendirian bahawa negara Yugoslavia sekarang bukan negara waris bekas Persekutuan Republik Sosialis Yugoslavia sebelum perpecahan negara itu.

Pihak berkuasa di Belgrade sekarang tidak berhak mengambilalih keahlian bekas Persekutuan Republik Yugoslavia di mana-mana pertubuhan antarabangsa.

Mengenai cadangan supaya Bosnia-Herzegovina diletakkan di bawah trusteeship PBB, ingin saya jelaskan bahawa masalah ini tidak timbul sama sekali oleh kerana Bosnia-Herzegovina adalah sebuah negara merdeka yang telah pun menjadi ahli PBB. Begitu juga dengan penempatan, dengan izin, multi-national forces; ini adalah bergantung kepada pertimbangan PBB itu sendiri.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Marang supaya Malaysia menawarkan tentera...

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa menghadiri satu majlis rasmi selepas ini.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Marang supaya Malaysia menawarkan tentera-tentera untuk mengawal dan mengekalkan keamanan di Bosnia-Herzegovina dan supaya Menteri-Menteri Pertahanan Negara-Negara Pertubuhan Islam (OIC) membincang soal Bosnia-Herzegovina, sukacita saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Kerajaan tidak akan menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina secara bersendirian kecuali ianya adalah keputusan Pertubuhan Islam (OIC) ataupun PBB.

Satu lagi isu yang mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan pengangkutan bahan plutonium oleh kapal Jepun iaitu Akatsuki Maru dari Perancis ke Jepun melalui Selat Melaka. Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Ahli Yang Berhormat Marang telah menyentuh perkara ini.

Sekali lagi, saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meminta Kerajaan Jepun menggunakan perairan yang

lain selain daripada Selat Melaka yang ternyata adalah satu selat yang begitu sibuk dan mempunyai risiko kemalangan yang tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah pun masing-masing membangkitkan kebimbangan kita kepada rakan sejawat mereka di Jepun yang telah pun memberikan perhatian yang berat atas pandangan kita. Selain daripada itu Malaysia juga telah meminta kerjasama pada rakan-rakan di rantau ASEAN seperti Indonesia dan Singapura supaya mengambil tindakan yang sama meminta Kerajaan Jepun menggunakan perairan lain selain daripada Selat Melaka iaitu selaras dengan kenyataan Kerajaan Jepun untuk menggunakan perairan yang paling terbuka dan menepati 200 batu nautika daripada pantai.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan Jepun tidak dapat memberi maklum perairan manakah yang akan dilalui oleh kapal Akatsuki Maru kerana pengumuman mengenai perjalanannya akan menjejaskan keselamatan kapal tersebut. Namun demikian, Kerajaan Malaysia telah mendapat jaminan "akan diberi tahu" sekiranya kapal tersebut untuk memilih melalui Selat Melaka.

Mengenai pencemaran kemalangan...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Minta maaf Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Mengenai pencemaran dan kemalangan di Selat Melaka pula, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu bagi menentukan supaya pencemaran dan kemalangan di selat yang sempit ini dapat dibendung. Dalam hal ini satu jawatankuasa tetap yang terdiri daripada beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Maritim Kebangsaan dan Kementerian Luar Negeri ditugaskan untuk menasihatkan Kerajaan mengenai langkah-langkah mengatasi masalah-masalah tersebut.

Selain daripada itu, satu kumpulan bertindak kecemasan (ad-hoc) telah pun dibentuk untuk menghadapi masalah-masalah yang mungkin timbul. Di antara tindakan-tindakan yang bakal diambil oleh kumpulan bertindak ini termasuk mengadakan rancangan kontingensi, pemeriksaan kapal, menyediakan alat-alat bantuan pelayaran dan perkhidmatan kapal atau dengan izin, piloting services.

Berkenaan dengan ASEAN Free Trade Area (AFTA) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong juga ingin saya menegaskan bahawa Kerajaan menyokong penuh penubuhannya. Ini adalah kerana pelaksanaannya adalah selaras dengan peraturan-peraturan GATT dan ianya membuktikan bahawa Malaysia dan ASEAN berpegang teguh kepada sistem perdagangan antarabangsa yang bebas dan terbuka. Kita percaya AFTA selain daripada dapat meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN tetapi dapat meningkatkan lagi perdagangan ASEAN dengan rakan-rakan dagangannya. AFTA juga akan menggalakkan lagi perkembangan pelaburan asing di rantau ini kerana pasaran ASEAN akan menjadi lebih besar dan luas.

Mengenai blok perdagangan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan bahawa Malaysia sentiasa aktif dalam menentang sebarang usaha untuk mewujudkan blok perdagangan di dunia ini. Malaysia amat lantang memperjuangkan sistem perdagangan bebas dan terbuka dalam forum-forum antarabangsa dan sering menyuarakan keprihatinannya tentang rundingan Pusingan Uruguay-GATT. Selain daripada itu usaha-usaha Malaysia dan ASEAN untuk menubuhkan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) juga merupakan satu tindakan kita

memperjuangkan sistem perdagangan bebas dan pelbagai hala. Dengan berkonsultasi dan menggabungkan suara-suara Asia Timur yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang dinamik, Malaysia percaya bahawa kita lebih berkeupayaan mempengaruhi perkembangan sistem perdagangan antarabangsa supaya ianya lebih bebas dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap terhadap Amerika Syarikat di bawah pimpinan Clinton-Al Gore, ingin saya jelaskan bahawa pucuk pimpinan baru Amerika Syarikat dijangka akan meneruskan dasar luar pentadbiran Bush. Kenyataan-kenyataan dan ucapan-ucapan yang dibuat oleh Clinton semasa dan selepas pilihanraya Presiden Amerika Syarikat baru-baru ini telah memberi gambaran akan janji-janji beliau untuk meneruskan dasar luar negeri Amerika Syarikat itu. Jika ada pun perbezaan dasar luar tersebut ini adalah cuma dari segi penekanan sahaja. Walau bagaimanapun, masanya terlalu awal untuk kita memastikan dengan tepat dasar luar Amerika Syarikat. Ini adalah kerana Bill Clinton akan hanya disahkan sebagai Presiden Amerika Syarikat pada tanggal 20-1-1993. Sehubungan dengan ini Kerajaan kita akan terus mengikuti perkembangan tersebut di Amerika Syarikat.

Berhubung dengan penahanan 25 orang rakyat Malaysia di Boston yang juga disentuh oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, ingin ditegaskan bahawa Kerajaan tidak menganggap tindakan tersebut sebagai satu tindakbalas Amerika Syarikat terhadap dasar luar negara kita yang agresif itu. Penahanan rakyat Malaysia tersebut adalah dalam bidang kuasa undang-undang Amerika Syarikat itu sendiri. Dalam perkara ini, Malaysia menghormati kedaulatan undang-undang mana-mana negara termasuklah Amerika Syarikat. Kerajaan Amerika Syarikat

melalui Duta mereka di Malaysia telah pun memohon maaf di atas kelewatan pihaknya memaklumkan penahanan rakyat kita kepada pihak berkuasa Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih menyiasat perkara ini dan juga dakwaan layanan buruk yang diberi kepada mereka semasa ditahan. Jika dakwaan itu benar, Kerajaan akan membuat bantahan sewajarnya terhadap dan kepada Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupal mengenai prestasi Duta-duta Malaysia dan pecahan perwakilan kita di luar negeri, saya ingin menegaskan bahawa prestasi duta-duta dan pejabat perwakilan kita sentiasa dikaji pada setiap masa.

Untuk mengemaskinikan peranan dan pengetahuan Duta-duta Malaysia dan pejabat perwakilan kita di luar negeri, langkah yang sesuai dan berkesan dibuat untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan yang baru, perkembangan politik dan juga berbagai isu yang penting di Malaysia disampaikan kepada mereka dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, Duta-duta Malaysia sentiasa diberi taklimat mengenai dasar-dasar Kerajaan yang penting apabila mereka berada di Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri telah pun mengadakan satu Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia pada tahun 1991. Pada hemat Kementerian, Duta-duta kita dan pejabat perwakilan telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Adalah tidak wajar kita membuat kesimpulan yang Duta-duta kita dan pejabat perwakilan tidak berupaya untuk menangkis dan mengatasi tuduhan negara-negara asing atau NGO yang mencaci negara-negara kita di luar negeri. Perwakilan kita sentiasa bertemu dengan wakil-wakil NGO dan juga pegawai-pegawai tinggi Kerajaan asing yang berkenaan untuk menjelaskan

pendirian akan tindakan Malaysia atas isu yang menarik minat negara yang berkenaan ataupun pihak NGO. Tetapi dalam suasana di mana negara-negara asing yang mempraktikkan kebebasan percetakan media massa yang tidak terkawal dan juga terdapat NGO yang tidak ingin memahami pendirian Malaysia, tidaklah banyak yang boleh dibuat oleh pihak wakil-wakil kita untuk mempengaruhi mereka yang pada asalnya sudah pun nekad dengan pandangan salah terhadap negara kita. Tidak boleh dinafikan bahawa ada juga masanya orang-orang lain digunakan untuk memberi penjelasan tetapi usaha mereka adalah digunakan sebagai tambahan sahaja kepada usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Duta-duta kita sendiri.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jerai, sukalah saya menjelaskan bahawa sejajar dengan usaha untuk menjaga imej Malaysia di luar negeri, Kementerian saya sentiasa mengkaji dan membuat penelitian terhadap keperluan perbelanjaan perwakilan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang diperuntukan adalah tertakluk kepada kemampuan Belanjawan Negara pada setiap tahun.

Berkenaan dengan kereta di perwakilan luar negeri, ingin saya maklumkan bahawa tindakan-tindakan sentiasa diambil untuk mengganti kereta-kereta yang lama dan usang pada setiap tahun mengikut keperluan dan peruntukan yang ada. Selain daripada itu, saya juga ingin maklumkan bahawa Kementerian saya juga akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai penggunaan kereta Proton Limousine untuk ketua-ketua perwakilan kita di luar negeri. Kereta tersebut mungkin boleh digunakan di perwakilan yang sesuai di mana terdapat kemudahan perbekalan dan penyelenggaraan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat terhadap bidang tugas Kementerian Luar Negeri dan seterusnya menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Penerangan diminta menjawab.

6.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin dengan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini panjang, yang keduanya saya akan menjawabnya dengan sejelas-jelasnya dan yang ketiga, saya bersimpati dengan rakan-rakan saya yang belum menjawab. Jadi, saya hendak memberi notis supaya tiada gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan di dalam membahaskan Belanjawan 1993 tempoh hari. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh: pertama, dasar-dasar Kementerian; kedua, program-program; ketiga, liputan televisyen dan radio dan yang keempat, berkenaan cakera parabola.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rantau Panjang merasakan bahawa-sanya tidak ada peningkatan dalam prestasi RTM. Sukacita saya menyatakan, kalau kuantiti menjadi ukuran, jumlah televisyen

telah meningkat dari 2.7 juta pada tahun 1985 kepada 3.1 juta pada tahun 1990 iaitu dengan pertambahan kadar yang amat tinggi. Dari segi penonton pula, penonton telah bertambah dari 7.7 juta pada tahun 1985 kepada 9.2 juta tahun 1990. Pertambahan ini merupakan pertambahan yang besar. Reach pula, pada orang dewasa pada tahun 1980—51%; 1992—83%. Dari segi kualitinya, ini adalah satu perkara yang sangat subjektif. RTM sentiasa mengolahkan program-program, untuk menyesuaikan keadaan dan keperluan semasa. Program-program RTM mengandungi maklumat-maklumat dan berita-berita yang berunsurkan pendidikan yang penting yang boleh memanfaatkan masyarakat umumnya.

Akhir-akhir ini RTM memberi penekanan yang amat wajar kepada penyampaian maklumat yang tepat dan terkini dengan mewujudkan beberapa program seperti “Dunia Jam 10”, “Window On The World”, “Jendela Dunia” dan lain-lain. Mungkin apa yang kurang memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat adalah program-program hiburan. Program hiburan tidak merupakan program yang besar dari segi masa penyiaran RTM. RTM 1 umpamanya, mempunyai hanya 10% sahaja program yang berbentuk hiburan; RTM 2—5% sahaja. Pihak RTM menyedari bahawasanya sebaik-baik hiburan adalah hiburan yang mempunyai unsur pendidikan. Adalah menjadi matlamat RTM untuk membantu meningkatkan nilai-nilai baik dalam masyarakat kita. Namun sekiranya ada perkara-perkara yang khusus yang mahu dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan apa juga, pihak Kementerian mempunyai dasar pintu terbuka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi teguran-teguran ataupun pandangan-pandangan dengan tidak perlu menunggu sesi-sesi Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa anggota Parti Pembangkang mengutarakan kemusykilan mereka terhadap kurangnya liputan ke atas mereka semasa sesi Parlimen ini. Saya telah menyatakan sebelum ini bahawasanya anggota Parti Pembangkang perlu juga mempunyai hubungan baik dengan pihak media. Jika anggota Pembangkang mahukan media menghormati mereka, mereka juga perlu menghormati anggota-anggota media. Saya ulangi apa yang saya katakan dahulu, bahawa respect is not a privilege but it has to be earned.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang sama pernah Ketua Pembangkang cuba menghalau petugas media yang berkenaan dari Dewan yang mulia ini. Bagaimanakah dalam satu ketika kita halau mereka dan dalam ketika yang lain pula mahukan liputan ke atas kita diperluaskan? Ada juga anggota Pembangkang menuduh RTM hanya mengambil aspek negatif Pembangkang sahaja. Bagaimanakah RTM mahu memaparkan sudut positif seorang anggota yang bersikap negatif? Bagaimana pula RTM mahu memaparkan seorang anggota sebagai intelek kalau setiap kali dia bercakap, dia menunjukkan kejahilan? Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menuduh Kerajaan Barisan Nasional sebagai tidak demokratik dan tidak bertindak constitutional? Katanya pertambahan kerusi Parlimen baru-baru ini adalah usaha Kerajaan Barisan Nasional hendak memeralatkan Suruhanjaya Pilihanraya sedangkan jelas dalam Perlembagaan Malaysia, Atikel 159(3) yang memberi peruntukan kepada Dewan yang mulia ini untuk meminda Perlembagaan dengan persetujuan 2/3 dari jumlah anggota Dewan. Semakan semula kawasan pilihanraya termaktub dalam Atikel 113(ii), apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah selaras dan sejajar dengan kehendak Perlembagaan. Yang tidak arif

berkenaan dengan Perlembagaan ialah Yang Berhormat dari Bayan Baru. Bagaimanakah RTM boleh memaparkan intelektualisme tinggi dalam keadaan kejahilan anggota tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong menyesali di atas tindakan yang tidak demokratik...

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Fasal saya sentuh dia, saya beri chance tetapi kena cepat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan itu tidak berbangkit. Kita bercakap soal RTM dan RTM itu adalah di bawah penyeliaan Kerajaan dan milik Kerajaan. Ini bermakna ia adalah milik rakyat. Soal apakah hubungan pihak Pembangkang dengan RTM tidak berbangkit. Pihak Pembangkang tidak perlu hendak mengambil hati pihak RTM, tetapi sebagai alat hak rakyat, maka segala-galanya mesti adil. Sama ada apa liputan sekalipun mesti dibuat secara adil. Tetapi ini berat sebelah, mendengar arahan Kerajaan Barisan Nasional. Ini yang dikatakan tiada demokrasi dan tidak adil. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tiada jawapan kepada soalan yang tiada. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong menyesali di atas tindakan yang tidak demokratik dengan tidak menyiarkan gambarnya semasa pembentangan Belanjawan. Kalau inilah demokrasi Parti Pembangkang, maka adalah sangat mudah bagi kita menonjolkan demokrasi dengan hanya memaparkan muka Parti Pembangkang

dalam televisyen dan tidak perlu kita mengadakan pilihanraya, kebebasan akhbar, kebebasan bercakap dan lain-lain kebebasan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: DAP selalu mengatakan "democracy is dead", sudah mati, tiada freedom, tiada kebebasan, tiada liberty. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada baiknya jikalau boleh saya ingatkan apa yang dikatakan oleh Saint Augustine iaitu seorang Christian Bishop of Hippo yang hidup dalam tahun 354—450. Saya quote, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: "He that is good is free though he is a slave; He that is evil is a slave though he be a king". Jelas anggota-anggota Parti Pembangkang tertentu adalah hamba abdi kepada minda yang kurang sihat pada mereka sendiri.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya gentleman, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia beri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan kurang mengambil perhatian apa yang benar-benar berlaku di sini. Adakah beliau sedar setakat memutarbalik apa yang saya maksudkan. Apa yang saya maksudkan itu satu contoh sahaja—contoh bahawa wajah pun tidak ditayangkan, apatah lagi isi kandungan ucapan-ucapan dan sebagainya tiada langsung. Kalau kita bandingkan di dalam siaran untuk Menteri-menteri, untuk pembukaan rasmi, untuk ucapan Yang Amat Berhormat dan sebagainya begitu banyak. Ucapan daripada pihak Pembangkang di mana? Satu perkataan pun tidak ada.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana dia kata dia beri contoh, saya pun tadi memberi contoh juga. Jawapan contoh kepada contoh. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, mungkin DAP perlu belajar untuk mempertahankan apa yang dikatakan tidak ada kebebasan, tidak ada liberty, tidak ada freedom, dengan satu ungkapan daripada Clarence Darrow, seorang peguam daripada Amerika yang hidup dalam tahun 1857 hingga 1938, "You can only protect your liberties in this world by protecting the other person's freedom".

Kementerian Penerangan menyedari bahawa liputan televisyen di Sarawak di Sabah dan beberapa negeri seperti di Negeri Pahang masih lagi belum mencapai hasil yang memuaskan. Liputan TV pada tahun 1992 ini adalah dijangka menguasai 85% di Semenanjung, 80% di Sarawak dan 82% di Sabah. Kementerian Penerangan bercadang untuk memperbaiki lagi liputan televisyen ke seluruh Malaysia dengan menambah 12 stesen televisyen yang menelan belanja RM6.1 juta bagi maksud pocket filling, dan di samping itu Kementerian juga akan membelanja sebanyak RM60 juta bagi maksud penggantian alat pemancar talivesyen di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan berkenaan dengan liputan Perhimpunan UMNO. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk bercakap membicarakan permasalahan UMNO, tetapi suka saya menyatakan bahawa dunia tidak dapat menafikan peranan yang dimainkan oleh UMNO di dalam menegakkan demokrasi di dalam negara kita yang merdeka. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya katakan bahawa UMNOlah yang menyatukan rakyat pribumi dalam negara ini pada tahun 1946. Yang kedua, UMNOlah yang menyatukan rakyat negara ini

melalui 'Perikatan' pada ketika itu, iaitu menggabungkan tenaga-tenaga Melayu, Cina dan India dalam negara kita. UMNOlah dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin di ketika itu....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: ...mencapai kemerdekaan. Tolong duduk dahulu, belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: UMNOlah parti yang sama-sama dengan MCA dan MIC yang menggubal Perlembagaan yang pada hari ini menentukan, yang pada hari ini Perlembagaan yang sama masih digunakan, dan kalau boleh saya nyatakan bahawa hidupnya Dewan yang mulia ini, Dewan Parlimen ini adalah dimaktubkan oleh UMNO dan perjuangan UMNO.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Dasar untuk.....belum lagi, nanti belum habis lagi. Biar saya habis dahulu. Saya tidak suka main sekerat-sekerat, main separuh-separuh tak seronok, nanti habis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, UMNOlah yang menggubal dasar sama-sama rakan dalam Barisan Nasional dasar-dasar yang pragmatik dan praktikal yang diterima oleh majoriti rakyat Melayu dan tidak ditolak oleh majoriti rakyat bukan Melayu. Dan dasar-dasar inilah yang menjadikan negara kita maju, makmur, aman, harmoni dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, UMNOlah yang menentukan bahawa apa yang tersurat di dalam surah Al-Baqarah, ayat 126 bahawasanya ciri-ciri suatu pemerintahan yang baik adalah bersandarkan kepada dua fakta. Yang pertama, keamanan wujud; dan yang kedua, peluang mendapat rezeki kepada rakyat umum, lebih kurang maksudnya. Dan ini telah dilaksanakan oleh UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, UMNOlah yang melakukan apa saja, yang diminati apa juga keputusan dalam Perhimpunan UMNO, bukan diminati hanya oleh rakyat dalam negara ini. Yang Berhormat dari Parti Pembangkang pun tengok talivesyen, menandakan dia minat perkembangan UMNO. Rakyat keseluruhannya minat, negara-negara ASEAN, pemimpin-pemimpin ASEAN minat. Saya fikir Clinton pun minat di atas perkembangan apa yang berlaku di dalam UMNO. Jadi, oleh itu tidaklah keterlaluan RTM sebagai satu badan penyiaran yang bertanggungjawab yang suka berikan maklumat yang terkini dan tepat kepada rakyat umum. Dan saya rasa adalah menjadi tanggungjawab RTM untuk menyampaikan maklumat setepat-tepatnya berkaitan dengan apa yang rakyat mahu mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, minta bangunlah, mana dia bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya Bayan Baru bangun, Yang Berhormat. Saya hendak beri, cuma ada satu ayat lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Sekarang sudah bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Okaylah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya agak Setiausaha Parlimen ini sedang mimpi. Saya tak nafikan apa

yang UMNO buat untuk menuntut kemerdekaan sehingga UMNO dipimpin oleh Tun Hussein Onn. Tapi apa yang saya tahu UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir sekarang sebagai Presiden adalah UMNO (Baru). Yang dia kutuk UMNO lama apa sebab? UMNO sekarang UMNO (Baru), kemudian dipecah, ada pula Semangat 46. Itu yang menjadi keadaan sekarang. Tak boleh—jangan dituntut UMNO lama. Saya marah, sebab dahulu saya sokong UMNO, sekarang tak lagi, sebab sekarang UMNO (Baru). *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tenang Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dikatakan bermimpi, biarlah saya bermimpi dengan memberikan kenyataan yang benar. Biarlah ada orang lain yang mengigau di alam nyata yang tak tahu, dia mahu jadi Presiden DAP, tetapi sebaliknya saya percaya tak akan menjadi. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua,....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Nanti dahulu habis satu point lagi, beri chancelah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu RTM tidak akan berasa apologetik kerana RTM telah menunaikan kewajipan yang dikehendaki oleh rakyat. Sebab kata Bayan Baru tadi RTM adalah alat rakyat. Saya sedar, sebab rakyat hendak tahu, sebab itu RTM kena menyiarkan berita UMNO yang rakyat mahu tahu. *(Ketawa)* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua,....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Sekejap lagi. Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru lagi telah dengan lantangnya menyuarakan kemusykilan beliau kerana kononnya penyiaran RTM menonjolkan ada kritikan terhadap Raja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat. Tidak ada parti yang menjamin kedudukan Raja di dalam Perlembagaan, kecuali Parti UMNO. (*Tepuk*) Tidak ada parti yang meletakkan kedaulatan Raja di dalam Perlembagaan mereka, melainkan daripada Parti UMNO. Tidak ada parti yang menjamin institusi Raja berperlembagaan selain daripada Parti UMNO. Kalaupun ada kritikan, adalah for the love of the Ruler, for the love of the system, bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bertanya di manakah letaknya kedudukan Raja di dalam Perlembagaan DAP? Tak ada, tak ada!

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan DAP amat jelas bahawa kita menerima Perlembagaan Persekutuan. Kita menghormati, bermakna kita sekaligus kita menerima D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong, kita menerima Raja-raja yang ada di dalam negara ini. Apakah itu tidak faham? Sedangkan UMNO dia mengatakan Raja-raja, itu dan ini, dalam masa yang sama dia hentam, ada yang berani kata Raja-raja samseng sekarang ini— jawab! (*Ketawa*)

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, UMNO tidak sorok. Dia sayang Raja, dia sayang institusi Raja daripada mula dia membentuk Kerajaan ini, menghormati dan menyayangi dan mengasihni institusi beraja. Sebab itu dalam Perlembagaan ini terus terang ada, tak berselindung macam DAP.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada dua Ahli yang bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya hendak habis. Saya akan beri, tetapi saya hendak sambung sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, satu demi satu.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tadi berkenaan dengan institusi beraja yang dipropagate oleh UMNO, bukan orang lain. Bukan DAP. DAP tak tahu mana. Tuan Yang di-Pertua, dari segi apa yang dikatakan UMNO (Baru) tadi, jangan bimbang, apa yang baru, satu hari akan jadi lama. (*Ketawa*) Oleh kerana itu, tengok ahli-ahli Parti Pembangkang yang daripada 46, dahulu dia kata ini UMNO (Baru), dia tak hendak masuk. Tetapi ada dalam masa selepas tiga tahun dia kata sudah cukup lama. Ada sebahagian sudah masuk. Lima tahun lagi Kota Bharu pun akan masuk apabila ia menjadi lama.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya beri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat sedar bahawa UMNO tidak pernah, mana-mana pemimpin UMNO tidak pernah membawa Raja ke Mahkamah, tetapi DAP ada pemimpin utama DAP telah membawa Raja ke Mahkamah, iaitu Sultan Selangor. Apakah perbuatan untuk membawa Raja ke Mahkamah ini sekaligus tidak menghormati Perlembagaan, saya hendak tanya? Dan sekaligus makna kata dia derhaka kepada negara ini. Patut pun dia kena tampar mukanya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua mengatakan menderhaka itu saya tidak berani, sebab saya tidak tahu hatinya. Sebab itu, serupalah, saya kalau dengan orang PAS, kalau saya hendak menghujah, dia lebih alim daripada orang ini; saya tidak berani, kerana ketaqwaan itu terletak di antara hati kita dengan Tuhan. Jadi, hati mereka dengan Tuhan saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sedar atau tidak sedar, mereka pernah mencabar Raja, saya sedar perbuatan itu amat terkutuk, tetapi lebih daripada itu, the intention, maksudnya lebih dahsyat daripada terkutuk, tak tahu apa perkataan yang hendak digunakan. (*Ketawa*) Tiada kata seindah bahasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan supaya

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya ingat cukup buat sementara Kepong, sebab saya tahu kalau berbahas kita berdua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak akan menang. (*Ketawa*) Sebab Ahli Yang Berhormat dari Kepong pemikirannya adalah sentiasa terkepung. Terima kasih banyak-banyak.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan supaya dikaji semula liputan Persidangan Parlimen. RTM merasakan bahawa peraturan dan liputan masa kini adalah memadai. Pada masa lampau RTM telah menyiarkan Laporan Parlimen setelah Berita Perdana. Pada ketika ini Laporan Parlimen dikendalikan dengan Berita Perdana, oleh kerana inilah masa prime, atau masa utama yang mempunyai tontonan paling tinggi. RTM melakukan perubahan ini dengan harapan lebih ramai rakyat Malaysia yang mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah penyampaian kepada rakyat, ciri-ciri penting dalam perjalanan sidang serta keputusan yang sidang itu sendiri capai. Ini telah dapat disempurnakan oleh RTM walaupun dikatakan penyiarannya adalah dalam masa yang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, di atas pandangan ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang, saya akan meminta RTM supaya membuat kajian semula dan lebih teliti sama ada masa dan format Laporan Parlimen boleh dibaiki dan dipertingkatkan kerana kita menghormati Pembangkang sama. Pembangkang ada peranan mereka.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tidak payah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah menerangkan dalam Dewan ini, beliau akan membawa pindaan kepada Akta Telekom dan menentukan penggunaan parabola atau TVRO. Kementerian Penerangan melalui Akta Penyiaran bertanggungjawab terhadap software ataupun program-program televisyen. Saya telah menerangkan sebelum ini bahawasanya Kementerian Penerangan belum bersedia untuk mengamalkan dasar 'open sky policy' dengan mengizinkan semua bentuk program melalui angkasa.

Saya ingin menyangkal Ahli Yang Berhormat dari Baram, menyatakan bahawasanya keengganan Kerajaan membenarkan penggunaan parabola adalah untuk menjaga kepentingan Barisan Nasional yang sempit dan kononnya bertentangan dengan kepentingan nasional tulen serta kepentingan rakyat jelata. Ahli Yang Berhormat dari Baram menyatakan hanya dasar atau polisi media yang liberal sahaja yang menentukan kejayaan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Ahli Yang Berhormat dari Baram telah menjawab soalnya sendiri. Tidakkah Malaysia merupakan sebuah negara yang telah berjaya, yang sedang menuju ke arah pembangunan yang pesat, apakah pertumbuhan negara 8.5% setahun, pengawalan inflasi di tahap 4.5%, pengangguran pada tahap 4.1%, pendapatan per kapita meningkat 11.2% setiap tahun dalam lima tahun yang lalu, tidak membayangkan Malaysia sebagai negara yang maju? Kalau hanya dasar liberal sahaja yang akan membawa kemajuan negara, maka dasar atau polisi komunikasi kita adalah cukup liberal.

Tuan Yang di-Pertua, angkasa terbuka dari segi parabola tidak dapat dipersetujui oleh kerana Kementerian Penerangan bukan sahaja tidak dapat menapis unsur-unsur lucuh ataupun menapis budaya kuning yang amat bertentangan dengan budaya tempatan, malahan Kerajaan tidak mungkin dapat mengawal sensitiviti-sensitiviti kaum, sensitiviti agama dan lain-lainnya. Negara kita adalah negara yang majmuk dan kita perlu masa untuk terus menggunakan media elektronik yang sedia ada pada hari ini bagi memupuk integrasi kaum, integrasi budaya dan integrasi wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti bahawasanya kita akan mengamalkan dasar komunikasi 'katak di bawah tempurung', ianya adalah bertentangan dengan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita. Oleh itu Kementerian Penerangan bercadang untuk menambah empat saluran televisyen iaitu tiga bagi Subscribed News Service (SNS) atau PBB dan juga untuk mengadakan TV4. Saya kira 7 saluran adalah mencukupi untuk menyampaikan maklumat kepada seluas-luas rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kesempatan mengambil bahagian membahaskan Usul dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian

Penerangan. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang lebih daripada 13 orang—Ahli Yang Berhormat dari Sibul, Bayan Baru, Kepong, Marang, Kok Lanas, Larut, Rantau Panjang, Baram, Nilam Puri, Bukit Bintang, Kampar, Batu Berendam dan lain-lain—yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan secara positif yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, izinkan saya menyatakan sedikit renungan untuk kita bersama, apa yang dikatakan oleh The Father of Indian Democracy iaitu Mahatma Gandhi dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya quote:

"Political power means capacity to regulate national life through national representatives. If national life becomes so perfect as to become self-regulated, no representation becomes necessary. There is then a state of enlightened anarchy. In such a state, everyone is his own ruler. He rules himself in such a manner that he is never a hindrance to his neighbour nor his society. In the ideal state, therefore, there is no political power because there is no state".

Tuan Yang di-Pertua, kata-kata ini telah dinyatakan tepat 71 tahun dahulu iaitu pada 17hb November 1921. Dalam demokrasi pengertiannya, tidak ada sistem yang perfect.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan dalam konteks demokrasi bermatlamat untuk membantu rakyat menjadi masters of their destiny. Aristotle menyatakan, 'master of their votes'. Sebab, menurut pandangan Aristotle, 'When the people is master of their votes, it becomes master of the government', dengan izin.

Dan Kementerian Penerangan telah membantu menegakkan keadilan, sebab itu Kerajaan yang sama diwujudkan daripada mula kita mencapai kemerdekaan sehingga

pada hari ini dan kestabilan ini tidak boleh kita sangkal sama sekali malahan adalah satu kebanggaan kepada kita, pemimpin dan juga rakyat jelata.

Saya hendak quote satu lagi perkara yang mengaitkan keadilan dengan pemerentahan, yang dinyatakan oleh Aristotle, bahawasanya, 'And that no government can stand which is not founded on justice'.

Tuan Yang di-Pertua, 'justice is not only done, but is also seen to be done'. Jadi, itulah yang dapat saya nyatakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, diminta menjawab.

6.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas dasar am Belanjawan 1993. Dan telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan mengenai keuntungan-keuntungan yang didapati daripada projek-projek pelancongan hendaklah diselarasakan dengan kepentingan rakyat.

Dalam hubungan ini, suka saya menyatakan bahawa dalam melaksanakan program-program pembangunan, sama ada untuk sektor pelancongan dan sebagainya, Kerajaan tidaklah menjadikan keuntungan sahaja sebagai matlamat pentingnya. Dalam soal ini, pertimbangan sosial adalah juga dipertimbangkan seperti mewujudkan peluang-

peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat jelata. Projek-projek pelancongan yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah sebahagian besarnya terhad kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas, manakala projek-projek mewah seperti padang golf dan hotel-hotel adalah dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha swasta berasaskan kepada permintaan pasaran.

Mengenai saranan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu, agar Sarawak diperkenalkan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan di Malaysia, suka saya maklumkan bahawa dalam segala usaha penggalakan dan promosi pelancongan yang dijalankan oleh Kementerian, tarikan-tarikan pelancongan di Negeri Sarawak telah dan sedang diperkenalkan di samping tarikan-tarikan pelancongan lain yang terdapat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sentiasa dipasarkan secara keseluruhan dan bersepadu sebagai satu destinasi pelancongan yang mempunyai berbagai tarikan pelancongan seperti yang terdapat di negeri-negeri tertentu. Di samping risalah-risalah mengenai tarikan-tarikan pelancongan di negeri-negeri, Kementerian juga telah menjemput para penulis, para wartawan pelancongan daripada luar negeri untuk melawat ke seluruh negeri-negeri di Malaysia bagi tujuan memperkenalkan tempat-tempat pelancongan.

Berkaitan dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Santubong supaya konsep bercuti tinggal bersama keluarga angkat atau home-stay, dengan izin, diperkenalkan secara meluas, sukacita saya nyatakan bahawa saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tersebut. Sehubungan dengan ini, Kementerian sejak tiga tahun kebelakangan ini telah pun memperkenalkan program home-stay di kalangan para pelancong, syarikat-syarikat pelancongan dan juga rakyat tempatan.

Walau bagaimanapun, sambutan kepada program ini, pada pandangan Kementerian, sehingga kini adalah masih lagi tidak begitu menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau yang ingin tahu tentang program baru yang membolehkan para pelancong dapat melawat negara ini dengan pandangan dan pengalaman baru, khususnya bagi tahun 1994, sukalah saya maklumkan bahawa Kementerian telah merancang lebih daripada 160 acara yang akan dilaksanakan di seluruh negara di sepanjang tahun 1994. Acara-acara ini adalah meliputi perayaan-perayaan tradisional, pameran-pameran, pertandingan, sukan, persembahan kebudayaan dan pesta-pesta tempatan. Bagi tahun 1994, khususnya, Kementerian akan memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti-aktiviti dan program-program yang bercorak atau berkait rapat dengan pembangunan alam semula jadi kerana kami mempunyai kepercayaan bahawa alam semula jadi di negara ini mempunyai keistimewaan dan kekuatan untuk menjadi daya tarikan kepada pelancong-pelancong.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah membangkitkan soal-soal mengenai penerbangan daripada luar negeri ke Kuching. Mengenai perkara ini, suka saya menyatakan bahawa sungguhpun perkara ini di bawah bidang kuasa Menteri Pengangkutan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sentiasa menyokong usaha-usaha ke arah meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini termasuk menggalakkan syarikat penerbangan asing mendarat di Kuching.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya Sarawak ditonjolkan sebagai satu destinasi yang baik, yang boleh dilawati dan menarik, seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kita sentiasa berusaha mengadakan promosi dan berusaha untuk memperkenalkan Sarawak sebagai salah sebuah destinasi pelancongan ataupun salah sebuah destinasi kepada beberapa destinasi pelancongan di Malaysia ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Sabak Bernam agar agensi-agensi pelancongan dikendalikan oleh orang-orang yang berkelayakan, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian mengakui pentingnya agensi-agensi pelancongan dikendalikan oleh kakitangan yang mahir.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita tahu enam tahun lepas, Langkawi adalah merupakan suatu tempat pelancongan untuk orang-orang dalam negeri sahaja. Kalau kita bercakap hal Mahsuri, orang di sini mungkin tahu tetapi orang dari luar negeri memang tidak tahu. Tetapi sekarang Langkawi adalah suatu tempat yang diiktirafkan sebagai tempat pelancongan antarabangsa. Cerita macam ini terjadi daripada dahulu lagi. Bali pun macam itu. Dalam tahun 50an orang tidak tahu apa-apa pun tentang Bali. Dahulunya, Bali itu tidak ada guna langsung, sampailah diberikan penekanan yang begitu gigih dan kuat oleh pihak Kerajaan Indonesia sehinggalah Bali itu menjadi suatu pusat pelancongan antarabangsa yang terkenal di seluruh dunia pada masa sekarang. Begitu juga Langkawi. Jadi, dalam keadaan yang sama, saya ingin bertanya tentang penekanan kepada negeri Sarawak. Macam mana penekanannya supaya Sarawak tidak berjumpa satu 'bottleneck', bila sampai ke Kuala Lumpur, umpamanya, pihak Jepun, kalau datang ke Kuala Lumpur, pukul ratanya cuti orang Jepun itu seminggu sahaja dalam satu tahun, dan setelah tujuh hari di sini, mereka tidak boleh pergi ke Sarawak lagi oleh kerana masa tidak cukup. Soalan saya, adakah Kementerian membuat satu rancangan untuk memberikan penekanan macam mana yang telah dibuat di Bali, Indonesia dan yang telah dibuat di Langkawi, Malaysia, supaya menekankan agar pelancong antarabangsa datang dan sebelum kita membuat pelancong antarabangsa datang, kita hendakkan orang

Malaysia itu sendiri datang ke Kuching, ke Mulu, ke Niah dan apa sahaja tempat di Sarawak yang menarik itu, supaya orang kita tahu. Apakah tindakan Kementerian membawa orang kita sendiri, orang Malaysia sendiri, jangan hanya memperkenalkan Langkawi sahaja ataupun tempat-tempat yang mereka sudah kenal, tetapi pergi ke tempat-tempat yang mereka belum kenal lagi, supaya kita tahu mengenai negara kita sendiri. Jadi, apakah tindakan pihak Kementerian supaya orang Semenanjung datang ke Sarawak. Terima kasih.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika membahaskan dasar am Belanjawan. Hari ini nampaknya ada satu perkara baru yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang ke sesuatu tempat, sudah tentulah kita terpaksa mengadakan pertamanya pelancong; keduanya mesti ada produk untuk kita berikan kepada pelancong dan ketiganya seseorang yang hendak melancong sudah tentulah memerlukan sama ada dari segi kita menguruskan pelancong-pelancong itu supaya datang ke situ dan ini melibatkan agensi-agensi pelancongan. Begitu juga dalam bidang pengangkutan. Oleh sebab itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Kerajaan kita membenarkan beberapa 'landing right' kepada beberapa syarikat luar negeri supaya datang ke Kuching, umpamanya, tetapi ini tertakluk kepada pihak syarikat penerbangan yang berkenaan sama ada hendak pergi atau tidak, walaupun ada peluang ataupun peruntukan yang kita berikan.

Kedua, inginlah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu dalam penarikan pelancong-pelancong ini, package agensi-agensi pelancongan juga perlu mereka buat dengan teratur. Jadi,

dalam package ini, bagi Sarawak juga memang ada package-package yang dibuat, umpamanya untuk lawatan ke Mulu, Niah dan sebagainya, yang mana produknya terdapat di negeri Sarawak. Tetapi, dalam hal ini, pada peringkat permulaan ini, seperti Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa Langkawi dahulu pun tidak begitu diketahui, dan memang pada peringkat awal ini kita tidak dapat sambutan yang begitu baik sekali untuk pelancong-pelancong pergi ke tempat-tempat di Sarawak seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, insya-Allah, dari segi promosi yang kita buat di luar negeri, kita juga memberitahu bahawa di Sarawak terdapat gua yang terbesar sekali di dalam dunia, misal katakan. Ini semua kita sebutkan. Tetapi Yang Berhormat haruslah sedar, dalam kita hendak mengadakan promosi ini, ataupun memberi penjelasan kepada pelancong-pelancong luar negeri, perkara penting yang harus kita beritahu mereka ialah mengenai Malaysia terlebih dahulu. Selepas itu kita beritahu mereka dalam Malaysia terdapat produk-produk ini, kerana, dari segi keadilan yang akan timbul nanti, kerana semua negeri-negeri di Malaysia sebenarnya mahukan supaya pelancong-pelancong datang ke negeri masing-masing. Sebab itu dalam rancangan Tahun Melawat Malaysia 1990 yang lalu dan juga untuk tahun 1994 yang akan datang ini, semua negeri-negeri diberi peluang untuk mengatur acara-acara sambutan Tahun Melawat Malaysia supaya semua pihak akan dapat memilih di manakah destinasi yang mereka hendak pergi.

Di samping itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tentang perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, seperti yang telah kita maklumkan, kita juga sekarang ini melaksanakan strategi supaya lawatan dalam negeri (domestic tourism) adalah digalakkan. Inilah sebabnya kita adakan acara-acara di semua negeri-negeri mengikut Calendar of Events supaya rakyat negara kita juga akan menyusun ke manakah percutian yang mereka perlu pergi. Jadi, inilah langkah-langkah awal yang sedang kita ambil. Seperti Yang Berhormat maklum

bahawa dalam proses untuk memperkenalkan destinasi pelancongan ini, dari semasa ke semasa, jika kita dapat mengekalkan sikap kita untuk mempertahankan alam semula jadi di dalam falsafah kita untuk pelancongan ini, insya-Allah, pada masa yang akan datang pelancong-pelancong akan terus datang ke negara kita dan akan bertambah dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung saranan dari Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam yang mahukan supaya agensi-agensi pelancongan mestilah terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan dan dikendalikan oleh kakitangan yang mahir. Dalam hal ini, untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan Malaysia telah pun mengambil dua pendekatan. Yang pertama, kita mengadakan kursus latihan dalam industri pelancongan di Institusi Pengajian Tinggi seperti di Institut Teknologi MARA, Perbadanan Produktiviti Negara dan Universiti Utara Malaysia. Kedua, membenarkan institusi swasta mengendalikan kursus dalam bidang tertentu seperti pemandu pelancong, hotel dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah juga memberi persetujuan agar satu sekolah pelancongan di Fakulti Pengurusan ditubuhkan di Universiti Utara Malaysia. Usaha-usaha sedang dijalankan agar sekolah pelancongan tersebut boleh memulakan Kursus Pelancongan dan Hospitaliti peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam tahun 1993 yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada Kementerian ini sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Kesemua teguran-teguran, cadangan dan pandangan yang telah diberikan akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kemudian nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diminta jawab.

7.11 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan, teguran-teguran dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1993 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat dari Padas telah menyentuh berkaitan dengan program-program untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan bagi orang miskin dan daif belum diperluaskan di negeri Sabah seperti skim-skim bantuan penyelenggaraan hidup, pemilihan dan latihan vokasional untuk membantu orang miskin dan daif mencapai tahap hidup berdikari dan untuk membasmi kemiskinan. Pada masa ini, segala perkhidmatan kebajikan bagi orang miskin dan daif di negeri Sabah adalah di bawah pentadbiran dan pembiayaan Kerajaan Negeri melalui Perkhidmatan Kebajikan Am di bawah Kementerian Perkhidmatan Sosial Sabah.

Untuk menjawab perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam mengenai kegiatan bagi merapatkan lagi semangat kerjasama dan muhibah di antara kaum-kaum di negara ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa merancang, melaksana dan memperluaskan lagi aktiviti bagi merapatkan lagi semangat kerjasama dan muhibah antara kaum yang terbesar di

seluruh negara khususnya menerusi Skim Rukun Tetangga. Di bawah skim ini, telah ditubuhkan juga Jawatankuasa Jiran Muda dan Jiran Wanita yang turut menganjurkan berbagai aktiviti bagi membantu Kerajaan ke arah mencapai matlamat tersebut. Setakat September tahun ini, sebanyak 1,200 kawasan Rukun Tetangga telah ditubuhkan di mana jumlah Jawatankuasa Jiran Muda ada 636, manakala Jawatankuasa Jiran Wanita pula ialah 642. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat tempatan yang melibatkan penduduk berbilang kaum adalah dalam bidang sosial, pendidikan, sukan, rekreasi, kesihatan, alam sekitar, kebajikan, kebudayaan, agama, keselamatan, ekonomi dan lain-lain. Selain dari itu, terdapat beberapa program lain yang dianjurkan oleh Jabatan ini iaitu Program Integrasi dan Khemah-Kerja Kejiranan. Strategi utama Program Integrasi ini ialah untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi di kalangan rakyat dari semua negeri di Malaysia. Aktiviti yang dijalankan di bawahnya adalah lawatan di kalangan pemimpin masyarakat, "Titian Emas" iaitu satu aktiviti anak angkat dan "Sedar Padu" yang mempunyai objektif memberi pengetahuan serta kesedaran di kalangan pelajar mengenai sistem pemerintahan di negara ini.

Dalam aspek pantang-larang sesuatu kaum pula, Jabatan Perpaduan Negara telah mengeluarkan beberapa penerbitan mengenai adat-resam serta pantang-larang berbagai kaum di Malaysia. Penerbitan-penerbitan yang dimaksudkan ialah Buku Resam Muhibah Masyarakat Malaysia 4 Siri, Buku Sambutan Hari-Hari Kebesaran dan Perayaan Keagamaan Malaysia.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam mengenai Pusat Sumber Maklumat Wanita, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang memberi fokus sepenuhnya untuk memperkukuhkan Pusat Sumber ini sehingga menjadi satu Pusat Sumber yang dapat memberikan data dan maklumat yang lengkap mengenai wanita dalam bentuk statistik, video, slide, buku, makalah dan

lain-lain. Dalam hal ini, Kementerian telah dan sedang mewujudkan sistem rangkaian perhubungan dengan Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan. Institusi-institusi penyelidikan, perpustakaan-perpustakaan, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan organisasi-organisasi lain di dalam dan di luar negara untuk membina dan menambah koleksi bahan-bahan dan penulisan serta memudahkan pertukaran maklumat.

Aktiviti-aktiviti lain yang sedang dirancang di bawah Pusat Sumber termasuklah program-program latihan, penyediaan video dan penerbitan risalah, surat, berita serta lain-lain mengenai kemajuan wanita untuk disebar kepada kaum wanita di semua peringkat. Dengan adanya Pusat Sumber Maklumat Wanita ini, usaha-usaha ke arah perancangan dan pelaksanaan program akan dapat dibuat secara lebih dan berkesan berdasarkan maklumat-maklumat yang lengkap dan mutakhir mengenai kedudukan dan keperluan wanita di negara ini.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, segala teguran, pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya, sekiranya didapati perlu dan bersesuaian dengan dasar dan matlamat Kerajaan amnya dan Kementerian khususnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kementerian Sumber Manusia.

7.17 m/m.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1993, di peringkat Dasar ini serta mengemukakan isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya, saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritik-kritik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, Parit Sulong, Bukit Mas, Shah Alam dan Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Parit Sulong telah membangkitkan mengenai kemasukan dan penggajian pekerja-pekerja asing ke negara ini. Kononnya mereka telah menjejaskan peluang-peluang penduduk tempatan serta mendapat tempat yang istimewa di sektor-sektor tertentu. Saya ingin menjelaskan bahawa Dasar Kerajaan terhadap penggunaan tenaga kerja asing adalah hanya membenarkan mereka untuk bekerja di sektor-sektor yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja di mana penduduk tempatan tidak berminat seperti sektor ladang, pembinaan dan pembantu rumah.

Bagi sektor ekonomi yang lain seperti perkilangan dan sebagainya pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor-sektor tersebut hanya akan dipertimbangkan mengikut merit sesuatu kes.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta izin dari Timbalan Menteri untuk meminta penjelasan. Kita memang memahami bahawa buruh-buruh asing hanya diizinkan bekerja di sektor-sektor yang tidak mendapat tarikan daripada penduduk tempatan. Yang saya ingin tahu di sini, sebelum kita mengizinkan sesuatu sektor itu mengambil pekerja asing atau buruh asing, adakah pihak Kementerian membuat satu kajian yang terperinci iaitu case-by-case? Oleh kerana saya takut, kebenaran kita membawa buruh asing ini akan dieksploitasikan sehingga menjejaskan buruh-buruh yang ada sendiri di sektor-sektor yang berkenaan.

Sebagaimana yang telah saya bangkitkan, ada satu estet GUTHRIE di kawasan Parlimen Parit Sulong di mana oleh kerana dahulu buruh-buruh asing diambil secara haram, apabila kedatangan mereka menjejaskan buruh-buruh tempatan, mereka lari. Buruh tempatan terpaksa keluar oleh kerana dia kata, orang-orang ini tidak payah kerja ikut masa, tidak payah ikut collective agreement dan sebagainya.

Apabila mereka lari, dia bawa lebih ramai lagi buruh asing. Jadi, there is a vicious cycle, ada satu pusingan yang boleh menjejaskan buruh-buruh tempatan sekiranya Kerajaan tidak berhati-hati dan tidak menyelidik case by case keadaan dan permohonan untuk membawa buruh asing. Jadi adakah pihak Kementerian akan melakukan perkara ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat boleh sabar, saya boleh menjawab soalan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebab kita pun ada kriteria-kriteria yang bagaimana kita mengambil orang asing bekerja di tempat kita.

Pengambilan pekerja asing ini adalah perlu bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara tidak terjejas disebabkan kekurangan tenaga kerja.

Dalam hubungan ini, dasar membenarkan penggajian pekerja asing, pada hakikatnya hanya merupakan langkah jangka pendek dan untuk tempoh lima tahun sahaja dan akan dikaji dari masa ke masa bagi memastikan ianya tidak akan menimbulkan sebarang masalah sosial yang serius dan juga untuk menentukan bahawa rakyat di negara ini tidak akan diketepikan dalam pasaran buruh. Pekerja tempatan sememangnya diberi keutamaan dalam setiap bidang pekerjaan. Pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan apabila majikan dapat membuktikan mereka telah berusaha sedaya upaya, tetapi gagal untuk mendapat pekerja tempatan. Dakwaan bahawa pekerja-pekerja asing mendapat layanan yang istimewa adalah tidak benar.

Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat tertentu dalam penggajian pekerja asing. Upah dan sumbangan kepada PERKESO adalah sama seperti yang dikenakan kepada pekerja tempatan. Mereka dikehendaki pula membayar levi mengikut peratusan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu Rang Undang-undang yang bernama "Employment (Restriction of Foreign Workers) Act", dengan izin, untuk memastikan kepentingan pekerja tempatan tidak digugat oleh kehadiran buruh asing. Selain dari itu, Akta ini juga akan mengawal dan menyelenggarakan penggajian buruh asing di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, demi memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk tempatan untuk mengisi segala kekosongan jawatan di sektor swasta dan mengurangkan masalah tenaga kerja, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah di antaranya yang diberi pertimbangan serius ialah mencadangkan supaya diperkenalkan polisi "part-time workers", dengan izin, di mana suri rumah digalakkan untuk bekerja di sebelah petang, misalnya dari jam 5.00 petang hingga 11.00 malam. Skim ini berjaya diamalkan di negara-negara lain yang mengalami kekurangan pekerja. Untuk memudahkan perlaksanaan konsep baru ini, Kementerian saya sedang mengkaji pindaan-pindaan yang perlu dibuat ke atas Akta Pekerjaan 1955.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai "Employment (Restriction of Foreign Workers) Act" ataupun Akta Penyekatan Pengambilan

Buruh Asing. Jadi, demi kepentingan rakyat bersama, saya ingin tahu bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk membawa Akta ini untuk diperbahaskan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berhubung dengan MTUC terhutang dengan CCB sebanyak RM8 juta, ini sedang disiasat oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berkaitan dengan penyiasaan Polis ke atas Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan di ibu pejabatnya, saya tidak ada halangan mengesahkan bahawa adalah benar sepasukan pegawai Polis telah pergi ke ibu pejabat Transport Workers Union pada 12 Oktober 1992 yang lalu. 3 orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja dari Kementerian saya telah diminta oleh pihak Polis supaya hadir bersama dalam serbuan ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta maaf kerana banyak sangat mengganggu, tetapi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, atas alasan apakah serbuan itu dibuat sehingga melibatkan pegawai-pegawai Kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri dan apakah perkara-perkara yang telah diambil tindakan hingga setakat ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dalam serbuan ini, pihak Polis telah mengambil beberapa dokumen tertentu bagi tujuan penyiasaan bersabit dengan aduan terhadap pemimpin-pemimpin Kesatuan ini yang dikatakan telah menyeleweng dan menyalahgunakan

wang Kesatuan. Adalah difahamkan bahawa allegation penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Polis itu ialah berkaitan dengan aduan penyelewengan wang Kesatuan Sekerja mengenai perbelanjaan-perbelanjaan lawatan ke luar negeri yang telah dilakukan oleh beberapa orang pemimpin Kesatuan ini dan bayaran cukai pendapatan bagi orang-orang yang sama serta bayaran ganjaran kepada salah seorang yang terlibat. Penyiasatan mengenai perkara ini sedang diteliti.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong minta jalan lagi ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri terlalu umum di dalam menyebutkan orang-orang dan pemimpin. Saya minta Dewan ini diberitahu siapakah pemimpin TWU pada hari ini, pemimpin-pemimpin atasan mereka dan berapakah umpamanya elaun sara hidup ataupun gaji yang diperolehi orang-orang atasan ini, kalau boleh diberitahu kepada Dewan ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin terlibat ialah Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung iaitu Ahli Yang Berhormat dari Puchong dan Encik Zainal Rampak. Gaji sebulan bagi Ahli Yang Berhormat dari Puchong ialah RM7,346 sebulan dan gaji sebulan bagi Encik Zainal Rampak ialah RM6,149 dan elaun-elaun kepada kedua-dua pegawai ini ialah bagi perbelanjaan dalam negeri, elaun harian ialah sebanyak RM50 sehari; tambang kapal terbang; makan dan hotel sebenar mengikut bil resit; bagi perbelanjaan keluar negeri, elaun harian bagi destinasi Asia Barat bagi Ahli Yang Berhormat dari Puchong sebanyak RM250 sehari, dan Encik Zainal—RM200; elaun harian bagi destinasi lain, Yang Berhormat dari Puchong sebanyak RM300 sehari, dan Encik Zainal RM250 sehari; makan dan hotel sebenar mengikut bil resit dan tambang kapal terbang.

Dalam tempoh 1hb April 1991 sehingga 31hb Mac, 1992, Yang Berhormat Ahli dari Puchong dan Encik Zainal Rampak telah membelanjakan wang sebanyak RM42,081.61 bagi lawatan-lawatan ke luar negeri.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Setar minta jalan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya ingin tahu adakah pemimpin-pemimpin Kesatuan ini ada kaitan dengan mereka yang keluar negeri untuk memburuk-burukkan nama negara? Yang kedua, sebagai pemimpin Kesatuan, adakah mereka ini mendapat kelulusan daripada ahli-ahli untuk keluar ke negara asing dan memburuk-burukkan negara ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah siasatan dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem kontrak di dalam industri-industri tempatan, perlu ditegaskan di sini....

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya perlukan penjelasan fasal ianya melibatkan seorang Ahli Parlimen, jadi maruah Ahli Parlimen harus dipertahankan walaupun dia Pembangkang ataupun Ahli Barisan Nasional. Hari ini saya cukup terkejut, paling terkejut dalam dunia mendengar cerita seorang pemimpin Kesatuan Sekerja iaitu Ahli Parlimen mendapat gaji sampai RM7,000 dan ianya dibayar oleh orang-orang kecil daripada Kesatuan Pekerja Pengangkutan, (TWU). Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat boleh jawab ataupun kalau-kalau ada di mana-mana boleh tengok, berapa ada dari segi kewangan.

Adakah mampu persatuan ini ataupun Union ini untuk membayar gaji yang begitu tinggi bukan sahaja kepada dua orang ini, saya rasa, termasuk juga kepada yang lain dan kalau boleh Yang Berhormat beritahu berapa pendapatan dia sebulan dan apakah kawalan Kementerian ke atas Union-union yang macam ini yang boleh membayar gaji yang begitu tinggi kepada pegawai-pegawainya dan oleh kerana ini melibatkan seorang Ahli Parlimen apakah di samping laporan polis pihak BPR harus dimaklumkan untuk menyiasat kerana ianya merupakan ahli politik yang juga merupakan separuh Kerajaan kakinya oleh kerana dia merupakan pegawai Kerajaan yang mendapat elaun daripada Kerajaan. Oleh itu adakah Yang Berhormat bercadang untuk menjemput pegawai-pegawai daripada BPR terutamanya Ahli daripada Puchong oleh kerana dia adalah Ahli Parlimen?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, itu juga sedikit, lagi pun ada. Sebanyak RM8,045 telah dibayar kepada American Express bagi pihak Ahli Yang Berhormat dari Puchong kerana perbelanjaan beliau di luar negeri tetapi butir-butir mengenai perbelanjaan itu tidak ditunjukkan. Kesatuan telah membayar kepada Encik Zainal Rampak sebanyak RM2,570 bagi perjalanan beliau ke Mekah untuk mengerjakan umrah. Pembayaran ini adalah tidak berkaitan dengan kesatuan.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' M. Mahalingam: Tidak bagi jalan. Tuan Yang di-Pertua, didapati juga Kesatuan Transport membayar cukai pendapatan bagi Yang Berhormat dari Puchong dan Encik Zainal dari Tabung Kesatuan sejak tahun 1987. Bagi tempoh April 1991 sampai Mac 1992, Transport Workers Union telah membayar RM27,495.00 sebagai cukai pendapatan bagi kedua-dua pegawai berkenaan. You pun tak dapat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat satu penindasan kepada kaum pekerja khususnya kepada TWU dan ini adalah satu perkara yang serius oleh kerana daripada jumlah kewangan yang terlalu besar daripada pembayaran income-tax, daripada penyelesaian hutang-hutang credit card, daripada perjalanan seberang laut, ini satu penyelewengan yang amat besar. Jadi saya harap Timbalan Menteri setelah pun melaporkan perkara ini kepada Parlimen akan melaporkan perkara ini kepada pihak BPR supaya perkara ini disiasat sedalam-dalamnya, dibongkarkan segala penindasan oleh pemimpin Kesatuan Sekerja kepada pekerja. Itu permohonan saya, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang Yang Berhormat dari Arau ada beritahu kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem kontrak dalam industri-industri tempatan....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*
(Disampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada sandiwara di antara Parit yang sulung dan Arau dan Timbalan Menteri Sumber Manusia. Saya hendak menanya... *(Disampuk)* Saya hendak menanya adakah pihak Kementerian on the war path untuk memusnahkan MTUC dan juga TWU, itu soal yang pertama. Yang kedua, adakah pihak Kerajaan mempertimbangkan tugas-tugas dan fungsi-fungsi itu eksekutif atau Presiden dan Setiausaha

Agung Kesatuan tersebut dan ini semua hendaklah diambilkira—diambilkira. (*Disampuk*) (*Ketawa*) Saya nampak Arau ini sentiasa minta elaun. Adakah pihak Kementerian on the war path against MTUC dan juga hendak mengadakan MLO untuk mengganti MTUC.

Dato' M. Mahalingam: Tidak!

Dr. Tan Seng Giaw: Itu soalan saya.

Dato' M. Mahalingam: Tidak. Saya mahu cakap tiga kali. Tidak! Tidak! Tidak! Ini penyelewengan, Tuan Yang di-Pertua....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Setar minta jalan Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, tidakkah ada rancangan Kementerian Yang Berhormat supaya pemimpin-pemimpin Kesatuan tidak boleh disandang oleh Ahli-ahli Parlimen.

Dato' M. Mahalingam: Setakat ini tidak. Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem kontrak dalam industri-industri tempatan, perlu ditegaskan di sini bahawa amalan ini sudah...

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)
Last. Last. Oleh kerana pendedahan ini amat memeranjatkan jiwa kami-kami semua, oleh kerana ianya dibayar oleh orang-orang kecil di dalam persatuan Union of Transport itu tadi, jadi apakah Yang Berhormat ingin mendedahkan persatuan-persatuan yang lain, union-union yang lain di mana kita lihat pemimpin-pemimpin mereka mendapat gaji yang begitu tinggi dan saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Puchong ini di samping itu ada pula tempat-tempat lain yang dia mendapat gaji daripada Kesatuan Sekerja yang dibayar oleh orang-orang yang berpendapatan rendah yang kononnya dia memperjuangkan?

Jadi, kalau boleh Yang Berhormat dedahkan di Parlimen ini berapakah gaji pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang lain? Yang lebih menyedihkan oleh kerana mereka datang daripada DAP yang selalu memperjuangkan keadilan dan sebagainya tetapi sumbangan yang kecil daripada orang-orang yang kecil digunakan untuk menampung pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang kononnya memperjuangkan keadilan. Ini satu perbuatan yang paling tidak demokratik dan paling tidak adil dan paling amat menyedihkan.

Jadi, saya minta Kepong sebagai orang yang terhormat tetapi sentiasa terkepung supaya bagi nasihat kepada Yang Berhormat di belakang sana supaya berbuat sesuatu untuk membayar balik apa yang telah disalahgunakan dan dia mestilah berhadapan di Parlimen, muncul di Parlimen untuk mempertahankan diri seperti DAP menuduh kita. Tetapi DAP menuduh kita, kita beritahu maklumat secara terperinci, tetapi sekarang kita minta DAP pertahankan di luar sana membuktikan mereka tidak mengeksploitasi ahli-ahli Kesatuan Sekerja.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu kata di sini "he who lives in glass house should not start throwing stone". (*Tepuk*) Itu saya mahu memberitahu.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' M. Mahalingam: Tidak payahlah. Saya tidak mahu buang masa lagi. Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem kontrak di dalam industri-industri tempatan perlu ditegaskan di sini bahawa amalan ini sudah pun lama wujud di negara ini. Malahan di negara-negara maju sistem kontrak disifatkan sebagai satu.....

Wan Junaidi bin Tuankua Jaafar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat. Orang Sarawak bangun. Batang Lupar, ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Satu kali sahaja.

Dato' M. Mahalingam: I mahu keluar cepat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak keluar cepat juga ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagaimana yang kita tahu Pegawai-pegawai Kerajaan ditetap oleh pihak Kerajaan berapa banyak gaji mereka. Jadi, umpamanya persatuan ataupun Kesatuan Sekerja macam ini tidak ada penetapan yang dibuat melainkan mereka sendiri yang menetapkan berapa gaji mereka. Jadi, kalau Kerajaan serius hendak menjaga soalan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan satu undang-undang, supaya Ketua-ketua Kesatuan Pekerja dan siapa-siapa terlibatlah, pegawai dia, jangan mengeksploitasikan keadaan dan Kerajaan boleh control, bukan soalan aktiviti, soalan gaji dia, supaya jangan dia orang ini gaji besar sangat, pergi ke luar negeri, hentam Malaysia. Kita hendak jaga ini. Jadi, soalan saya adakah Kerajaan bercadang hendak buat satu undang-undang untuk menetapkan supaya gaji dia orang ini jangan bagi besar sangat sampai berpuluh ribu, lima ribu, enam ribu itu. Elaun ataupun gajilah, tidak kira, dan menetapkan macam mana dia boleh menggunakan wang persatuan supaya jangan wang persatuan dipersalahkan untuk kepentingan mereka sendiri, apa yang mereka pandang dan pendapat mereka. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Cadangan Yang Berhormat adalah baik. Kementerian saya boleh kaji. Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem kontrak di dalam industri-industri tempatan, perlu ditegaskan di sini bahawa amalan ini sudah pun lama wujud di negara ini, malahan di negara-negara maju sistem kontrak disifatkan sebagai satu kaedah perhubungan yang sangat berfaedah untuk dipraktikkan. Ini kerana di dalam dunia perindustrian yang serba moden di mana terdapat berbagai gejala dan kadangkala menjadi penghalang kepada peningkatan

produktiviti. Syarikat-syarikat terpaksa mencari cara dan sistem-sistem pengeluaran yang lebih baik untuk mengatasi halangan-halangan tersebut.

Berhubung dengan kes yang berlaku di Oriental Ceramic, di Batu Pahat, sukacita dinyatakan siasatan yang terperinci sedang dilakukan oleh pegawai dari Kementerian ini dan hasil siasatan itu akan dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya sendiri telah menjelaskan bahawa pegawai-pegawai Kementerian saya akan menemui Ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan berhubung dengan perkara ini. Saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya terdapat penyelewengan dan penindasan ke atas pekerja-pekerja, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap majikan berkenaan. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji cadangan supaya Akta Pekerjaan 1955 dipinda untuk memastikan bahawa majikan utama (principal employer) bertanggungjawab memastikan....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta izin sekejap, sedikit sahaja mengenai sistem kontrak itu.

Dato' M. Mahalingam: Tak ada masalah, Yang Berhormat. Minta maaf.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta jaminan kalau....

Dato' M. Mahalingam: Saya sudah beri banyak, minta maaf.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay, terima kasih. Minta jaminan itu, sedikit sahaja!

Dato' M. Mahalingam: Tak payahlah, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam Committee stage.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam:....pembayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial bagi pekerja-pekerja kontrak. Kementerian ini berpendapat dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, pekerja kepada kontraktor-kontraktor masih layak mendapat perlindungan di bawah Undang-undang Buruh yang mengawal terma dan syarat-syarat penggajian seorang pekerja yang terpakai pada masa kini.

Di samping itu juga, saya ingin menegaskan bahawa sekiranya pihak majikan Oriental Ceramic menghalang penubuhan kesatuan sekerja sama ada dalaman atau kebangsaan, Kementerian saya akan memastikan supaya hak-hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan tidak dihalang. Ini adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menghormati prinsip ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai caruman dan kelewatan pembayaran faedah serta ganti rugi kepada pekerja-pekerja oleh PERKESO serta usaha-usaha yang perlu dipertingkatkan untuk menjaga keselamatan, mencegah dan mengurangkan jumlah kemalangan perindustrian. Kementerian Sumber Manusia memandang berat bahawa beberapa orang Ahli Yang Berhormat sungguh kluatir dengan kemalangan perusahaan yang menimpa pekerja-pekerja.

Dalam hubungan ini, untuk mempercepatkan prosesan tuntutan bayaran faedah, pihak pengurusan PERKESO telah pun mengambil tindakan dengan menggunakan panduan-panduan yang disediakan oleh pihak MAMPU dalam melaksanakan Program Pengurusan Kualiti di semua peringkat operasi PERKESO. Program ini telah dimulakan pada akhir tahun 1991 di peringkat Ibu

Pejabat PERKESO dan telah diluaskan pada bulan Ogos hingga Oktober 1992 kepada semua pejabat tempatan PERKESO di seluruh negara. Di bawah program ini, pengarah-pengarah bahagian yang berkenaan di Ibu Pejabat PERKESO dan semua pengurus pejabat tempatan telah diminta menyediakan "Standard Q" dan "Objektif Q" untuk semua aktiviti yang berkaitan dengan prosesan faedah-faedah.

Oleh kerana program ini baru sahaja dimulakan di peringkat pejabat tempatan, kejayaannya belumlah dapat dilaporkan lagi. Bagaimanapun, di peringkat bahagian-bahagian ibu pejabat, tempoh prosesan pembayaran faedah telah dapat dikurangkan. Misalnya, di peringkat Bahagian Khidmat Insurans, tempoh prosesan faedah hilangupaya kekal telah dapat dikurangkan daripada 26 hari kepada 14 hari. Pihak pengurusan PERKESO akan meneruskan usaha ini demi mempertingkatkan lagi prestasinya. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat maklumat masih terdapat kelewatan, sila bawa perkara itu ke perhatian saya supaya tindakan segera dapat diambil dan juga sekiranya perlu, Lembaga PERKESO akan dapat mengkaji semula sistem baru yang sedang diamalkan.

Berhubung dengan perbincangan Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam dan Kuala Langat berkenaan dengan isu memperluaskan skop peranan PERKESO, sama ada Kementerian berpuas hati terhadap program-program dan jumlah pembayaran yang dilakukan oleh PERKESO, saya ingin memaklumkan bahawa sejak penubuhan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada tahun 1971 hingga akhir tahun 1991, jumlah caruman yang diterima adalah RM1.9 bilion. Jumlah pendapatan melalui pelaburan yang diterima adalah sebanyak RM1.036 bilion. Pada masa yang sama juga PERKESO telah membelanjakan sebanyak RM487.7 juta bagi semua jenis faedah yang diberikan kepada para pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar PERKESO untuk memperbaiki faedahnya daripada segi skop, perbagaian dan kuantum apabila ianya diizinkan oleh validiti tabung PERKESO. Perlu diperhatikan bahawa faedah PERKESO adalah lebih lumayan daripada kadar dalam ILO Konvensyen 121 dan juga adalah yang paling tinggi di Asia iaitu 90% daripada gaji. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini PERKESO sedang membuat kajian untuk memperluaskan skop faedah, misalnya faedah bersalin, faedah biasiswa/pinjaman bagi pelajaran tinggi kepada orang tanggungan atau anak, faedah untuk pekerja yang ditimpa sakit yang teruk tetapi tidak menjadi ilat, faedah kepada pekerja yang terpaksa menganggur disebabkan penutupan syarikat/kilang dan perlindungan keselamatan sosial bagi 'self-employed', dengan izin. Kementerian saya yakin bahawa dengan ini pencarum-pencarum akan menerima lebih faedah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan keperluan latihan bagi pekerja-pekerja. Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa strategi perindustrian negara pada masa ini memerlukan latihan semula tenaga kerja sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran khusus dan terkini oleh kerana teknik pengeluaran bertambah rumit dan banyak menggunakan jentera automasi. Oleh yang demikian, latihan berasaskan perusahaan perlu digalakkan untuk meningkatkan kualiti dan keupayaan menyesuaikan diri bagi memastikan daya kualiti keluaran mereka di pasaran dunia. Dalam hal ini, penglibatan sektor swasta adalah penting dalam menyumbang kepada keseluruhan usaha menambah bilangan pekerja mahir dalam negara. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dengan tujuan menggalakkan sektor swasta melaksanakan program latihan kemahiran. Kerajaan akan menyumbangkan RM16.3 juta kepada kumpulan wang ini bagi tahun 1993 dan

akan terus memberi sumbangan untuk dua tahun berikutnya. Sektor swasta dikehendaki memberi sumbangan yang setimpal. Mulai tahun 1996 kumpulan wang ini akan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Skim kumpulan wang ini akan dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1993.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1993 dan memberi pandangan dan teguran-teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia akan mengambil kira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada yang telah saya jawab atau tidak sempat menjawab.

Akhir kata, Kementerian saya telah bersiap sedia untuk menemui semua cabaran ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 yang menjadi impian kita semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7.48 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merakamkan berbilang terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1993 yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Pengkalan Chepa telah membangkitkan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Tempatan dan Majlis-majlis

Daerah Kelantan dan mendakwa Kerajaan Persekutuan bermain politik dari segi penyaluran bantuan peruntukan berkenaan. Sukacita Kementerian ini menegaskan bahawa dakwaan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian geran tahunan berasaskan kaedah keseimbangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan adalah dibuat di bawah peruntukan sub-seksyen 3 Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan) 1980, Akta 245.

Bagi Negeri Kelantan, pemberian geran tahunan berasaskan kaedah keseimbangan pada tahun 1992 untuk perbelanjaan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatnya ialah berjumlah RM12,418,165.67 sen. Pengeluaran geran tahunan berasaskan kaedah seimbangan ini dibuat oleh Perbendaharaan Malaysia setelah diperakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan telah pun memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi Negeri Kelantan telah pun mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan. Perbendaharaan telah pun mengambil tindakan supaya geran tahunan berasaskan kaedah keseimbangan ini dikeluarkan. Cek-cek telah pun siap dan ia telah pun disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Seterusnya Kerajaan Negeri hendaklah memberikannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kelayakan masing-masing.

Selain daripada peruntukan yang disebutkan tadi, Kerajaan Persekutuan juga memberikan geran bagi Projek-projek Kecil, Geran Program Bersih dan Indah dan Geran Pelancaran berjumlah RM2,183,000 kepada Negeri Kelantan

dalam tahun 1992. Geran-geran tersebut telah pun diberikan kepada Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di Kelantan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan masalah pelajar-pelajar mengunjungi pub-pub, disko-disko dan pusat-pusat hiburan dan bagaimanakah penguatkuasaannya yang dilakukan oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab mengenakan lesen premis perniagaan ke atas pub, disko dan pusat-pusat hiburan dengan beberapa syarat yang antaranya melarang pengunjung-pengunjung yang berumur kurang dari 18 tahun mengunjungi tempat berkenaan. Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa akan membuat penyiasatan dan serbuan-serbuan secara sendiri atau dengan kerjasama pihak Polis untuk memastikan agar syarat-syarat yang dikenakan dipatuhi dengan sepenuhnya. Tindakan-tindakan telah dan akan terus diambil ke atas pemilik-pemilik pub, disko dan pusat-pusat hiburan yang didapati melanggar syarat-syarat lesen. Ini termasuk tindakan menarik lesen premis perniagaan atau menutup premis pusat-pusat hiburan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah menyarankan agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan...

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Setar minta jalan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Sila.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Timbalan Menteri di samping tempat-

tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi saya mendapat laporan bahawa ada lagi satu tempat yang suka dikunjungi oleh murid-murid sekolah menengah terutamanya iaitu tempat-tempat yang dipanggil "tea dance" di sebelah petang di mana di adakan tarian. Ini banyak berlaku terutama sekali di Bandaraya Kuala Lumpur ini dan di bandar-bandar besar. Saya harap sementara Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa mereka akan mengambil tindakan, minta perhatian sebab perkara ini juga akan membawa golongan muda kita ke arah yang tidak diinginkan. Terima kasih.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dan pandangan dari Yang Berhormat Kota Setar untuk kita mengambil tindakan ke atas pusat-pusat yang disebutkan akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah menyarankan agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terus menjalankan usaha menyediakan lebih banyak rumah kepada rakyat yang berpendapatan rendah khususnya di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar akan keperluan perumahan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Di Negeri Sarawak harga rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan melalui program perumahan awam kos rendah adalah tidak melebihi RM25,000 seunit supaya ianya mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Selain daripada program biasa...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Sila.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya lagi iaitu pernah saya tanya dulu tetapi jawapan belum cukup memuaskan. Kalau kita

pandang masalah harga rumah di Sarawak, kita nampak dari segi rasmi, harga rumah yang rendah ialah RM25,000 di Semenanjung dan RM32,000 di Sarawak. Jadi, sebenarnya tidak ada rumah yang harga RM32,000 dibina di Sarawak. Jadi, masalah ini tiap-tiap kali kita tanya dengan pemaju-pemaju perumahan jawapan dia tidak ada seorang pemaju perumahan pun boleh bina rumah dengan harga RM32,000 melainkan jual lot tanah dan bina rumah sendiri. Jadi, macam manakah pandangan Kementerian dan adakan tindakan-tindakan tertentu supaya benar-benar rumah yang berharga rendah ini boleh dibina di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat laporan daripada Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri ada melalui agensi-agensi seperti SEDC dan agensi-agensi yang lain yang bertanggungjawab kepada pembinaan perumahan ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan harga RM25,000 seunit. Ini yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi rumah-rumah yang telah dilaksanakan oleh pihak swasta ianya ditawarkan dengan harga tidak melebihi RM32,000 seunit. Jadi, Kerajaan Negeri sentiasa oleh kerana rancangan perumahan rakyat termiskin ini adalah dibawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan tanah adalah dibawah kuasa Kerajaan Negeri, maka sudah tentulah Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha untuk membina lebih banyak lagi rumah yang mampu dibeli oleh rakyatnya terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program di atas Kerajaan juga telah memperkenalkan sistem pertapakan dan kemudahan bagi golongan yang tidak mampu membeli rumah di bawah skim perumahan awam kos rendah. Di bawah skim ini tapak dengan kemudahan infrastruktur serta dengan rumah ini dijual di Sarawak dengan harga RM13,000 tanpa dikenakan sebarang faedah kepada pembeli-pembeli.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menetapkan harga rumah-rumah kos rendah yang disediakan oleh sektor swasta di Sarawak supaya tidak melebihi RM32,000 seunit. Ini adalah bertujuan supaya rakyat berpendapatan rendah berpeluang untuk memiliki rumah mereka sendiri.

Mengenai peruntukan tanah perumahan percuma bagi orang termiskin di Sarawak yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang didapati kadangkala tidak sesuai untuk tapak perumahan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sibu, saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat membangkitkan terus perkara ini kepada Kerajaan Negeri memandangkan bahawa ianya merupakan program di bawah Kerajaan Negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu juga telah membangkitkan keperluan Kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan menjaga kepakaran khususnya bagi kampung-kampung dan rumah panjang khususnya sebuah Balai Bomba di kawasan Upper Lenan di Sibu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan memang diberi perhatian berat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jabatan Bomba Sibu sedang menyediakan pelan kontingensi bagi menghadapi kemungkinan kebakaran bagi kampung-kampung dan rumah-rumah panjang termasuklah di kawasan Upper Lenan, Sibu.

Mengenai keperluan Balai Bomba di kawasan berkenaan, Kerajaan belum ada cadangan membina Balai Bomba tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa kebakaran di kawasan berkenaan Balai Bomba Sibu mampu memberi perkhidmatan yang mencukupi bagi mengatasinya. Walau bagaimanapun Jabatan Bomba sentiasa menggalakkan mana-mana badan, kilang-kilang atau institusi untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela.

Dalam hubungan ini Jabatan Bomba sedia memberi kerjasama kepada pasukan-pasukan tersebut khususnya dari segi khidmat nasihat, latihan dan peralatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut telah mencadangkan penggalakan penggunaan tong-tong sampah yang berasingan bagi memudahkan pembuangan sampah untuk penggunaan semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang menggalakkan penggunaan tong-tong sampah secara berasingan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahkan pemungutan sampah untuk penggunaan semula. Kementerian ini memang sedang merancang untuk melaksanakan program ini di semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam jangka masa panjang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya konsep pasangsiap digalakkan dalam pembinaan rumah, sukacita dimaklumkan Kementerian memang menggalakkan pembinaan rumah secara konsep pasangsiap. Konsep pasangsiap sekiranya dikendalikan dengan sistematik boleh mengurangkan kos rumah keseluruhannya oleh sebab penjimatan masa pembinaan rumah-rumah tersebut. Ianya lebih berkesan sekiranya penggunaan piawai dimensi modular digunakan bagi komponen-komponen rumah tersebut.

Akhir kata saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkit dan memberikan pandangan serta cadangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian ini. Segala pandangan dan cadangan akan diambil maklum dan diberi perhatian bagi mempertingkatkan lagi prestasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Akhir sekali ialah Kementerian Belia dan Sukan.

8.01 m/m.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan semasa perbahasan atas dasar Belanjawan 1993.

Yang Berhormat dari Kota Setar dan Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan soal persiapan negara menghadapi Sukan Komanwel 1998 yang akan dikendalikan oleh Malaysia khususnya dari segi persiapan dan strategi latihan. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi penyediaan kepegawaian dan atlit-atlit Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) menyusun semula organisasi beberapa Persatuan Sukan Kebangsaan yang kurang aktif;
- (ii) mengenalpasti acara dan sasaran pingat-pingat kerana beberapa jenis acara yang bersesuaian dengan bentuk badan rakyat Malaysia perlu diberi tumpuan latihan yang lebih bagi meraih kejayaan di peringkat antarabangsa. Sukan-sukan yang dimaksudkan ialah seperti sukan Terjun, Renang Berirama, Gimrama dan Menembak. Di samping itu, ahli-ahli sukan yang telah mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa seperti sukan Badminton dan Squash perlulah mengekal dan meningkatkan prestasi mereka;
- (iii) mengambil khidmat jurulatih asing dan tempatan;
- (iv) mengenalpasti atlit-atlit dari peringkat sekolah;
- (v) mempertingkatkan kemudahan latihan termasuk peralatan, pusat dan tempat latihan;

(vi) melantik pengurus projek secara sepenuh masa untuk setiap acara sukan. Tugas pegawai ini adalah untuk membantu menyediakan perancangan program persediaan latihan, mengawasi dan menyelaraskan keberkesanan dalam tempoh lantikan;

(vii) membekal khidmat sokongan Sains yang merangkumi bidang kepakaran seperti perubatan sains, fisiologi, biomekanik dan nutritionist;

(viii) mengambil contoh sistem latihan negara maju dalam bidang sukan untuk dijadikan panduan dalam menentukan halacara latihan yang bersesuaian dengan suasana organisasi sukan di Malaysia.

Suka saya memaklumkan di sini bahawa sebuah Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Persediaan Latihan ke arah Sukan Komanwel akan juga ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan dasar-dasar latihan, perancangan dan pelaksanaan latihan, menyelaraskan aktiviti latihan dan penilaian terhadap keberkesanan latihan yang dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Kangar telah juga membangkitkan tentang kemudahan sukan di kampung-kampung dan daerah-daerah. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberikan perhatian kepada pembangunan sukan di seluruh peringkat negara. Di bawah program khusus iaitu Rancangan Kemudahan Sukan Bandar-bandar Kecil, sebanyak RM3.5 juta telah dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk pembinaan 14 buah Dewan Pelbagai Guna, 3 buah Gelanggang Tennis, 3 buah Kompleks Sukan Mini dan sebuah Mini Stadium. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan berjumlah RM8.8 juta telah dikhaskan untuk program ini. Di

samping itu, Kementerian telah mewujudkan 39 buah gimnasium rakyat dengan perbelanjaan RM1.3 juta di seluruh negara untuk memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengamalkan gaya hidup cergas dengan kadar bayaran yang paling minimum.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kota Setar supaya sektor swasta dan bank-bank dipertanggungjawabkan untuk membiayai latihan satu-satu acara sukan, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk melaksanakan program "twinning" di mana 37 syarikat korporat utama telah pun dikenalpasti untuk menaja pembangunan sukan termasuk program latihan bagi 30 jenis sukan. Jika cadangan ini dilaksanakan kelak, 11 jenis acara yang akan dipertandingkan dalam Sukan Komanwel akan diliputi dalam program penaajaan sektor swasta ini kelak.

Yang Berhormat dari Arau ingin tahu mengenai kedudukan Majlis Rekreasi dan Fizikal Malaysia (MARFIMA). Untuk makluman Yang Berhormat, MARFIMA telah pun didaftarkan, dan mesyuarat agung pertamanya akan diadakan pada 17hb Disember, 1992 akan datang. MARFIMA merupakan sebuah majlis gabungan pertubuhan-pertubuhan jenis rekreasi dan kecergasan peringkat kebangsaan dan akan menjadi badan penyalaras, pendorong dan penggerak kepada kegiatan-kegiatan fizikal bagi meningkatkan kualiti dan gaya hidup seluruh masyarakat Malaysia.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada soalan-soalan dan pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat dari Labuan, Yang Berhormat dari Arau dan Yang Berhormat dari Kuala Langat yang menyentuh mengenai belia-belie pada hari ini.

Pihak Kementerian kini sedang berusaha dan berbincang dengan badan-badan korporat tertentu bagi membiayai, melibatkan dan membimbing belia-belie bagi meningkatkan perkhidmatan dan sumbangannya kepada masyarakat belia

dan negara. Beberapa persetujuan dan memorandum persefahaman telah dibuat di antara Kementerian dan beberapa badan yang pasti akan menguntungkan kedua-dua pihak. Dalam masa yang sama juga, usaha-usaha telah dijalankan bagi memperkuat dan memperkemaskan persatuan-persatuan belia di seluruh negara. Kementerian sedar dan peka dengan masalah ini.

Berhubung dengan kekurangan kepegawaian Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah, pihak Kementerian telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengenainya dan cuba mengatasi masalah ini. Kementerian ini sedang berusaha untuk menaikkan taraf jawatan di negeri-negeri dan daerah, di samping mewujudkan jawatan-jawatan baru untuk menampung pertambahan beban tugas yang dipikul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Mengenai pegawai-pegawai belia di daerah dan negeri, Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen mengatakan perbincangan dengan JPA masih lagi berjalan. Saya hendak tahu kesabaran sejauh manakah yang harus diberi kepada pihak kita di dalam menunggu suatu tindakan yang membawa hasil yang mendatangkan kesan ke peringkat akar umbi itu. Bilakah agaknya pegawai-pegawai tambahan ini akan diwujudkan dan akan digerakkan oleh pihak Kerajaan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya difahamkan bahawa perbincangan ini telah pun sampai di peringkat akhir. Jadi, tunggulah masa dan ketikanya.

Permohonan telah dibuat untuk menaikkan taraf jawatan yang sedia ada dalam pelbagai peringkat dan mewujudkan beberapa jawatan baru yang merangkumi Pegawai Belia dan Sukan Negeri dan Daerah

termasuk jawatan-jawatan khidmat sokongan. Kita faham dan sedar mengenai bebanan tugas dan tanggungjawab yang lebih besar yang terpaksa dilakukan oleh pegawai-pegawai ini di peringkat negeri dan daerah dan masalah kekurangan peruntukan. Pada tahun-tahun yang akan datang, pihak Kementerian bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan tertentu bagi mengatasi dan mengurangkan beban kewangan.

Mengenai Dasar Kesukarelawan Negara, pihak Kementerian telah mengadakan program-program tertentu bagi menyemarakkan semangat kesukarelawan di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perundingan Belia Negara yang diwujudkan bertujuan memberi forum untuk menggembleng pendapat dan perbincangan di peringkat tinggi Kerajaan di dalam menangani permasalahan belia.

Wakil-wakil yang menduduki Majlis Perundingan Belia Negara adalah mewakili seluruh masyarakat, iaitu semua EXCO Negeri yang bertanggungjawab dengan hal ehwal belia, Pengerusi-pengerusi Majlis, Belia Negeri, individu-individu yang berkaliber dan ahli-ahli profesional, perundangan, arkitek dan pegawai-pegawai Kementerian-kementerian. Kesemua keahlian di dalam Majlis Perundingan Belia Negara ialah seramai 112 orang.

Akhir sekali, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan...

Datuk Haji Basri bin Bajuri: *(Bangun)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Lampu ini menyala dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri dialah.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya yang akhir.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen tentang program Kementerian Belia dan Sukan terhadap belia-belia yang kebanyakan bekerja di kilang-kilang. Setahu kita bahawa kebanyakan belia-belia sekarang bekerja di kilang, dan belia-belia ini tidak mempunyai persatuan, dan kebanyakannya terbiar begitu sahaja. Ramai juga belia-belia yang bekerja di kilang ini yang menimbulkan masalah-masalah keluarga dan masalah-masalah sosial. Jadi, apakah program Kementerian Belia dan Sukan terhadap belia-belia, khususnya yang bekerja di kilang-kilang?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan menjawab sekali untuk semua. Sebelum beliau habis berucap.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Malaysia akan memilih sukan yang hendak dipertandingkan mengikut keadaan badan orang Malaysia kita. Jadi, saya hendak mengatakan di sini bahawa kalau kita hendak ikut badan kita, saya ingat orang Brazil—orang Brazil badannya lebih kurang saiz orang Malaysia juga. Jadi, mereka boleh menang dalam pertandingan volleyball yang bertanding dengan pasukan yang lebih besar. Oleh sebab kita masih ada enam tahun untuk berlatih, saya cadangkan supaya kita latih, kalau sukan itu peringkat “peak”nya 21, kita ambil budak-budak yang berada di Tingkatan Satu sekarang ini. Kalau misalnya renang, “peak”nya itu 17, kita ambil budak-budak yang Darjah Lima sekarang. Kita boleh latih dari sekarang. Kenapa kita hendak tengok saiz? Kita hendak pertandingan Sukan Komanwel yang akan diadakan di Malaysia, kita dapat masuk di dalam semua acara. Kita latih daripada sekarang. Sebab itu saya

cadangkan supaya badan-badan swasta ini mengambil anak angkat untuk melatih dari sekarang. Khususnya untuk Sukan Komanwel. Misalnya Bola sepak—Bank Bumiputera, mereka mengawal budak-budak daripada Tingkatan Satu hingga 1998. Mereka bertanggungjawab sehingga dapat menggondol pingat emas. Kita tidak boleh pilih yang besar atau kecil. Kita tengok badan kita kecil, kadang-kadang yang kecil, puyuh lari kuat juga.

Lagi satu, belia. Kadang-kadang puyuh jangan main-main. Jangan fikir Yang Berhormat Jelutong itu besar boleh menang. Kepong boleh menang dari Yang Berhormat dari Jelutong kalau Yang Berhormat lawan lari.

Lagi satu perkara berkenaan dengan belia. Di kampung-kampung terutama sekali di kawasan saya, kawasan luar bandar. Pelajar-pelajar yang keluar dari sekolah, kadang-kadang mereka ini ada yang tercicir ataupun yang tak cukup duit untuk melanjutkan pelajaran, mereka ini dibiarkan sahaja oleh sebab tidak ada pegawai-pegawai belia. Kalau ada pun dia hanya mengira sukan, dia tidak banci tengok berapa banyak belia yang menganggur, sama ada dia hendak tolong beri kerja macam sahabat saya kata tadi, ataupun dia mengadakan sesuatu, hantarkan kursus-kursus. Macam zaman saya dahulu, kita di hantar pergi menjaga dan membasuh reban ayam, iaitu hendak menternak ayam, sebelum mendapat kerja. Kita berharap pegawai-pegawai belia ini patut membanci pelajar-pelajar yang keluar daripada sekolah. Kita tahu berapa banyak, tiap-tiap tahun mesti ada yang tak dapat kerja kilang, atau sebelum mendapat kerja kilang kita tidak mahu mereka ini duduk di tembok-tembok menunggu sesuatu ataupun menjadi masalah masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan saya teknikal sedikit, Yang Berhormat. Pada masa sekarang Kementerian Belia memberi latihan kepada jurulatih dan dia ada empat level. Level satu, dua, tiga dan empat. Dan saya tengok untuk tujuan memberi latihan ini tidak ada satu kelab yang khusus. Saya Presiden Kelab Rekreasi Perlis dan saya bercadang untuk bertanding pada 17hb ini, dan bila saya menang pun atau saya kalah tak kira, tetapi saya rasa saya menang, saya tidak akan minta gaji RM7,000 seperti geng DAP. Pasti sudah itu merupakan jawatan yang tidak—kita akan beri sumbangan demi kepentingan rakyat Malaysia. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memastikan latihan dan juga pengeluaran sijil-sijil ini hanya dikhususkan kepada satu kelab sahaja ataupun kepada Majlis ini sahaja. Oleh kerana berbagai-bagai pihak sekarang ini mengeluarkan sijil untuk latihan rekreasi ini yang ada empat level, jadi makna kata ia tidak selaras. Setengahnya sijilnya kadang-kadang mungkin dia dapat free sahaja, tetapi tidak mendapat latihan yang sepenuhnya.

Yang keduanya, untuk pengetahuan Yang Berhormat terdapat beberapa latihan yang dibuat oleh Kementerian yang saya rasa cukup tepat dari segi latihan fizikal, dan saya ucap tahniah kepada Kementerian. Dan terdapat satu lagi latihan yang dibuat oleh pasukan-pasukan komando. Contohnya macam pusing kepala, kalau komando macam Bentara kita dia bekas askar dia tahu. Kalau komando, maaf, dia pusing kepala macam hendak putus kepala. Dia pusing satu, dua, tiga, pada hal ini salah. Kita boleh hilang kepala kita. Tetapi Kementerian buat dengan cara yang cantik. Adakah pihak Kementerian memperluaskan latihan dari segi fizikal ini sampai ke pihak Tentera untuk membolehkan rakyat Malaysia yang apabila dia sampai ke peringkat itu kepala dia tidak terlucut ataupun dia tidak putus wire dan sebagainya.

Yang ketiga, bersabit dengan soalan saudara-saudara saya, saya sudah cadang dahulu apakah Yang Berhormat bercadang, iaitu di bawah bantuan belia-niaga yang

berhubung dengan belia tak bekerja tadi. Yang Berhormat bercadang untuk membolehkan supaya mereka ini tidak diberi syarat yang ketat dari segi perniagaan di mana mereka ini berniaga untuk mereka sahaja. Sepatutnya mereka ini boleh berniaga dengan ahli-ahli peniaga yang lain, dia boleh buat joint venture. Dengan itu dia boleh didedahkan kepada pasaran terbuka. Tetapi syarat-syarat belia, dia tidak boleh joint venture dengan orang-orang yang telah berjaya. Jadi, maknanya apa perniagaan dia buat pun, makna kata pasarnya adalah pasaran tertutup dan dia terpaksa menghadapi pertandingan terbuka yang lebih mencabar. Apakah keuntungan ini akan membenarkan supaya terutamanya untuk manusia yang menganggur ini dibenarkan untuk membolehkan mereka mengadakan usaha sama dengan peniaga-peniaga yang telah berjaya seperti Dato' Zihin, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terpulang kepada Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak bertanya bahawa Ahli dari Arau ini komandokah atau apa? Kalau dia komando, adakah Kementerian Belia dan Sukan hendak ambil dia untuk menjadi pelatih.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Ismail bin Said: Saya hendak jawab. Kepong boleh bawa dalam Jawatankuasa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan ataupun penjelasan sebelum saya mengakhiri jawapan saya.

Yang Berhormat dari Kuala Langat, mengenai belia di kilang-kilang. Saya faham bahawa ada satu soalan Yang Berhormat tak sempat dijawab soalan mengenai masalah belia di kilang-kilang. Untuk

makluman Yang Berhormat, pada mulanya kita telah membuat banciaan kepada belia-belia yang bekerja di kilang, termasuklah beliawanis. Kita perhati setakat ini ada dua jenis golongan belia yang bekerja di kilang. Satu, belia yang datang dari tempatan, daripada kawasan itu sendiri yang tidak menginap di asrama, tetapi didapati bahawa mereka ini telah pun menyertai persatuan belia di tempat masing-masing. Satu lagi golongan belia yang bekerja di kilang ialah yang menetap di asrama. Dan ini kita sedang kaji sama ada mereka ini yang datang daripada luar bekerja di kilang di tempat yang berkenaan dan duduk di asrama sama ada mereka ini menyertai persatuan tempat asal mereka ataupun tidak, kita sedang mengkaji. Dan insya-Allah kita akan sampaikan maklumat ini kepada Yang Berhormat apabila kita selesai membuat kajian.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Setar contoh mengenai Volleyball, sebenarnya sukan Volleyball, tak salah ingatan saya, kita tak masuk dalam Sukan Komanwel. Walau macam manapun untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jawab tadi, kita telah pun merangka beberapa langkah termasuklah mengenalpasti atlit-atlit dari peringkat sekolah lagi di bawah program yang kita panggil 'Tunas Cemerlang'. Dan juga penglibatan swasta sebagaimana yang saya katakan tadi, kita bercadang untuk melibatkan 37 buah syarikat swasta untuk menjayakan twinning programme, dan ianya melibatkan 11 acara sukan yang dipertandingkan di Sukan Komanwel kelak— untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Setar.

Ahli Yang Berhormat dari Arau, terima kasih di atas minat Ahli Yang Berhormat mengenai sukan rekreasi dan beliau bertanyakan mengenai sijil pengiktirafan kepada latihan sukan rekreasi ini; tunggulah Yang Berhormat, apabila mesyuarat agung kelak pada 17hb Disember ini, tidak kira siapa yang menjadi Presiden, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat daripada Arau dipilih menjadi Presiden, Ahli Yang Berhormat sendirilah

tentukan dasar sama ada sijil ini hendak disediakan oleh Majlis itu sendiri ataupun disediakan oleh mana-mana badan yang tertentu. Demikian juga masalah bentuk latihan sama ada kita hendak menjalankan secara komando ataupun tidak, terserahlah kepada Presiden yang menentukan kelak.

Belianiaga juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau. Sukacita saya maklumkan bahawa Tabung Ekonomi Belia yang sebenarnya adalah merupakan satu program yang dikelolakan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Belia dan Sukan cuma menguruskan sahaja. Jadi, kita terpaksa ikut dan akur kepada kesemua syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya syarat-syarat yang dikenakan itu dilonggarkan sedikit, bolehlah pihak Kementerian Belia dan Sukan sebagai pengurus kepada tabung ini sampaikan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan selanjutnya. Itu saya tidak boleh jamin kerana ia adalah merupakan urusan Kementerian Kewangan. Pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Larut, saya mintanya sendirilah Ahli Yang Berhormat daripada Arau, saya tidak boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Semua Kementerian yang berkaitan telah pun menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini di edarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM11,854,471,720 (sebelas bilion, lapan ratus lima puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh satu ribu, dan tujuh ratus dua puluh ringgit) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1993, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1992, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan ini sekarang sehingga hari esok pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.23 malam.